

**PENYELUDUPAN DADAH OLEH WARGA ASING:
KAJIAN TERHADAP MODUS OPERANDI, JENIS-JENIS
DADAH DAN IMPAK KE ATAS KESELAMATAN MALAYSIA**

CHARUN AAI BEEN

808778

SARJANA SAINS (PENGURUSAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011

**PENYELUDUPAN DADAH OLEH WARGA ASING:
KAJIAN TERHADAP MODUS OPERANDI, JENIS-JENIS
DADAH DAN IMPAK KE ATAS KESELAMATAN MALAYSIA**

**Kertas Projek ini Diserahkan Kepada Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia Sebagai Memenuhi Syarat Keperluan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia.**

Oleh:

CHARUN AAI BEEN

808778

©Charun Aai Been, 2011. Hak Cipta Terpelihara

PERMISSION TO USE

In presenting this thesis in partial fulfillment of the requirements for postgraduate degree from University Utara Malaysia (UUM), I agree that University Library may take it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner, in whole or part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor or in their absence, by the Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to University Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Request for permission to copy or to make other use materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:

Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok,

Kedah Darulaman

Malaysia

ABSTRAK

Fenomena penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia dewasa ini semakin mencemaskan dan angka menunjukkan peningkatan. Di dada akhbar saban hari memaparkan pelbagai modus operandi dan jenis-jenis dadah yang diseludup masuk ke negara kita. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ini ke Malaysia.

Dalam kajian ini, kaedah temubual digunakan dengan mengemukakan soalan-soalan yang relevan dengan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia. Seramai lima puluh responden terlibat yang terdiri daripada kalangan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia di Bukit Aman yang berpengalaman luas dalam bidang yang dikaji. JSJN merupakan nadi utama dalam usaha pembenterasan dadah di negara ini.

Hasil kajian ini mendapati penyeludup dadah dari rantau Asia Tenggara iaitu Thailand mendominasi negara lain dalam aktiviti penyeludupan dadah diikuti oleh Myanmar, Indonesia, Singapura dan Filipina. Manakala bagi rantau Timur Tengah pula, warga negara Iran merupakan penyeludup dadah yang paling ramai terlibat dalam aktiviti ini. Sementara itu, dari benua Afrika pula, Nigeria adalah merupakan negara yang paling ramai rakyatnya terlibat menyeludup dadah ke Malaysia. Di samping, itu negara-negara lain di dunia ini juga tidak ketinggalan tetapi jumlahnya adalah masih terkawal. Dalam kajian ini juga mendapati jenis dadah yang paling banyak diseludup ke Malaysia ialah jenis Syabu, Heroin dan Ganja.

Pelbagai cadangan diperolehi hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini dan pengkaji telah merumuskan kepada beberapa cadangan yang relevan yang difikirkan boleh digunapakai oleh Agensi Penguatkuasa Malaysia mahupun negara asing lain dalam usaha membentasi aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ini. Antaranya ialah mengeratkan kerjasama dengan agensi dadah luar negara, menagani kemasukan kurier di pintu masuk negara, mengkaji semula pemberian visa on arrival, memperketatkan syarat visa pelajar asing, menukar pegawai penguatkuasa di pintu masuk negara secara berskala dan membina tembok antara Thailand dan Kelantan.

Oleh yang demikian dari cadangan-cadangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat mengambil langkah-langkah pencegahan yang lebih kepada proaktif oleh agensi pelaksana serta pengubal dasar negara berkaitan permasalahan dadah. Oleh demikian, diharapkan sekurang-kurangnya dapat mengekang serta melumpuhkan kegiatan penyeludupan dadah ke Malaysia agar hasrat kerajaan Malaysia "Tahun Malaysia Bebas Dadah 2015" dapat dicapai sepenuhnya.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan ke peringkat sarjana khususnya dalam pengurusan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohammad Basir Bin Saud (UUM) selaku penyelia utama dan Dr. Khadessa Bt Abdul Kadir (INTAN) sebagai pembimbing serta atas tunjuk ajar mahupun nasihat mereka dalam menyiapkan kertas projek ini.

Di samping itu, tidak lupa saya untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ACP Zulkifli Bin Ali ,Penolong Pengarah Risikan/Operasi JSJN Bukit Aman yang memberi kerjasama yang amat baik dalam proses temu bual yang dijalankan dan memberi maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Jika tidak, mungkin sukar bagi saya untuk menjelaskan sesuatu perkara tanpa sokongan data yang tepat dan sahih.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dalam program Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/INTAN sesi 2010/2011 yang sentiasa memberi dorongan, bantuan, bimbingan dan juga telah berkongsi pahit manisnya sepanjang pengajian ini. Ribuan kemaafan dipohon seandainya terdapat sebarang kesilapan dan kesalahan selama ini. Hanya tuhan yang mampu menilai dan membalas jasa baik kalian.

**CHARUN AAI BEEN
INTAN BUKIT KIARA
KUALA LUMPUR
NOVEMBER 2011**

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PERMISSION TO USE	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	6
1.2 Persoalan Kajian	9
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Definasi Konsep	11
1.5.1 Penyeludupan	11
1.5.2 Dadah	11
1.6 Kesimpulan	12

BAB 2 SOROTAN KARYA

2.0	Pengenalan	14
2.1	Penyeludupan	14
2.2	Aktiviti Penyeludupan di Malaysia	18
2.3	Sejarah Dadah di Malaysia	20
2.4	Masalah Dadah di Malaysia	22
2.5	Jenis-jenis Dadah	26
2.6	Dasar Dadah Malaysia	32
2.7	Strategi Malaysia terhadap masalah dadah	34
2.8	Program Pencegahan Dadah di Malaysia	36
2.9	Modus Operandi penyeludup dadah warga asing ke Malaysia	42
2.10	Kajian Lepas	64
2.11	Kesimpulan	65

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	67
3.1	Reka Bentuk Kajian	67
3.1.1	Kaedah Temu bual	67
3.2	Tempat Kajian	69
3.3	Skop Kajian	70

3.4	Analisa Data	70
3.5	Batasan Kajian	71
3.6	Kesimpulan	72

BAB 4 PENEMUAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	73
4.1	Responden Kajian	74
4.2	Temubual	74
4.3	Analisis latar belakang responden	75
4.4	Respon dari JSJN Bukit Aman	76
4.5	Jenis dadah yang dirampas dari warga asing dari tahun 2006-2010	77
4.6	Peringkat umur warg asing yang menyeludup dadah ke Malaysia	81
4.7	Jenis pekerjaan warga asing di negara asalnya	84
4.8	Laluan yang digunakan warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia	84
4.9	Modus Operandi yang digunakan oleh warga asing	85
4.10	Pengoperasian sindiket dadah warga asing di Malaysia	88
4.11	Faktor penyebab Malaysia dijadikan transit dadah	89
4.12	Faktor harga dadah penyebab Malaysia dijadikan transit dadah	91
4.13	Modus Operandi mengikut kategori dadah	91
4.14	Jenis dadah yang diseludup oleh warga asing ke Malaysia	92

4.15	Warga asing yang telah disabit kesalahan dan dikenakan hukuman gantung oleh Mahkamah Malaysia	94
4.16	Pendapat responden berkaitan masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia dan ancamannya terhadap keselamatan negara.	95
4.17	Kelonggaran pintu sempadan punca banjir kemasukan dadah ke Malaysia	99
4.18	Cadangan mengatasi masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia.	102
4.19	Ulasan/Perbincangan	107

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	121
5.1	Cadangan	121
5.1.1	Menangani kemasukan Kurier di pintu masuk negara	122
5.1.2	Mempereratkan hubungan antarabangsa dengan negara luar yang aktif dalam aktiviti dadah	122
5.1.3	Membatalkan VOA ke atas warga negara yang aktif dalam aktiviti dadah.	123
5.1.4	Membina tembok atau pagar berduri di sepanjang Sungai Golok sempadan Kelantan-Thailand	124
5.1.5	Mengkaji semula visa pelajar asing di Malaysia	124

5.1.6 Menukarkan pegawai penguatkuasa di pintu masuk negara	125
5.1.7 Menjalankan Ops.Nyah secara berterusan	125
5.2 Kajian akan datang	126
5.3 Kesimpulan	126
RUJUKAN	128

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Jumlah tangkapan warga asing yang menyeludup Dadah ke Malaysia dari tahun 2008 – 2010	8
4.1	Jenis-jenis dadah yang dirampas dari tahun 2006 – 2010	77
4.2	Peringkat umur warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia	81
4.3	Jumlah pengedar dadah warga asing yang telah dijatuhkan hukuman gantung dari tahun 2006 – 2010	94

SENARAI SINGKATAN

KLIA	Kuala Lumpur International Airport
JSJN	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik
MO	Modus Operandi
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
UPP	Unit Pencegahan Penyeludupan
KDRM	Kastam DiRaja Malaysia
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
RELA	Ikatan Relawan Rakyat
JIM	Jabatan Imegresen Malaysia
THC	Delta Tetrahydrocannabimol
HMDA	3.4-metilindioksifenil-3-aminobutane
MDMA	3.4-metilindioksime famfetamina
JKAD	Jawatankuasa Anti Dadah
MDK	Majlis Dadah Kebangsaan
ATS	Amphetamine type stimulant
LTASI	Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Gambar Modus Operandi penyeludupan dadah oleh warga asing dalam kes yang telah ditangkap oleh JSJN Bukit Aman.
B	Borang soal selidik

BAB SATU

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan.

Kertas projek ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti kaedah penyeludupan dadah yang dilakukan oleh penyeludup dadah warga asing, jenis dadah yang diseludup ke Malaysia, mengenalpasti bagaimana pihak bertanggungjawab menangani masalah penyeludupan dan bagaimanakah kegiatan penyeludupan ini boleh mengugat atau mengancam keselamatan negara serta memberi cadangan penyelesaian kepada pihak berwajib dalam menangani masalah penyeludupan dadah ke Malaysia.

Sejak kebelakangan ini masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia telah menjadi satu tajuk utama di dada akhbar yang mana para penyeludup dadah telah mempelbagaikan teknik penyeludupan dan menggunakan teknologi yang canggih sehingga menyukarkan pihak berkuasa dalam melaksanakan proses pemberantasan. Pelbagai modus operandi yang dijalankan oleh sindiket ini bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Berikut adalah beberapa contoh kes-kes tangkapan yang dibuat oleh Polis DiRaja Malaysia ke atas pengedar-pengedar dadah warga asing yang cuba menyeludup dadah ke negara kita.

Antaranya ialah pada 15/12/10 Jabatan Narkotik Bukit Aman telah membuat tangkapan ke atas 2 lelaki dan 1 perempuan warga Iran di tempat penerimaan bagasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta merampas sebanyak 7.8 kilogram dadah jenis Syabu yang bernilai RM 1.2 juta. Modus operandi yang digunakan oleh ahli sindiket ini ialah dengan mengistiharkan kehilangan bagasi di negara transit dan akan membuat tuntutan bagasi tersebut ke negara kita (JSJN, 2010).

Sementara kes ini pula melibatkan warga asing yang datang ke negara ini sebagai pelajar tetapi niat sebenar adalah untuk mengedar dadah bagi mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Itulah yang terjadi kepada segelintir pelajar luar negara yang datang ke negara ini dan kegiatan mereka semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Terbaru, dalam serbuan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) di Subang Jaya, empat pelajar lelaki warga Nigeria dari sebuah kolej yang berumur dalam lingkungan 26 hingga 32 tahun bersama seorang wanita Filipina berumur 40 tahun ditahan. Menurut Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah, lelaki dan wanita terbabit dipercayai merancang mengadakan transaksi penjualan dadah tersebut berdasarkan jumlah dadah yang dibawa ke pusat hiburan itu. Beliau berkata;

“Dadah tersebut mempunyai nilai yang tinggi jika ia dapat dibahagikan ke dalam bungkusan yang lebih kecil. Kegiatan pelajar luar negara dalam penjualan dadah adalah membimbangkan semua pihak dan sepanjang tahun lalu (2010) jumlah tangkapan telah meningkat”

Satu lagi kes ialah tangkapan ke atas seorang lelaki Iran di Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Sepang, Selangor. Lelaki berumur 27 tahun itu

ditahan polis ketika sedang menolak troli dan hasil pemeriksaan rapi, polis menjumpai paket bungkusan dadah seberat 600 gram yang disembunyi di lapisan bawah beg yang dibawanya. Dalam kes kedua pula, 2 lagi lelaki Iran ditahan di KLIA dengan masing-masing didapati menyorokkan bungkusan dadah syabu seberat 885 gram dicelah kiri dan kanan beg mereka. Lelaki-lelaki Iran tersebut didapati menaiki penerbangan dari Doha, Qatar (Foad, 2010).

Dalam kes yang berasingan enam warga asing termasuk dua wanita warga Zimbabwe diberkas bersama 11.4 kilogram dadah jenis Syabu bernilai RM 2.8 juta dalam 6 serbuan di KLIA. Selain daripada itu sekiranya kita membiarkan masalah penyeludupan dadah ini semakin berleluasa ia akan mendatangkan masalah kepada negara dari aspek ekonomi dan sosial. Penyeludupan dadah boleh menyebabkan peningkatan bekalan dadah dalam negara, justeru menyebabkan masyarakat mudah mendapat dadah di mana akhirnya meningkatkan bilangan orang yang menagihnya (Abdullah, 2010).

Kebanjiran warga asing yang menjadikan Malaysia sebagai hub pengedaran dadah juga boleh dilihat apabila seorang yang bertaraf “ustaz” dari Myanmar dihukum penjara dua tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Majistret selepas mengaku bersalah memiliki ganja di sebuah kaki lima kedai. Suspek yang berumur 29 tahun, dipenjara lima bulan bagi kesalahan memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah. Suspek mengaku memiliki empat paket plastik lutsinar mengandungi ganja seberat 28.29 gram di kaki lima deretan kedai No. 60, Jalan Ipoh, Sentul, Kuala Lumpur. Mengikut fakta kes, dadah itu dijumpai dalam poket

hadapan beg pinggang yang dipakai tertuduh semasa dia ditahan polis pada hari kejadian (Ibrahim, 2010).

Kes lain yang melibatkan warga asing ialah apabila lapan lelaki warganegara Iran mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen Klang atas tuduhan memiliki dadah di KLIA. Kesemua suspek ini ditahan sejeurus mereka tiba di Malaysia dengan menyembunyikan dadah dalam bagasi masing-masing (Abdullah, 2010).

Sementara itu polis Selangor menahan lima sekeluarga warga Myanmar yang dipercayai terlibat dalam pengedaran dadah heroin di sebuah rumah teres di kawasan Pandan Mewah, Ampang, Kuala Lumpur. Ketika serbuan dilakukan, pasangan suami isteri dan tiga anak perempuan mereka itu sedang berehat di rumah itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (KJSJN) Negeri Selangor berkata;

“Dalam serbuan itu, Kami merampas wang tunai berjumlah RM 400,000 dan 69 ketulan yang di balut plastik hitam dan 25 tiub straw berisi bahan yang disyaki dadah jenis heroin seberat 162.7 gram yang bernilai RM 4,000. Sepeket ketulan itu dijual pada harga RM 50 hingga RM 90 manakala setiub straw itu dijual RM 20”

Semua suspek itu yang berumur antara 15 dan 54 tahun menetap di negara ini sejak setahun lepas dan dipercayai menjalankan aktiviti itu sejak enam bulan lepas dimana dadah tersebut itu dipasarkan di kawasan sekitar Pandan Mewah dan Ampang, Kuala Lumpur. Didapati 70 peratus daripada tersebut dijual kepada kalangan warga Myanmar dan baki 30 peratus lagi dijual kepada warga tempatan (Kasim, 2010).

Menurut Pengarah Unit Narkotik Iran harga dadah di pasaran Asia Tenggara yang dikatakan 5 kali ganda lebih tinggi berbanding di Iran, mendorong sindiket penyeludupan dari negara itu menjadikan negara ini sebagai transit. Harga pasaran bagi sekilogram dadah syabu di Iran adalah RM 50,000 lebih rendah berbanding RM 250,000 jika ia dijual di negara ini. Faktor ini telah dikenalpasti sebagai punca utama peningkatan trend penyeludupan dadah ke negara ini dari Iran sejak awal tahun ini (2011).

Menurut maklumat yang diperolehi oleh pihak berkuasa Iran kebanyakan suspek yang ditahan oleh Polis Malaysia bukanlah dalang utama (sindiket pengedaran dadah). Mereka kebanyakannya merupakan kurier dadah dan kali pertama masuk ke Malaysia, beliau turut berkata;

“Sindiket penyeludupan dadah yang melibatkan warga Iran itu dipercayai menggunakan kemudahan Internet bagi menjalankan kegiatan mereka dan kemudahan tersebut digunakan untuk berkomunikasi, membuat permintaan bekalan dadah, menghantar invois harga serta memberi maklumat berhubung sistem keselamatan di lapangan terbang antarabangsa. Selain itu, sindiket terbabit turut menggunakan kaedah terkini penyeludupan yang boleh digunakan bagi mengaburi mata pihak berkuasa”

Malah, kumpulan itu juga mencari individu-individu yang layak dijadikan kurier dadah. Antara ciri-ciri disasarkan mereka ialah golongan penganggur, bergaji rendah serta tidak berpendidikan tinggi, dan pihaknya turut mempertingkatkan kawalan keselamatan di sempadan negaranya terutama dengan Afghanistan yang di kenalpasti pengeluar utama dadah ke negaranya (Nazri, 2010).

Rentetan daripada peristiwa di atas maka dapat kita katakan bahawa masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia bukanlah masalah kecil lagi dan ia berkemungkinan akan terus berkembang sekiranya pihak Malaysia tidak mempunyai langkah-langkah pencegahan segera.

1.1 Permasalahan Kajian.

Sejak kebelakangan ini sindiket penyeludupan dadah oleh warga asing semakin berkembang dan taktik penyeludupan yang digunakan oleh penyeludup semakin canggih dan sentiasa berubah. Modus Operandi (MO) seperti ini telah menyukarkan pihak berkuasa membenteras kegiatan mereka. Perangkaan yang dikeluarkan oleh JSJN Polis Bukit Aman menunjukkan bahawa sejak kebelakangan ini ramai warga asing terlibat dalam kegiatan penyeludupan dadah ke Malaysia. Warga asing ini bergiat aktif dalam penyeludupan dadah terutamanya jenis Syabu yang mempunyai nilai komersial yang tinggi dimana harga dadah itu boleh mencecah RM150,000 sekilogram (JSJN 2010). Pelbagai taktik yang sering digunakan oleh warga asing ini seperti menelannya, mengistiharkan bagasi hilang, menyembunyikan di ruang khas dalam bagasi, menyembunyikan dalam tapak kasut yang dibuat ruang khas, menyembunyikan di dalam bingkai gambar lukisan, mencairkan dadah syabu dan membawanya dalam bentuk pakaian basah dan banyak lagi taktik-taktik yang masih belum dikenalpasti (JSJN, 2010).

Penyeludupan dadah pula akan membawa kemudaratan kepada aspek sosial ekonomi dan politik negara. Kebanjiran dadah berbahaya seperti Syabu, Ketamin

dan Heroin akan menyebabkan peningkatan kepada kadar penagihan dadah tersebut di kalangan rakyat negara kita. Aktiviti pengubalan wang haram juga dilihat mempunyai hubungkait dengan aktiviti penyeludupan dadah ini. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan, sehingga tahun 2010 statistik penagih dadah di negara kita adalah seramai 12,352 orang (AADK , 2011).

Jadual 1.0 Jumlah tangkapan warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia dari tahun 2008 hingga 2010.

Negara	2008	2009	2010	Jumlah
Afika Selatan	0	4	3	7
Bangladesh	8	6	16	30
Filipina	34	18	18	70
India	6	9	20	35
Indonesia	257	207	196	660
Iran	8	20	208	236
Myanmar	222	228	342	792
Nigeria	8	29	50	87
Pakistan	6	11	11	28
R.R China	33	52	56	141
Rep. Of. Guinea	2	0	2	4
Sepanyol	0	0	7	7
Singapura	34	44	51	129
Taiwan	0	10	4	14
Thailand	264	277	387	928
Vietnam	3	19	20	42
Uzbekistan	0	0	5	5
Yaman	0	0	3	3
Zambia	0	4	0	4
Bulgaria	0	0	2	2
Georgia	0	0	2	2
Zimbabwe	0	0	2	2
Russia	0	0	2	2
Jumlah	618	938	1407	3230

(Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman, PDRM, 2011)

1.2 Persoalan Kajian

- 1.2.1 Apakah modus operandi yang sering digunakan dalam penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia?
- 1.2.2 Apakah jenis-jenis dadah yang menjadi keutamaan warga asing untuk diseludup masuk ke Malaysia dan adakah ia mendatangkan kesan sosial kepada rakyat Malaysia?
- 1.2.3 Adakah kegiatan penyeludupan dadah yang berleluasa oleh warga asing tanpa kawalan akan mengancam keselamatan Malaysia?

1.3 Objektif Kajian

- 1.3.1 Mengenalpasti modus operandi canggih yang sering digunakan oleh penyeludup warga asing dalam penyeludupan dadah ke Malaysia.
- 1.3.2 Mengenalpasti jenis dadah yang sering diseludup ke Malaysia oleh warga asing dan kesannya kepada rakyat Malaysia.
- 1.3.3 Merangka satu perancangan atau cadangan untuk mempertingkatkan langkah pencegahan yang efektif terhadap aktiviti penyeludupan dadah di kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mencari jalan penyelesaian ke atas masalah penyeludupan dadah oleh warga asing yang berlaku sejak sekian lama. Ia telah menjadi barah yang sukar diubati dan semakin merebak sehingga menimbulkan masalah besar kepada pihak berkuasa untuk menanganinya. Dalam penyeludupan dadah ini penyeludup warga asing sanggup membuat apa saja termasuk mengubah taktik dan teknik penyeludupan demi untuk mengkaburi mata pihak berkuasa kerana hasil jualannya yang lumayan sekiranya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa Malaysia.

Dengan adanya kajian ini juga diharapkan akan dapat mengenalpasti jenis-jenis dadah yang menjadi keutamaan penyeludup warga asing dan modus operandi yang sering menjadi pilihan mereka supaya satu perancangan yang tepat dapat dirangka oleh pihak yang berwajib agar tindakan pencegahan dapat difokuskan terus kepada jenis dadah tersebut. Kajian ini juga akan mengenalpasti adakah kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ini akan mengancam keselamatan negara. Apakah bentuk ancaman dan bagaimanakah jalan penyelesaian yang boleh digunakan untuk mengatasi ancaman ini?. Oleh yang demikian diharapkan hasil daripada kajian yang dijalankan ini akan dapat memberi pandangan dan idea kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab terutamanya JSJN Polis Di Raja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia (KDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam usaha mengawal masalah penyeludupan terutamanya

penyeludupan dadah dan menjayakan usaha kerajaan untuk menjadikan negara bebas dadah dalam tahun 2015 nanti.

1.5 Definasi Konsep

1.5.1 Penyeludupan

Aktiviti penyeludupan didefinisikan sebagai satu perbuatan menyembunyi atau tidak mengistiharkan barangan yang dibawa masuk ke sesebuah negara dari sesebuah negara lain (Wilawan, 2005).

1.5.2 Dadah

Dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkahlaku pengguna. Akibat daripada kesan ini seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan akhirnya menyebabkan ketagihan. Seseorang penagih sanggup mengadai maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa sahaja walau dalam apa jua keadaan sekali pun, asalkan bekalan dadahnya terjamin. Akibatnya ramai yang sanggup mengemis, mencuri dan melacurkan diri. Walaupun dadah yang dikenali umum terdiri daripada heroin, morfin dan ganja, tetapi pada hakikatnya ia merangkumi juga semua bahan yang boleh memberi kesan negatif seperti yang dinyatakan di atas termasuk tembakau dan arak. Malah, memberi kesan negatif yang sama seperti dadah. Contohnya, morfin dan sebatian terbitan daripadanya

yang banyak digunakan sebagai ubat penghilang kesan kesakitan semasa merawat kecederaan yang serius. Dengan perkataan lain dadah membawa risiko yang amat tinggi sehingga boleh mengakibatkan maut. Semua jenis dadah seperti Heroin, Morfin dan Ganja pada dasarnya menunjukkan kesan ketagihan dalam bentuk pergantungan fizikal, mental dan emosi yang sama (AADK, 2006).

1.6 Kesimpulan

Malaysia yang merupakan negara yang bersempadanan dengan banyak negara seperti Thailand, Indonesia, Brunei, dan Singapura merupakan negara yang strategik untuk para penyeludup menjalankan kegiatan mereka. Malaysia yang merupakan negara yang membangun dengan pesat telah menjadi batu loncatan untuk penyeludup dadah warg asing menyeludup pelbagai jenis dadah ke sini. Pasaran dalam negara serta harga yang tinggi telah menarik minat penyeludup dadah warga asing meningkatkan lagi aktiviti penyeludupan ini. Bentuk muka bumi yang memisahkan sempadan negara iaitu sungai sempit seperti Sungai Golok yang memisahkan negeri Kelantan dengan wilayah Narathiwat, Thailand menjadi satu tarikan serta laluan terpenting kepada penyeludup. Masalah penyeludupan dadah oleh warga asing yang berleluasa dan berlarutan ini telah menyebabkan ancaman terhadap keselamatan negara terutamanya aspek sosial dan ekonomi negara. Pelbagai langkah pencegahan dibuat oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah ini tetapi sehingga kini kita dapati ia masih lagi

menjadi tanda tanya yang memerlukan mereka melipat gandakan usaha mereka untuk membanteras masalah penyeludupan ini secara total.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan definasi penyeludupan, aktiviti penyeludupan, sejarah kemasukan dadah, masalah dadah di Malaysia, dasar-dasar dadah, strategi kerajaan, konsep penyeludupan dadah oleh warga asing dan bagaimana modus operandi yang mereka gunakan serta jenis-jenis dadah yang sering diseludup oleh warga asing ke Malaysia.

2.1 Penyeludupan

Penyeludupan adalah perbuatan menyembunyikan barangan ini adalah melibatkan barangan terlarang di sisi undang-undang seperti dadah dan senjatapi atau cubaan mengelak cukai bagi barangan yang boleh dikenakan cukai dan duti eksais seperti rokok dan permata. Perbezaan harga barangan dan duti kastam antara negara serta faktor perubahan masa yang berbeze-beza dianggap sebagai penentu kemungkinan berlakunya aktiviti penyeludupan. Akta percukaian dan duti kastam yang diperkenalkan oleh sesebuah negara adalah bertujuan untuk memelihara keadaan ekonomi negara tersebut. Oleh yang demikian aktiviti penyeludupan barangan untuk mengelakkan daripada dikenakan cukai atau barangan terlarang sesebuah negara boleh berlaku seiring dengan sistem

percukaian iaitu apabila duti kastam dikenakan pada kadar yang lebih tinggi sehingga menyebabkan harga barangan bagi negara yang memperolehi lebih tinggi daripada negara yang diperolehi. Apabila keadaan ini berlaku, maka berlakulah aktiviti penyeludupan barangan dari negara yang mana harga barangan lebih rendah ke negara yang harga barangan yang sama lebih tinggi ekoran daripada cukai yang dikenakan ke atas barang tersebut. Oleh demikian, boleh dikatakan bahawa aktiviti penyeludupan merupakan satu hakikat ekonomi politik yang tidak dapat dipisahkan dari arus pembangunan sesebuah negara dan undang-undang percukaiannya. Perkembangan dan pembangunan yang berlaku di sepanjang sempadan sesebuah negara akan mengubah senario aktiviti ekonomi dan struktur politik yang semakin berkembang disamping pengenalan kepada sistem percukaiannya (Richard, 2001).

Penyeludupan juga dilihat sebagai satu tindakan pelanggaran sistem perundangan sesebuah negara yang mengakibatkan bukan sahaja komoditi yang diseludup tetapi turut mengakibatkan beberapa gejala lain yang mengugat kestabilan sosial ekonomi sesebuah negara. Penyeludupan boleh mengugat kestabilan sosial kerana kejayaan melanggar undang-undang adalah satu perbuatan yang tidak sihat kepada *morale fibre*.

Sementara bagi aspek ekonomi pula ia akan menyebabkan hasil yang berkurangan yang diperolehi oleh pihak kerajaan. Ia juga boleh menjadi penghalang kepada pertumbuhan pengeluaran barangan *import-substitute* tempatan. Aktiviti penyeludupan ini boleh memporak perandakan sistem dan nilai sosial ekonomi serta budaya yang sedia ada di sesebuah negara. Menurut Richard (2001) terdapat

pelbagai bentuk penyeludupan telah dikenalpasti iaitu penyeludupan melibatkan komoditi yang diseludup melalui orang perseorangan yang melibatkan barangan yang bersaiz kecil seperti batu permata, barangan yang bersaiz besar seperti mesin untuk kegunaan perindustrian dan seumpamanya yang memerlukan kenderaan pengangkutan, membuat pengistiharan palsu ke atas jumlah barangan yang hendak di bawa masuk iaitu jumlah yang lebih kecil berbanding jumlah sebenar (underinvoicing of goods) atau barangan yang diistihar adalah tidak sama dengan kandungan kargo yang dibawa masuk (Richard, 2003).

Aktiviti penyeludupan barangan kawalan termasuk minyak masak dan gula di kawasan sempadan kembali aktif dipercayai berikutan kurangnya penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Tinjauan di sempadan Malaysia-Thailand mendapati penyeludup aktif membawa keluar pelbagai barangan kawalan seperti keperluan harian (minyak masak dan gula) di mana kebanyakannya adalah barangan bersubsidi kerajaan tanpa takut ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia. Malah, tinjauan di Pekan Sungai Golok turut mendapati berkotak-kotak barangan keperluan harian terutama minyak masak yang diseludup dari Malaysia dijual di sekitar stesen kereta api (Thailand) untuk dipasarkan ke daerah lain di selatan Thailand . Wujudnya aktiviti penyeludupan adalah berpunca daripada tindakan sesebuah kerajaan mengenakan cukai import dan eksport keatas barangan yang dibawa masuk atau keluar dari negara tersebut (Wilawan 2005).

Penyeludupan adalah satu perbuatan yang menyalahi undang-undang atau peraturan sesebuah negara yang melibatkan perbuatan membawa keluar atau masuk sesebuah bentuk barangan ke sesuatu kawasan atau negara secara haram

atau tanpa kelulusan pihak berkuasa negara pengimport. Terdapat pelbagai barangan pengeludupan dilakukan oleh manusia seperti penyeludupan manusia, penyeludupan dadah haram, penyeludupan senjata api, penyeludupan barangan terlarang dan penyeludupan hidupan liar atau binatang/unggas. Penyeludupan merupakan satu kegiatan perniagaan yang tertua dan turun temurun yang menyalahi peraturan sesebuah negara. Undang-undang mengenai penyeludupan bermula seawal abad ke-14 masehi di England apabila *The Statute of Treasons 135* mengharamkan pengimportan mata wang palsu. Bermula dari situlah kegiatan penyeludupan mula berkembang dan turut melibatkan pelbagai barangan lain.

Sejarah juga membuktikan bahawa negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu merupakan sebahagian daripada jajahan Siam sebelum perjanjian Bangkok 1909 ditandatangani antara pihak British dan Siam. Perjanjian itu menyebabkan pihak Siam menyerahkan ke empat-empat negeri itu kepada kerajaan British. Justeru itu bukanlah sesuatu yang luar biasa apabila aktiviti ekonomi yang melibatkan pembekalan barangan keluaran Thailand untuk diniagakan merentasi sempadan (selepas Perjanjian Bangkok 1909) mula berlaku antara keluarga secara hutang dan tukaran barangan terutamanya makanan dan pakaian. Terdapat anak muda yang meninggalkan alam persekolahan di peringkat awal untuk bergiat aktif dalam kegiatan penyeludupan ini secara kecil-kecilan. Kadang-kadang aktiviti penyeludupan ini melibatkan keseluruhan ahli keluarga. Aktiviti penyeludupan ini akan menggunakan laluan yang tidak sah dikenali sebagai laluan tikus dan juga melalui laut.

Keuntungan yang berganda hasil daripada aktiviti penyeludupan ini telah menyebabkan aktiviti ini berkembang dan berterusan sehingga sekarang (Wilawan, 2005). Menurut teori ekonomi, aktiviti penyeludupan dilihat sebagai satu peluang melakukan jenayah yang disebabkan perbezaan tarif atau perbezaan harga pasaran semasa sesuatu barangan sekiranya tiada barangan sebarang tindakan oleh pihak berkuasa negara berkenaan. Para ahli ekonomi menekankan bahawa penyeludupan dirangsang oleh pengambilan risiko berstrategi disebabkan keinginan untuk mengelak cukai yang sepatutnya dikenakan atau untuk mendapatkan keuntungan berganda hasil dari penjualan barangan seludup.

2.2 Aktiviti Penyeludupan di Malaysia

Di Malaysia aktiviti penyeludupan berlaku di sempadan antara Selatan Thailand dengan negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Perak, dan Kelantan, Johor (juga bersempadan dengan Singapura), Sarawak dan Sabah bersempadan dengan Indonesia, dan Filipina yang melibatkan Sabah. Aktiviti penyeludupan antara sempadan Malaysia dengan negara jiran yang tersebut di atas tadi mempunyai hubungkait dengan faktor sejarah, sosial dan budaya, ekonomi dan geografi. Sebagai contoh, antara Malaysia dengan Thailand terutamanya di kawasan selatan Thailand yang kebanyakan masyarakatnya adalah berketurunan Melayu seperti mana di utara semenanjung Malaysia mempunyai pertalian persaudaraan. Pertalian kekeluargaan antara penduduk sempadan ini telah menyebabkan pergerakan mereka merentasi sempadan negara menjadi

semakin aktif. Perkahwinan antara masyarakat Melayu Thailand dengan masyarakat Melayu Malaysia turut mengembangkan aktiviti perniagaan antara kedua negara. Keadaan ini mudah berlaku kerana tiada undang-undang yang mencegah perkahwinan tersebut walaupun mereka tidak mempunyai dokumen perkahwinan yang sah khususnya di selatan Thailand. Justeru itu terjadilah pertalian keluarga antara keluarga Thailand dengan keluarga negeri-negeri di sempadan (Wilawan, 2005).

Dari sudut geografi, keadaan muka bumi di sempadan Malaysia Thailand adalah kondusif untuk aktiviti penyeludupan berlaku. Misalnya di negeri Kelantan di mana sempadan negeri hanya dipisahkan oleh Sungai Golok yang berkeluasan kira-kira 30 meter sahaja, manakala negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis dan Perak hanya dipisahkan oleh keadaan muka bumi yang berbukit bukau yang diliputi oleh hutan tropika. Keadaan inilah yang mengalakkan aktiviti penyeludupan masuk ke negara kita terutamanya penyeludupan barangan, dadah, senjata api dan manusia serta binatang ternakan atau perliharaan terutamanya lembu. Sementara aktiviti penyeludupan keluar ke Thailand terutamanya barangan bersubsidi seperti minyak masak, petrol dan diesel, tepung dan hidupan liar seperti tenggiling, daging babi hutan serta hidupan laut terutamanya benih kerang. Barangan ini diseludup ke Thailand kerana mempunyai permintaan yang tinggi dan dijadikan makanan di restoran-restoran di sana.

2.3 Sejarah Dadah di Malaysia

Dalam kajian ini saya akan memfokuskan kepada aktiviti penyeludupan dadah ke Malaysia oleh warga asing yang mana didapati masalah ini semakin meruncing dan memerlukan satu kajian yang menyeluruh bagi membantu Jabatan atau Agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam pencegahan penyeludupan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mengurangkan masalah dadah terutamanya berkaitan masalah penyeludupan dadah ke Malaysia.

Dadah di Malaysia telah lama wujud di mana pada awal abad ke 19, British sebagai kerajaan menjajah ketika itu telah membawa pendatang Cina dan India Selatan menjadi pekerja dan buruh untuk bekerja di ladang-ladang lada hitam, ladang-ladang getah dan lombong bijih timah. Pekerja-pekerja asing dari Tanah Besar Cina telah membawa candu dan tabiat menghisap candu ke negara ini. Candu bukan sahaja mudah diperolehi di China tetapi boleh membantu mereka menghilangkan kesakitan, memberi sumber tenaga dan sebahagian aktiviti mengisi masa lapang. Maka tabiat ini terus diamalkan oleh pekerja lombong China apabila mereka menetap di Malaysia serta diamalkan turun temurun. Ganja pula dibawa oleh pekerja-pekerja dari India Selatan dan mereka telah memperkenalkan ganja di negara ini khususnya kepada pekerja senegara dan juga kepada penduduk setempat. Mereka ditempatkan di ladang-ladang getah oleh kerajaan British dengan menyediakan rumah-rumah kongsi (rumah penempatan pekerja). Dalam pada itu, orang Melayu pula mengambil kesempatan yang ada dengan menggunakan dadah candu ini bagi tujuan perubatan iaitu mengubati

penyakit lelah. Bagi golongan nelayan dan petani, ganja membantu mereka untuk meneruskan kerja-kerja berat (memberi lebih tenaga) yang dilakukan bagi mencari rezeki (Taib, 1992).

Pada penghujung abad ke 19, dadah jenis candu dan ganja mula menjadi satu masalah apabila dadah ini mula disalahgunakan dengan mempertingkatkan melalui proses tertentu supaya mengeluarkan atau menjadikan bahan yang lebih efektif penggunaannya. Kerajaan penjajah mula mengawal penjualan dan pengedaran dadah jenis candu dengan mengambilalih pengimportan dan penjualan dadah jenis candu ini pada tahun 1910. Mereka melaksanakannya melalui kedai-kedai candu kepunyaan kerajaan penjajah. Akhirnya, penjualan dan penghisapan candu dibenarkan tetapi dikenakan cukai ke atas penagih dan kedai-kedai penjual yang berdaftar sahaja (Taib, 1992).

Pada tahun 1925 satu keputusan telah dibuat di “Konvensyen Geneva mengenai Candu” untuk mengatasi masalah ketagihan candu di mana penjual hanya boleh menjual candu kepada penghisap candu yang berdaftar sahaja. Pada tahun 1934 pula, Suruhanjaya Penyiasat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan bahawa penjualan candu hanya dibolehkan kepada pengamal-pengamal perubatan yang diperakukan sahaja. Dalam tahun 1945, selepas perang Perang Dunia Kedua penjualan dan penghisapan candu diharamkan. Pada penghujung tahun 1960an, penagih-penagih bukan sahaja tergolong daripada golongan orang tua sahaja tetapi juga golongan belia. Jenis dadah juga dipelbagaikan melalui proses tertentu untuk mengeluarkan produk baru seperti morfin, heroin dan pelbagai jenis lain yang ternyata lebih merbahaya. Pada tahun

1970an budaya aliran '*Hippies*' melanda seluruh dunia termasuk negara ini. Ia memberi kesan negatif kerana anak muda pada ketika itu amat berpengaruh dengan tabiat golongan '*Hippies*' ini . Tercatat dalam sejarah dunia dalam tahun 1970an, tentera Marin Amerika Syarikat telah melancarkan operasi besar-besaran di Vietnam yang dikenali sebagai "Perang Vietnam". Peperangan di Vietnam bukan sahaja memberi kesan yang jelas kepada Vietnam dan Amerika Syarikat tetapi juga kepada ekonomi dan sosial negara-negara berhampiran. Pada jangka masa peperangan ini tentera Marin Amerika telah melancong ke Malaysia dengan membawa dadah bersama mereka dan memperkenalkan dadah jenis morfin dan heroin. Ramai belia Malaysia yang telah terpengaruh dengan penggunaan dadah ini terutamanya di Pulau Pinang (JSJN 2005).

2.4 Masalah dadah di Malaysia

Sebagai sebuah rantau yang dikatakan banyak menerima perubahan serta pembangunan, rantau Asia Pasifik termasuk Malaysia turut mengalami pelbagai gejala sosial. Penyalahgunaan dadah terutamanya di kalangan remaja amat membimbangkan dan masih belum dapat diselesaikan. Apa yang lebih membimbangkan ialah penggunaan dadah berkait rapat dengan bermacam penyakit sosial seperti pelacuran, lepak dan perjudian. Perkara inilah yang banyak mengugat memudaratkan keadaan sesebuah negara sama ada dalam bidang ekonomi, sosial budaya, politik mahupun keselamatan. Sesuatu kawasan yang sering berlaku kejadian jenayah akan menimbulkan perasaan ketidaktenteraman

dan rasa takut masyarakat di kawasan tersebut. Crank, Giacomazzi dan Hack (2003) telah menjalankan kajian mengenai fenomena tersebut di Ada County, Idaho, Amerika Syarikat dan hasilnya adalah penduduk yang nampak apa yang mereka percayai sebagai kegiatan dadah dan “*gangster*” di kawasan kejiranan mereka akan lebih mempercayai tahap ketenteraman awam di situ akan berkurang dan kejadian akan bertambah. Menurut Al-Hadi (2006) dalam kenyataan Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan Amerika Syarikat, satu kajian akademik menunjukkan 10% penagih dadah negara ini berkemungkinan akan menjadi gila menjelang tahun 2020 akibat daripada penggunaan dadah jenis sintetik ini (Al-Hadi, 2006).

Masalah dadah sebenarnya adalah masalah sejagat. Laporan menunjukkan aktiviti penghasilan pelbagai jenis bahan dadah sentiasa meningkat dan disokong oleh permintaan yang tinggi. Perubahan senario politik antarabangsa dengan berakhirnya perang dingin antara kuasa- kuasa besar dunia telah membawa kesan negatif dalam usaha membentaras dadah. Ini kerana dunia kini dianggap tidak lagi bersempadan dan semua orang bebas keluar masuk ke sesebuah negara tanpa sekatan. Sistem komunikasi dan pengangkutan yang semakin canggih membantu melicinkan pergerakan mereka. Bagi mereka yang terlibat dengan kegiatan dadah, perkembangan seumpama ini sememangnya dinantikan kerana operasi mereka menjadi lebih mudah (Rogers, 2008).

Usaha awal kerajaan bagi menghadapi masalah dadah adalah melalui tindakan undang-undang dengan menggunakan Akta Dadah Berbahaya 1952. Walaubagaimanapun, pelaksanaan undang-undang ini dijalankan oleh agensi-

agensi kerajaan berkenaan secara berasingan. Usaha-usaha untuk menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang ini hanya mula dibuat pada tahun 1972, apabila Pusat Biro Narkotik bertanggungjawab mengawal dan mengawas masalah dadah dalam bidang penguatkuasaan, pencegahan, penyelarasan dan penyelidikan. Biro ini dibubarkan dan diganti dengan Urusetia Dadah pada Ogos 1979 dan pada 1983 diganti oleh Pasukan Petugas Anti Dadah. Tugas penguatkuasaan biro ini diambil alih oleh Cawangan Anti Dadah, Polis Diraja Malaysia. Pasukan Petugas Anti Dadah akhirnya dimasukkan ke Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1995. Agensi Dadah Kebangsaan diwujudkan pada 1996 setelah kerajaan bersetuju terhadap hasil percantuman Pasukan Petugas Anti Dadah dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Setelah organisasi di atas beroperasi sepenuhnya, negara juga mempunyai jawatankuasa khusus seperti penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dadah pada tahun 1975. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bertanggungjawab untuk menyemak dan menetapkan satu dasar mengenai penggunaan, pencegahan dan pembasmian dadah. Di samping itu, Unit Bertindak Eksekutif yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri juga telah ditubuhkan dalam tahun 1978. Unit ini bertanggungjawab kepada jawatankuasa Kabinet Mengenai Dadah, untuk menyelaraskan pelaksanaan segala keputusan/perakuan mengenai masalah dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara pada 22 Jun 1983. Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Anti Dadah Kebangsaan dan diletak di bawah Majlis Keselamatan Negara. Pada 7 Februari 1996, kerajaan telah bersetuju menubuhkan Majlis Dadah Kebangsaan

menggantikan Jawatankuasa Anti Dadah untuk mencegah dan mengawal masalah dadah di negara.

Masalah dadah masih lagi merupakan masalah keselamatan negara khususnya yang berkaitan dengan penagihan dan pengedaran dadah. Pengesanan penagihan serta tangkapan pengedar masih lagi belum lagi reda malah makin bertambah. Beberapa jenis dadah yang dulunya masyhur di negara barat mula mengancam beberapa negara dan telah ditagih. Dadah ini telah lama dikenalpasti tetapi dikurangkan publisiti untuk memberi kesan kepada program pencegahan. Ini termasuk pil ecstasy dan syabu. Rampasan kokain pula mula dilaporkan pada tahun 1996 walaupun penagihannya belum dikenalpasti.

Statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan 70.74 peratus daripada penagih dadah orang Melayu beragama Islam. Ini amat menyedihkan kerana kita kehilangan lebih ramai tenaga muda berguna untuk masa depan (AADK, 2006). Kerajaan juga kerugian hampir RM100 juta setahun untuk membiayai kos di 29 buah pusat serenti di Malaysia. Sejumlah wang itu sebenarnya dapat digunakan untuk membina kira-kira 15 buah sekolah yang lengkap. Masalah dadah sukar untuk ditangani walaupun penguatkuasa undang-undang dibuat kerana dikatakan rasuah di kalangan penguatkuasa dan juga dadah yang menjadi satu bahan perniagaan haram yang sangat menguntungkan. Penagihan dadah sangat rapat dan sinonim dengan jenayah. Boleh dikatakan kebanyakan penagih dadah melakukan jenayah seperti menyeluk saku, menipu, mencuri, pecah rumah, meragut, dan sebagainya. Mereka akan lakukan apa sahaja termasuk membunuh asalkan mereka memperolehi apa yang mereka inginkan

(Don, 1999). Mengambil risiko adalah perkara biasa bagi mereka. Secara realitinya juga, penagih tidak bimbang ditangkap oleh pihak berkuasa kerana mereka tahu layanan baik boleh didapati di Pusat Serenti berbanding dengan rakan mereka yang menjadi banduan. Di Pusat Serenti mereka ditempatkan di asrama berkatal dan diberi layanan serta pelbagai program pemulihan (Karim, 2005).

2.5 Jenis-jenis dadah

a) Opium

Opium sebenarnya berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud sari buah (juice). Ia diperolehi dari getah buah tanaman jenis papaver somniferum. Opium adalah tergolong dalam keluarga Papaveraceae yang mempunyai sebanyak 25 genus dan 120 spesis. Nama Papaver somniferum ini telah diberikan oleh Linnaeus yang bererti tidur. Di Nusantara, Opium dikenali sebagai candu , madat atau apiun. Selain itu, opium lebih dikenali sebagai narkotik iaitu sejenis bahan yang digunakan dalam bidang perubatan untuk menghilangkan atau melegakan ketagihan. Opium meliputi berbagai bahan yang mempunyai pengaruh yang sama seperti morfin iaitu zat aktif yang ada dalam opium. Sebahagian daripada opium seperti candu, heroin, morfin dan kodein diperolehi dari getah buah popi yang terdapat di negara-negara Timur Tengah dan Asia. Selain itu Metadon dan Patidin juga jenis narkotik dan ia adalah jenis sintetik buatan manusia.

b) Kanabis

Kanabis ialah istilah umum yang biasanya digunakan untuk semua pokok dadah yang diperolehi dari pokok Genus Kanabis. Pokok ini ditanam untuk mendapatkan dadah. Ia didapati tumbuh liar di kawasan beriklim panas di Afrika, Mexico, Asia dan Timur Tengah. Kekuatan sesuatu jenis bentuk dadah kanabis ialah pada kandungan THC (Delta 9 Tetrahydrocannabinol). Kanabis terbahagi kepada tiga jenis iaitu :

- i. Kanabis (ganja, marijuana/grass/pot/wed, bhang, kif, takroari, dagga)
- ii. Resin getah kanabis (hashish charas)
- iii. Minyak hashish

c) Depresen (Dadah Penekan)

Dadah jenis ini mempengaruhi aktiviti sistem saraf secara amnya. Dadah yang paling banyak digunakan ialah alkohol. Tranquilliser dan Barpitate juga adalah dari jenis penekan. Tranquilliser biasanya digunakan untuk memudahkan tidur. Barpitate dalam dos yang diberikan oleh doktor juga untuk memudahkan tidur dan menjadikan seseorang itu tenang, hilang rasa bimbang dan tertekan. Secara keseluruhannya, dadah jenis penekan mengurangkan perasaan keinginan, menghilangkan kebimbangan dan tekanan, pengguna menjadi lebih yakin, aktif dalam sosial dan riang. Depresen amat penting dalam bidang perubatan. Ia digolongkan sebagai dadah apabila disalahgunakan.

d) Stimulan

Dua kumpulan terbesar ialah Amfetamin dan Kokain. Nikotin (dalam tembakau) dan kafein (dalam kopi, teh dan minuman cola) adalah kumpulan stimulant juga yang manusia untuk kegunaan harian dan kumpulan ini tidak dikelaskan sebagai penagih dadah. Kebanyakan dadah stimulant ini hanya mendatangkan kesan yang biasa (*natural*) kepada pengambilnya. Contohnya kesan ke atas hormon *adrenaline*. Ia hanya akan mengaktifkan kembali tubuh untuk tindakbalas segera kepada rangsangan.

e) Dadah Rekaan

Baru-baru ini timbul lagi satu ancaman dadah di kalangan remaja kita. Berbeza dengan dadah-dadah lain, kumpulan terbaru ini sengaja direka khas untuk menghasilkan kesan-kesan tertentu. Umumnya kumpulan ini dipanggil *designer drug*. Pada masa ini, dua kelas utama dadah designer telah dicipta dan digunakan secara meluas. Ia terdiri daripada kumpulan feniletilamina dan kumpulan opioid sintetik. Perkembangan ini merupakan satu gejala baru yang perlu dipandang serius dan dibendung oleh kita. Sebenarnya banyak perkara yang belum diketahui tentang kesemua kesan dadah-dadah ini. Malah ketulinan dan keseragaman kekuatan dadah yang dihasilkan biasanya tidak menentu. Penghasilan secara haram oleh ahli kimia yang tidak bertauliah, makmal yang tidak lengkap serta kawalan mutu yang rendah.

f). Feniletilamina

Dadah kumpulan feniletimina dapat memberikan kesan *euphoria*, peningkatan mood, empati, dan perubahan visual. Keadaan sebenar yang akan dialami oleh seseorang penagih bergantung kepada dos yang digunakan. Pada dos yang rendah, otak akan kurang dirangsang dan penagih akan mengalami peningkatan keamatan warna dan tekstur serta merasakan diri seolah-olah berada dalam alam fantasi. Pada dos yang besar, menghampiri paras toksik, penagih akan mengalami halusinasi (rasa khayal). Apabila digunakan buat pertama kali atau jika dicemari dengan hasil sampingan toksik, pengguna biasanya akan mengalami keadaan depresi (sugul), rasa bersalah dan pemikiran yang tidak menentu. Kesan fisiologi yang dapat dikesan ialah peningkatan sel darah putih, peningkatan paras gula dalam dadah, kemusnahan otot-otot dan peningkatan suhu badan. Kesan jangka panjang feniletilamina pula biasanya diperhatikan pada penagih yang mempunyai kecenderungan mendapat penyakit psikosis (keadaan tidak siuman) dan mungkin memerlukan rawatan jangka panjang. Pesakit akan kelihatan mengalami gangguan pemikiran, halusinasi visual, dan auditori serta ilusi yang menakutkan. Kajian pada haiwan menunjukkan kerosakan sel taraf akibat penggunaan jangka panjang. Terbitan feniletilamina dikenali dengan berbagai nama gelaran seperti yang berikut :

i) Ice

Ice atau nama sebenarnya Metamfetamina adalah di antara dadah designer terbitan Feniletilamina yang pertama dicipta. Terdapat beberapa nama lain yang

digunakan untuk metamfetamina oleh penagih dadah. Di antaranya termasuklah nama-nama terkenal seperti *SPEED*, *CRACK*, dan *METH*. Metamfetamina hanya perlu dihisap untuk mendapatkan kesannya. Kaedah ini amat digemari oleh penagih dadah terutama setelah menyedari bahawa penggunaan jarum meningkatkan risiko jangkitan *AIDS*. Ia mempunyai kesan tindakan yang cepat dan kurang rangsangan jantung berbanding amfetamina. Apabila dihisap, kesannya terus dirasakan dalam masa yang agak panjang iaitu di antara lapan sehingga dua puluh empat jam. Penagih dadah ICE biasanya mengalami paranoia (rasa ketakutan), rasa terdesak, dan sanggup mengambil risiko besar melakukan sesuatu yang membahayakan. Seringkali hasil pembikinannya tercemar dengan kehadiran plumbum dan pembentukan hasil sampingan yang toksik.

ii) Love Drug

Love Drug iaitu MDA (3,4-metilindioksiamfetamina) mula diperkenalkan pada tahun 1967 dan boleh membuat seseorang mengalami euphoria serta empati tanpa memberikan kesan halusinasi yang tidak diingini. Penggunaannya yang meluas telah menyebabkan beberapa kematian yang berkaitan hasil sampingan toksik iaitu HMDA (3,4-metilindioksifenil-3-aminobutane) yang terbentuk dalam proses pembikinan tersebut.

iii) Ectacy

Dadah ini adalah dari kumpulan feniletilamina yang paling kontroversi sekali. Ia terdiri daripada gabungan *MDMA* dan *MDEA*. *MDMA* (3,4-metilindioksimefamfetamina) sebenarnya bukanlah dadah designer dan pernah

digunakan untuk merawat gangguan psikiatrik pesakit untuk mengenali diri sendiri dengan baik serta meningkatkan keupayaan berkomunikasi. Di kalangan penagih dadah, ia dikenali dengan nama *ECSTASY*, *XTC* dan *ADAM*. Ia bertindak pada saraf-saraf tertentu di dalam otak untuk memberikan kesan yang menyerupai LSD tanpa ciri-ciri halusinogen. MDEA (3,4-metilindiosietamfetamina) pula adalah terbitan baru feniletilamina yang mempunyai kesan yang berbeza berbanding dadah jenis halusinogen dan perangsang. Pada dos yang rendah, MDMA dan MDEA berupaya memberikan kesan euphoria. Keinginan untuk memulakan hubungan seks menurun dan pengguna akan mengalami sedikit halusinasi visual. Selain daripada kesan ini, pengguna juga kehilangan selera makan, tekanan darah yang tinggi, denyutan jantung yang cepat, berpeluh seluruh anggota, dan pergerakan yang tidak menentu. Kesan sampingan MDMA yang dialami oleh penagih terdiri daripada tekanan darah tinggi, denyutan jantung pada kadar yang cepat dan tidak menentu, serangan panik, resah, tidur yang terganggu, rasa ketakutan dan serangan depresi.

Dua masalah yang ketara berikutan penggunaan Ecstasy adalah suhu badan menjadi terlalu tinggi (hipertermia) dan badan kekurangan air serta bahan galian (dehidrasi) oleh badan, terlalu banyak berpeluh sehingga menjadi kering. Apabila ini berlaku suhu badan akan meningkat dicirikan dengan pening kepala, keletihan, pengsan, gelugut dan muntah-muntah. Sekiranya suhu badan meningkat kepada 40°C darah mula membeku di saluran dadah dan boleh menyebabkan pendarahan yang tidak terkawal di bahagian lain. Kesudahan ia boleh menyebabkan maut. Akibat daripada ini ramai yang cuba meminum air dengan banyaknya, ada hingga

20 liter dalam beberapa jam saja. Tetapi ini boleh turut menyebabkan darah menjadi cair dan sel-sel (termasuk sel-sel di otak) menjadi 'kembang' dan kemudiannya rosak dan maut akan menyusul. Secara jangka panjangnya Ecstasy boleh merosakkan fungsi otak dengan membunuh sel-sel di dalamnya serta juga mengganggu perjalanan bahan kimia semulajadi otak. Selepas menggunakan Ecstasy seseorang itu akan merasa sugul serta merasai semula pengalaman pahit yang silam. Di samping itu ia memberi beberapa kesan lain seperti tidak siuman dan seakan-akan gila.

2.6 Dasar Dadah Malaysia

Pada 7 Februari 1996, kerajaan membuat satu penukaran kepada arah tuju negara memerangi dadah dengan mewujudkan Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) bagi menggantikan Jawatankuasa Anti-Dadah (JKAD) kebangsaan. Keputusan ini juga telah mempengaruhi Dasar Dadah Negara masa kini. MDK dalam mesyuarat MDK 2/96 pada 11 Julai 1996 telah mengatur strategi baru dalam Dasar Dadah Negara seperti berikut :-

- i) Pencegahan
- ii) Penguatkuasaan
- iii) Pemulihan
- iv) Kerjasama antarabangsa

Kerajaan menangani masalah dadah pada awalnya dengan penguatkuasaan sebagai strategi utama, diikuti dengan pencegahan sebagai strategi kedua, dan

seterusnya perundangan dan penyelidikan serta yang terakhir ialah kerjasama antarabangsa.

Pada awal 1983, kerajaan telah mengambil satu pendekatan baru dalam usaha memerangi wabak dadah di negara ini. Dalam tahun tersebut, masalah dadah telah diistiharkan sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Falsafah dasar ini untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada dadah. Pada masa itu juga dadah dianggap sebagai musuh nombor satu Malaysia. Pengistiharan ini dibuat memandangkan bahawa:

- a) Penagih dadah dalam negara akan mencapai tahap epidemik (epidemic propotion) sekiranya langkah-langkah tegas tidak diambil untuk membenterasnya.
- b) Sasaran utama penagih dadah ialah generasi muda yang merupakan tulang belakang dan harapan negara di masa hadapan dan
- c) Penagih dan pengedaran dadah yang berleluasa boleh mengancam kesejahteraan sosio-ekonomi, rohani dan budaya rakyat jelata dan seterusnya melemahkan ketahanan nasional dan keselamatan negara.

Pada tahun 1985, JKAD telah merumuskan Dasar Dadah Negara di mana pencegahan dijadikan strategi utama merangkumi pencegahan awalan, pencegahan kemasukan serta penguatkuasaan undang-undang dan ini diikuti oleh pemulihan. Pencegahan dan pemulihan adalah dua strategi utama, manakala kemajuan tenaga manusia dan penilaian kerjasama antarabangsa dan penyelarasan

merupakan strategi sokongan. Dasar ini telah ditukarkan kepada strategi yang baru oleh Majlis Dadah Kebangsaan.

2.7 Strategi Malaysia terhadap masalah dadah

Keparahan masalah dadah pada tahun 1996 telah membayangkan bahawa dadah masih diseludup, masih boleh diperolehi pada keadaan penagihan terus meningkat. Satu perumusan semula strategi dadah negara telah dibuat dengan menukar pendekatan konsep dan mengatur semula keutamaan strategi. Senarai keutamaan strategi yang telah diatur semula dan diluluskan oleh MDK ialah pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan kerjasama antarabangsa. Pencegahan merupakan strategi jangka panjang bertujuan mencegah seseorang daripada terlibat dengan dadah. Ia dibahagikan kepada pencegahan awalan dan pencegahan umum. Objektif pencegahan adalah seperti berikut:

(a) Membentuk pemikiran generasi muda yang akan datang supaya membenci dadah

Ini memerlukan pendidikan awal yang baik dan teratur dari kecil hinggalah dewasa. Peranan serta tanggungjawab masyarakat, terutamanya ibubapa adalah sangat mustahak sekali dalam mendidik, mengasuh serta memberi sikap dan nilai-nilai positif di kalangan anak-anak mereka supaya memandang jijik terhadap dadah. Sungguhpun pembentukan nilai dan sikap ini juga dilaksanakan di dalam

sistem pendidikan formal namun peranan ibubapa dalam mendidik dan mengasuh anak-anak mereka adalah lebih berkesan dan bermakna.

(b) Mengubah sikap dan persepsi masyarakat terhadap kegiatan dadah.

Masyarakat tidak mengambil berat mengenai masalah dadah sekiranya mereka tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dengan penagihan dadah. Sebaliknya mereka mencemuh dan menghina penagih dadah serta keluarga mereka. Mereka ini hanya mengambil berat setelah ahli keluarganya terlibat dengan dadah dan ini biasanya telah terlewat. Sikap masyarakat sedemikian perlu dikikis dan penglibatan masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan perlu diperluas dan dipertingkatkan.

(c) Menyediakan alternatif untuk menyekat ahli masyarakat daripada terlibat dengan dadah.

Ini adalah penting supaya kaum remaja dapat menggunakan masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Dalam hubungan ini, pertubuhan-pertubuhan dalam masyarakat boleh menganjurkan berbagai-bagai aktiviti seperti sukan, kebudayaan, pendidikan, agama dan sebagainya. Penglibatan mereka dalam aktiviti ini yang sihat ini boleh menghindar mereka daripada terjebak dalam kancuh dadah.

2.8 Program Pencegahan dadah di Malaysia

(a) Pencegahan Umum

Penglibatan masyarakat merupakan usaha penting dalam pencegahan umum. Strategi pencegahan umum digiatkan melalui penglibatan masyarakat, penerangan, pencegahan di tempat kerja, gerak saraf dan publisiti. Usaha di atas boleh digiatkan melalui penglibatan sektor agama, pertubuhan, organisasi, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan awam serta tindakan bersepadu daripada semua agensi kerajaan. Program penerangan dan publisiti umum pula akan disalurkan melalui pelbagai jenis media untuk menyebarkan mesej-mesej pencegahan dadah kepada semua lapisan masyarakat. Dalam pencegahan umum, usaha untuk melibatkan semua lapisan masyarakat secara menyeluruh perlu diperhebatkan.

(b) Pencegahan Awalan

Kita tidak mungkin dapat menghapuskan sama sekali bekalan dadah dalam negara kerana corak penyeludupan dan pengedaran dadah amat sofistikated. Ini kerana, jika bekalan dadah utama seperti Heroin sukar diperolehi, penagih akan beralih kepada lain-lain jenis dadah. Bagi mengatasi masalah ini, pendekatan yang diambil untuk membebaskan individu, masyarakat dan negara daripada gejala penagihan dadah ialah melalui pencegahan awalan. Pencegahan awalan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang daripada terlibat dengan penggunaan dadah seseorang itu perlulah mempunyai kefahaman / kesedaran dalam dirinya yang boleh mencegahnya daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang menyebabkan dirinya terperangkap dengan

dadah. Ini bermakna dengan wujudnya kekuatan ini, seseorang remaja akan berjaya mencegah dirinya daripada terlibat dengan dadah walaupun ianya mudah dan senang diperolehi.

Pencegahan awalan melibatkan usaha-usaha bagi membina kekuatan dalaman diri seseorang itu yang boleh mencegahnya daripada dipengaruhi dadah. Ianya lebih menitikberatkan usaha pembentukan rohani yang baik dengan sikap dan nilai-nilai keagamaan, moral, budaya dan sosial yang tinggi. Pembinaan nilai-nilai ini boleh dibuat terutamanya melalui proses pendidikan yang bermula semasa seseorang itu masih kanak-kanak lagi hinggalah ia membesar sebagai seorang remaja. Pembinaan nilai-nilai ini juga berlaku melalui pergaulan dan pengaruh alam sekitar di mana seseorang itu membesar. Di Malaysia program pencegahan awalan memberi penekanan kepada usaha-usaha mewujudkan satu keadaan yang dapat menyekat anggota masyarakat daripada terlibat dengan penggunaan dadah.

Penguatkuasaan merupakan strategi kedua yang akan bertindak dalam tiga bidang iaitu :

(i) Menyekat kemasukan dadah

Pencegahan kemasukan diutamakan untuk menghindari masalah dadah daripada memasuki negara ini. Strategi ini menekankan kepada usaha menguatkan dan mengukuhkan langkah penguatkuasaan untuk mencegah kemasukan dan bekalan dadah melalui jalan darat, laut dan udara. Di samping itu, usaha penguatkuasaan yang agresif terus dijalankan bagi membentasi pengedaran dan penjualan dadah

dalam negeri. Rasional kepada strategi ini adalah sekiranya dadah tidak mudah dibawa masuk ke dalam negara, ia akan sukar diperolehi oleh pengguna.

(ii) Penguatkuasaan melalui perundangan

Strategi ini bertujuan menggunakan undang-undang sebagai alat untuk menyokong pencegahan, pengedaran dan penggunaan dadah. Strategi ini diperkuatkan untuk menjadikan dadah sebagai satu bahan merbahaya dan berisiko tinggi untuk dimiliki, dijual atau digunakan. Dengan demikian, bilangan pengedar dan penagih yang terlibat dan yang akan terus terlibat akan berkurangan. Undang-undang yang telah digubal adalah perlu untuk menjadikan hukumannya di antara terkeras di dunia. Penguatkuasaan untuk merampas harta benda yang diperolehi daripada kegiatan pengedaran dadah juga akan dipertingkatkan.

(iii) Risikan

Memerangi dadah memerlukan aktiviti risikan yang cemerlang. Maklumat risikan dari dalam dan luar negeri akan dijadikan senjata terhadap individu-individu yang terlibat dengan pengedaran dadah. Segala pengumpulan maklumat boleh diperkukuhkan dengan wujudnya Pasukan Risikan Khas di kawasan sempadan Malaysia - Thailand dan di Sabah - Sarawak serta di luar negara. Satu sistem penyebaran maklumat risikan diwujudkan untuk kegunaan semua agensi penguatkuasaan.

Strategi ini bertujuan untuk memutuskan pengantungan kepada dadah dan mencegah penagihan semula. Usaha pemulihan penagih dadah adalah berbentuk reformatif di mana penagih-penagih dipulihkan daripada satu keadaan kepada satu

perwatakan yang bebas daripada pengaruh dadah. Konsep rawatan dan pemulihan yang diamalkan di Malaysia berbentuk ‘*Cold Turkey*’ di mana rawatan diberi tanpa menggunakan dadah gantian. Ini berbeza daripada sesetengah negara yang memberi dadah gantian kepada penagih-penagih. Majlis Dadah Kebangsaan telah bersetuju menggunakan ubat-ubatan lain untuk merawat penagih dadah.

Pelaksanaan strategi ini memerlukan pengelasan penagih kepada dua kategori iaitu penagih di peringkat mencuba-cuba dan penagih tegar (Hard Core) ini supaya modeliti pendekatan rawatan dan pemulihan yang diberikan kepada mereka yang lebih berkesan dan sesuai.

Strategi ini menggunakan dua pendekatan iaitu:

(a) Memutuskan pergantungan kepada dadah.

Pendekatan ini melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(i) Pengesanan dan pengawasan penggunaan dadah pada peringkat awal.

Aktiviti pengesanan dan pengawasan penggunaan dadah diperingkat awal dijalankan supaya mereka tidak dibiarkan berterusan terlibat dengan penagihan dadah sehingga peringkat serius. Kumpulan ini merupakan pengguna-pengguna baru. Mereka tidak memerlukan pemulihan intensif ataupun pengasingan yang lama kerana penagihan mereka masih di peringkat awal. Kumpulan ini memerlukan sokongan terapi psikososial seperti rundingcara, penerimaan mereka oleh masyarakat dan keluarga, mendapat pekerjaan yang tetap dan suasana alam sekeliling yang mengalakkan mereka ke arah menjauhkan diri daripada dadah. Ini

dilaksanakan melalui pengawasan intensif yang melibatkan antara lain pengawai-pengawai pemulihan, guru-guru, ibubapa dan pemimpin masyarakat setempat.

(ii) Pemulihan Institusi

Kebanyakan penagih yang telah dikesan ditahun-tahun kebelakangan ini, adalah terdiri daripada penagih-penagih tegar yang telah menggunakan dadah sejak beberapa tahun. Mereka ini akan meningkatkan permintaan kepada dadah terutamanya Heroin secara berterusan. Mereka akan menyebabkan merebaknya penagihan dadah di kalangan pemuda-pemudi yang lain. Untuk menyara tabiat penagihan, mereka akan menjadi penjual dadah secara kecil-kecilan. Gejala ini akan membabitkan lebih ramai pemuda lain dalam kegiatan penagihan dadah. Hanya tindakan penguatkuasaan pencegahan yang kekal dan berterusan akan menyekat daripada menularnya wabak ini.

Pemulihan institusi melibatkan pengasingan seberapa ramai penagih daripada masyarakat dan mewajibkan mereka mengikut program rawatan dan pemulihan. Peruntukan-peruntukan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 digunakan bagi memasukkan seberapa ramai penagih yang boleh ke dalam masyarakat supaya menjadi rakyat yang berguna dan produktif. Dalam hubungan ini, kemudahan-kemudahan dan pemulihan diperbanyakkan untuk menampung seberapa ramai penagih dadah.

Program rawatan dan pemullihan perlu berbentuk reformatif bertujuan melahirkan perwatakan yang bebas daripada dadah di kalangan penagih. Dalam hal ini, unsur-unsur moral dan keagamaan, disiplin, sivik, kemahiran vokasional dan

sebagainya akan diberi penekanan. Penagih-penagih dadah akan dilibatkan dalam semua aktiviti sosial dan ekonomi seperti bergotong-royong, kerja amal, kemasyarakatan, pertanian, ternakan dan lain-lain aktiviti ekonomi. Bagi mencapai matlamat ini, setiap golongan masyarakat perlu memberi sokongan masing-masing dengan menerima bekas penagih dadah kepangkuan masyarakat.

(b) Pencegahan Semula (Residivisme)

Program pemulihan ini ditumpukan kepada pengekalan sikap dan perlakuan penagih supaya bebas daripada dadah. Jika tabiat penagihan masih wujud di kalangan bekas penagih, maka program rawatan dalam institusi adalah sia-sia sahaja. Apa yang perlu ialah satu program jagaan lanjutan yang lasak dan intensif yang melibatkan semua golongan masyarakat. Pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti PEMADAM, Rukun Tetangga, RELA, dan lain-lain hendaklah membantu dalam usaha-usaha menjalankan program dan membantu menyerapkan semua bekas penagih dadah ke dalam masyarakat.

Penglibatan golongan ini adalah penting kerana program jagaan lanjutan ini melibatkan masyarakat tempatan dan adalah lebih berkesan jika masyarakat tempatan sedia memainkan peranan aktif dalam menjayakan program ini. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam bidang ini bukan sahaja bertujuan untuk mencegah berlakunya penagihan semula tetapi juga meliputi usaha-usaha untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran di kalangan orang ramai yang bertujuan untuk mengurangkan sikap negatif terhadap bekas penagih dan seterusnya

mbolehkan penerimaan serta penyerapan semula bekas-bekas penagih di pangkuan masyarakat. Pengalaman menunjukkan bahawa sebab-sebab utama penagih dadah kembali menagih ialah kerana mereka tidak dapat diterima kembali oleh masyarakat. Masalah pengedaran dan pengeluaran dadah mempunyai dimensi antarabangsa. Strategi negeri tidak mungkin berjaya tanpa sokongan dan kerjasama antarabangsa. Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam mengerak dan memberi keutamaan kepada usaha mencegah / mengawal penagihan dan pengedaran dadah.

2.9 Modus Operandi penyeludup dadah warga asing ke Malaysia.

Masalah dadah ini bukan saja dihadapi oleh Malaysia tetapi sudah menjadi masalah global. Rangkaian pengedarannya sangat licin dan sofistikated dan menyeluruh ke serata dunia. Malaysia dikatakan menjadi salah satu pusat transit pengedaran dadah ini yang mana tutup diedarkan di seluruh dunia. Malaysia merupakan sasaran oleh sindiket antarabangsa sebagai pusat untuk mengeluarkan beberapa dadah jenis sintetik, Amphetamine jenis ransangan (ATS) seperti Syabu dan Ekstasi yang dikatakan lebih berbahaya daripada Heroin. Apa yang membimbangkan, makmal memproses dan mengeluarkan dadah peransang mudah diwujudkan dimana-mana sahaja dan ia sentiasa bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa. Menurut bekas ketua pengarah AADK, Dato Hamzah Abdullah setakat ini Malaysia antara negara yang dikesan menjadi transit kepada sindiket berkenaan untuk menjalankan

penyeludupan dadah ATS, antaranya menggunakan khidmat kurier (Reduan, 2006).

Penyeludupan dadah oleh warga asing bukan sahaja menjadi masalah kepada pihak berkuasa Malaysia malah di Thailand menurut Chakrid (2005) menyatakan warga asing terutama dari Eropah dan Timur Tengah menjadi dalang utama pengedaran Kokain di pusat-pusat hiburan di Thailand. Ini adalah disebabkan warga asing ini telah menguasai kawasan rekreasi yang aktif dengan pusat-pusat hiburan di sana. Walaupun banyak tangkapan dan rampasan dibuat oleh pihak berkuasa Thailand namun ia tetap meningkat kerana pasaran dadah kokain di pusat hiburan seperti di Phuket, Pattaya dan Patpong adalah tinggi (Chakrid, 2005).

Penyeludup dadah, terutama dari Asia Barat dan India kini menggunakan taktik baru menyeludup Syabu ke negara ini dengan merendam dadah itu dalam air untuk dijadikan cecair pekat seperti kanji dan ditampal pada pakaian sebelum dikeringkan. Baju itu kemudian dipakai ketika memasuki negara ini dan selepas berjaya melepasi pemeriksaan, ia direndam untuk mendapatkan semula dadah sebelum diedarkan kepada sindiket pengedaran tempatan. Taktik itu dikesan di KLIA oleh pegawai KDRM (Fahmi, 2010).

Menurut Datuk Nor Rashid Ibrahim, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, sindiket penyeludupan dadah warga Iran menggunakan taktik baru dalam kegiatan penyeludupan dadah jenis Syabu ke Malaysia iaitu dengan cara menyembunyikan dadah dalam kotak bijirin. Taktik ini terbongkar ekoran

daripada pihak polis berjaya menahan dua lelaki warga Iran di balai ketibaan LTAB Bayan Lepas, Pulau Pinang bersama rampasan Syabu sebanyak 27.8 kg. bernilai RM 5.6 juta (Aziz, 2011).

Sementara itu terdapat satu lagi kes yang dikesan oleh PDRM di mana sindiket dadah tempatan dan antarabangsa menggunakan kediaman mewah sebagai tempat untuk memproses dadah sintetik seperti Syabu, Estacy, Ketamin dan Ephadrine. Kegiatan ini berjaya dibongkarkan apabila polis berjaya menahan 2 wanita warga China bersama 10 lelaki tempatan di Pulau Pinang dengan nilai rampasan dadah sebanyak RM 10.53 juta (Ibrahim, 2011).

Satu lagi kes yang menarik ialah apabila Kastam Diraja Malaysia (KDRM) merampas dadah jenis Ketamin seberat 169 kilogram yang bernilai RM 3.04 juta yang disembunyikan dalam kontena di Pelabuhan Klang dan KLIA. Menurut Ketua Pengarah KDRM, Datuk Seri Ibrahim Jaapar pemeriksaan kontena tersebut mengandungi 250 kotak ‘*Pooja*’ (serbuk yang digunakan penganut Hindu untuk sembahyang) serta 150 guni kacang putih dan 50 guni makanan lain, beliau berkata;

“Modus operandi sindiket menggunakan alamat palsu dan sindiket akan cuba mengeluarkan kontena tanpa pengetahuan pihak kastam dengan istilah ‘kontena terbang’ dan ini melibatkan sindiket penyeludupan yang terancang”.

Dalam kejadian lain, seorang lelaki warga negara India berumur dalam lingkungan 40-an yang tiba di KLIA dengan penerbangan Thai Airways dengan membawa dua kotak. Dua kotak yang mengandungi ‘*electric wet heat soup*

warmer' itu menunjukkan ada imej yang mencurigakan. Selepas pemeriksaan dijalankan mereka menjumpai ruang khas dalam peralatan tersebut menyembunyikan serbuk putih yang disyaki dadah jenis Ketamin. Dadah yang disyaki ketamin itu dianggarkan seberat 19 kilogram dengan nilai pasaran dianggarkan RM343,000 (Kasim, 2009).

Dalam pada itu satu lagi kes yang melibatkan seorang lelaki warga Iran dicekup di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang bersama rampasan syabu sebanyak 3.5 kilogram yang disembunyikan di ruang khas bagasi yang dibawanya. Lelaki Iran ini menggunakan penerbangan dari Tehran melalui KLIA dan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) Pulau Pinang. Nilai rampasan dadah Syabu tersebut sebanyak RM850,000 (Rizam, 2011).

Satu lagi modus operandi yang licik digunakan oleh warga Nigeria dan Iran ialah menyembunyikan dadah jenis syabu seberat satu kilogram di dalam perut ikan masin dan 8.4 kilogram dibuat dalam bentuk replika kepala harimau dengan anggaran harga pasaran sebanyak RM 1.8 juta. Modus operandi ini terbongkar apabila saspek ditangkap oleh Polis di KLIA (Basri, 2011).

Dalam kejadian yang berlainan polis menahan 2 lelaki warga Nigeria di KLIA bersama rampasan dadah jenis Syabu seberat 7.1 kilogram yang bernilai RM1.8 juta yang disembunyikan dalam bagasi masing-masing. Kedua lelaki ini baru tiba dari Ethopia dan memberi alasan datang ke Malaysia untuk menyerahkan bagasi tersebut kepada rakan mereka yang berada di negara ini (Idris, 2011).

Sementara itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas seorang wanita warga Iran yang berumur 25 tahun atas kesalahan mengedar dadah. Saspek yang merupakan bekas pekerja saloon di Iran ditangkap di Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor. Suspek ditangkap semasa sedang membawa sebuah beg di kawasan hotel tersebut dan apabila pemeriksaan terhadap beg yang dibawanya didapati terdapat tiga kilogram Syabu yang disembunyikan dalam beg tersebut (Ahmad, 2011).

Lagi kes berkaitan di mana polis berjaya mematahkan cubaan menyeludup 2.7 kilogram dadah jenis Syabu bernilai RM675,000 selepas menahan seorang wanita warga Vietnam di LTABL. Suspek yang merupakan ibu tunggal berusia 23 tahun itu dipercayai menjadi 'keldai dadah' sindiket antarabangsa, tiba dari Mumbai, India selepas transit di KLIA. Suspek ditahan selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan ketika berjalan keluar dari balai ketibaan LTABL. Setelah diperiksa, polis menemui satu bungkusan mengandungi hablur berwarna putih disyaki dadah jenis Syabu dalam ruang khas bagasi yang dibawanya. Hasil Siasatan polis mendapati suspek menaiki sebuah pesawat dari Brazil sebelum tiba di negara ini. Berdasarkan rekod, suspek yang tidak bekerja pernah dua kali masuk ke Malaysia dan kali terakhir pada bulan lepas, hasil siasatan awal, polis percaya dadah berkenaan dibawa untuk diserahkan kepada satu sindiket di negeri ini sebelum diedarkan di pasaran tempatan (Johar, 2011).

Bagi Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) Pulau Pinang pula berjaya mematahkan cubaan menyeludup sejumlah 5.78 kilogram dadah jenis Syabu bernilai RM1.4 juta selepas menahan seorang wanita warga Indonesia di LTABL. Suspek berusia

lingkungan 40-an itu tiba dari Ho Chi Minh, Vietnam selepas transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dipercayai kali pertama masuk ke negara ini. Hasil pemeriksaan kastam menjumpai empat bungkusan lutsinar mengandungi hablur kristal berwarna putih disyaki dadah jenis Syabu ditemui dalam ruang khas dua beg yang dibawa wanita tersebut. Saspek tersebut dalam perjalanan dari Indonesia dan transit di KLIA sebelum ke Ho Chin Minh dan kembali ke Pulau Pinang (Ali, 2011).

Manakala kes ini pula melibatkan tiga pelajar kolej warganegara Nigeria yang dipercayai anggota sindiket pengedaran dadah yang bergiat aktif di sekitar Lembah Klang sejak beberapa bulan lalu ditahan polis di Taman Sri Segambut. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, dalam operasi khas yang dijalankan polis berjaya menahan saspek serta merampas sebanyak 1,500 gram bahan ketulan jernih yang disyaki dadah jenis Syabu yang dianggarkan bernilai RM300,000 (Kasim, 2011).

Satu lagi sindiket penyeludupan dadah jenis Ketamin berjaya ditumpaskan apabila pihak berkuasa menahan seorang lelaki warga India dan merampas 2.8 kilogram bahan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Hasil pemeriksaan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) ke atas lelaki berusia 30 tahun menemui empat bungkusan Ketamin yang disembunyikan dalam baju dan seluarnya. Saspek adalah dalam perjalanan dari Chennai, India dan dilihat membawa bagasi berwarna hitam tetapi yang mencurigakan apabila bagasi itu hanya mengandungi makanan dari India tanpa barangan lain. Suspek adalah pertama kali masuk ke negara ini dan taktik yang digunakannya adalah

membungkus terlebih dahulu dadah berbentuk serbuk sebelum diikat pada badan (Ahmedullah, 2011).

Akibat daripada penguatkuasaan ketat pihak berkuasa di lapangan terbang menyebabkan sindiket pengedaran dadah antarabangsa menggunakan pelbagai taktik lain untuk membawa masuk bahan terlarang itu ke negara ini. Terbaru, sindiket yang didalangi warga Iran cuba menyeludup masuk dadah menggunakan kotak makanan bijirin bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Namun, taktik itu berjaya dikesan oleh sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Kenyataan pengarah JSJN Bukit Aman, kedua saspak berusia lingkungan 30an ditahan di lapangan terbang berkenaan. Hasil pemeriksaan, polis menemui dua bagasi berisi 13 kotak makanan bijirin yang mengandungi 27.8 kilogram Syabu yang bernilai RM5.6 juta, Beliau berkata;

“Kita percaya ini taktik terbaru yang dikesan digunakan oleh sindiket dadah. Ini kerana sebelum ini, cubaan mereka menyeludup masuk dadah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sering gagal” (Fahmi, 2010).

Satu lagi kes berlaku di Johor apabila polis berjaya menggagalkan cubaan sindiket pengedaran dadah antarabangsa menyeludup dadah masuk ke negeri ini. Ia berikutan tertangkapnya dua warga asing dari Asia Barat bersama dadah jenis Syabu bernilai RM1.2 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail (LTASI) Senai. Saspak ditahan sejeurus tiba di LTASI dari Kuala Lumpur setelah

dikesan menyembunyikan syabu seberat 4.5 kg di dalam ruangan khas beg yang dibawa. Ketua Polis Johor berkata;

“Kedua-dua suspek dipercayai terlibat dengan jaringan sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan berdasarkan siasatan awal, salah seorang suspek didapati kerap ke Malaysia sejak 2009,”

Menurut polis juga akibat daripada pemeriksaan ketat pintu di pintu masuk utama negara iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dipercayai mereka mengalihkan sasaran dengan menjadikan lapangan terbang di dalam negeri untuk kegiatan pengedaran dadah (Aziz, 2011).

Sementara itu tanda tanya seorang wanita yang tiba-tiba pengsan sejeurus mendarat di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) sejeurus tiba dari China, membongkar rahsianya yang cuba menyeludup 26 gram dadah jenis heroin dengan cara menelan. Suspek yang berusia 56 tahun itu didapati tidak sedarkan diri selepas satu daripada tiga ketulan dadah yang ditelan pecah. Suspek kemudian ditahan untuk siasatan lanjut. Hasil siasatan awal mendapati mangsa sebelum ini telah masuk ke sebuah negara Asia lain selama beberapa hari, Polis menyesyaki suspek adalah keldai dadah yang direkrut oleh sindiket dadah di Malaysia untuk menyeludup dadah dari China ke negara ini (Risman, 2011).

Bagi kes ini pula Kastam Diraja Malaysia (KDRM) berjaya melumpuhkan sindiket pengedaran dadah jenis Eramin 5 ke negara ini setelah menahan dua lelaki yang cuba menyeludup masuk dadah tersebut dari China. Dadah bernilai hampir RM 3.4 juta itu dirampas di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT). Kedua-dua

suspek berusia 27 dan 35 tahun yang menaiki penerbangan dari republik itu ditahan anggota penguatkuasa sejurus selepas mendarat di LCCT. Hasil pemeriksaan terhadap dua lelaki tersebut, pihaknya menemui 168,480 biji pil Eramin 5 seberat 35 kilogram yang disorok dalam bagasi masing-masing. Hasil siasatan, mendapati kedua-dua suspek terbabit menganggur dan mempunyai ikatan persaudaraan dan telah bergiat aktif dalam aktiviti penyeludupan dadah ke negara ini sejak setahun yang lalu (Farhan, 2011).

Sementara itu di Kuala Lumpur, polis menahan sembilan lelaki warga Iran dan seorang gadis Thailand bersama sejumlah 11.5 kilogram dadah jenis syabu bernilai RM2.2 juta dalam beberapa serbuan yang dijalankan. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, kesemua suspek ditangkap di tiga lokasi iaitu Jalan Putra Mas, Jalan Tun Razak dan Jalan Bukit Bintang. Kumpulan ini dipercayai aktif sejak tiga bulan lalu dan kerap menjadikan kediaman mewah atau kondominium sebagai pusat kegiatan dadah mereka, siasatan awal mendapati kesemua suspek memasuki negara ini sebagai pelancong, pelajar dan salah seorang bekerja sebagai penjual kasut (Risman, 2011).

Selepas pelbagai taktik dibongkar pihak berkuasa, sindiket pengedaran dadah antarabangsa kini dikesan menggunakan modus operandi baru iaitu menggunakan taktik '*Hilang dan Jumpa*' bagi menyeludup masuk dadah melalui lapangan terbang negara. Ini berikutan pihak polis berjaya merampas sejumlah 9.8 kilogram Syabu bernilai RM2.35 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dan menahan tiga orang termasuk dua wanita. Ini adalah ekoran daripada taktik menelan dadah atau mengubahsuai bagasi yang dibawa mereka berjaya

digagalkan pihak berkuasa melalui operasi penguatkuasaan yang ketat di semua pintu masuk negara itu. MO itu berjaya dibongkar JSJN Bukit Aman dalam operasi di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) apabila mengesan sebuah beg berisi dadah ditinggalkan di kaunter '*Hilang dan Jumpa*', Hasil pemeriksaan ke atas beg pakaian di KLIA, polis berjaya menemui 4.2 kilogram dadah yang bernilai RM1.1 juta. Sepasang lelaki dan wanita warga Iran berjaya ditahan ketika datang ke kaunter '*Hilang dan Jumpa*' bagi menuntut bagasi. Curiga dengan tindakan suspek, polis membuat pemeriksaan ke atas dua buah beg dan menjumpai dadah jenis Syabu yang disembunyikan di dalam beg bagasi itu. Salah satu beg berisi 1.4 kilogram dadah jenis Syabu manakala sebuah lagi yang dibawa oleh wanita Iran seberat 1.2 kilogram Syabu. Kesemua dadah itu bernilai RM500,000. Hasil risikan pihak polis turut berjaya menahan seorang wanita warga Vietnam berusia 30 tahun yang turut menuntut bagasi di kaunter Hilang dan Jumpa. Hasil pemeriksaan ke atas bagasi suspek, pihaknya menemui dadah jenis syabu seberat tiga kilogram bernilai RM750,000 yang disembunyikan di bawah begasinya (Ali, 2011).

Sementara itu satu lagi kes berjaya dibongkar oleh polis Selangor dan merampas 81.4 kilogram Syabu bernilai RM16.1 juta yang diseludup di dalam kontena mengandungi karpet dan perabot di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang. Kesemua dadah yang dibawa dari Iran itu ditemui selepas seorang lelaki warga Iran diberkas pada hari yang sama. Kesemua dadah itu disorokkan dalam gulungan karpet di dalam kontena tersebut. Ini merupakan taktik terbaru sindiket dadah untuk mengaburi mata pihak berkuasa selepas sering diberkas di lapangan terbang (Aziz, 2011).

Disebabkan kerana ingin menambah wang belanja melancong di negara ini, tiga lelaki warga Iran sanggup bergadai nyawa menelan 40 ketulan dadah jenis Syabu. Helah mereka menyeludup dadah itu bagaimanapun sia-sia apabila mereka ditahan sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ketiga-tiga suspek ditahan selepas dikesan menelan ketulan dadah berkenaan sejurus mereka tiba melalui penerbangan dari Qatar. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim, suspek ditahan selepas dilihat berada dalam keadaan mencurigakan di KLIA. Ketiga suspek berumur 25, 31 dan 37 tahun itu tiba untuk kali pertama di negara ini ketika ditahan. Selepas tidak menemui sebarang bukti pada fizikal suspek, polis kemudian membawa ketiga-tiga lelaki berkenaan untuk dilakukan X-ray. Hasilnya, 40 ketulan berisi dadah jenis Syabu ditemui di dalam perut ketiga-tiga mangsa. Ketulan tersebut dikeluarkan selepas itu melalui proses pembuangan air besar (Sin, 2011).

Satu lagi taktik menyeludup dadah dikesan oleh pihak polis dalam tiga operasi yang dijalankan di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Dalam operasi berkenaan, dua lelaki Nigeria dan seorang wanita Zambia diberkas kerana membawa 5.1 kg Syabu yang dianggarkan bernilai RM1.28 juta. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor, operasi pertama melibatkan tangkapan seorang lelaki Nigeria berusia 28 tahun. Suspek yang baru tiba menaiki penerbangan dari Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) itu ditahan selepas didapati membawa bahan mencurigakan di dalam beg pakaiannya iaitu 10 biji piston kereta. Mencurigai keganjilan lelaki itu kerana membawa piston di dalam beg pakaian

kerana biasanya besi yang digunakan pada injap kenderaan itu dihantar melalui kurier. Setelah membuka kesemua piston tersebut, didapati 10 bungkusan plastik lutsinar berisi 1.4 kg Syabu disorok di dalamnya. Ini adalah kali pertama modus operandi seperti ini dikesan di KLIA. Dalam operasi kedua seorang lagi lelaki Nigeria berusia 32 tahun diberkas dan polis menemui satu kilogram Syabu di bahagian bawah beg pakaiannya. Dalam operasi ketiga semalam pula polis berjaya merampas tiga pekot plastik lutsinar berisi 2.7 kg syabu daripada beg seorang wanita warga Zambia berusia 24 tahun (Aziz, 2011).

Kumpulan gangster India yang dipercayai bersembunyi di Malaysia dan Thailand, mungkin dalang disebalik penyeludupan dadah ke bandar-bandar utama di Asia Tenggara. Penglibatan mereka dikesan selepas Unit Anti Dadah (ANC) di Mumbai menahan dua orang dalam serbuan di sebuah hotel minggu lepas, dipercayai cuba menyeludup 74 kg ephedrine atau "*dadah untuk berparti*", lapor sebuah akhbar harian yang berpangkalan di Mumbai. Besar kemungkinan anggota kumpulan gangster yang bersembunyi di Malaysia dan Thailand telah meminta bekalan dadah dari India yang begitu mudah diperolehi, lapor MidDay. Hasil soalsiasat ke atas dua suspek berusia 24 dan 42 tahun yang ditahan dalam serbuan di Andheri East, Mumbai itu, ANC mendapati mereka diupah oleh kumpulan gangster untuk membawa dadah. Dadah bernilai hampir RM11 juta itu disembunyi di dalam ruang khas 11 buah termos (Abraham, 2011).

Sementara satu lagi kes di mana polis berjaya menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah antarabangsa setelah menahan 15 warga Iran termasuk dua wanita dalam beberapa serbuan yang dijalankan. Kesemua mereka yang ditahan

dipercayai kurier dan pengedar dadah berusia 20 hingga 40 tahun. Ekoran kejayaan itu, pihak polis merampas 78.7 kilogram dan bernilai RM15.7 juta. Pengarah Jabatan Siasatan Jenyah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Dato Noor Rashid Ibrahim berkata serbuan pertama dilakukan di sebuah kondominium di Ampang, Selangor. Dalam serbuan itu, pihaknya menahan seorang lelaki warga Iran serta merampas 13 kilogram dadah jenis syabu. Beliau berkata;

“Serbuan ke atas kondominium itu turut membongkar sebuah makmal mini yang dipercayai digunakan suspek bersama beberapa lagi rakannya memproses dadah sebelum diedarkan”

Hasil soalsiasat polis menahan lagi tiga lelaki dan seorang wanita juga warga Iran yang merupakan ahli kumpulan itu. Mereka dikesan aktif menjadi kurier membawa masuk dadah ke negara ini melalui KLIA. Tambah Noor Rashid susulan itu, pihak polis telah membuat tangkapan ke atas dua lelaki warga Iran di KLIA yang dipercayai baru tiba ke negara ini dan membawa dadah dengan cara menelan ketulan kapsul Syabu itu. Kedua-dua suspek terbabit dibawa ke hospital dan berjaya mengeluarkan 174 ketulan kapsul dadah jenis syabu seberat 1.5 kilogram. Tambahnya, pada hari sama, pihaknya menahan tiga lelaki dan seorang wanita di sebuah rumah di Pandan Indah, Ampang dan merampas 984 gram syabu. Kesemua dadah itu diisi dalam dua peket plastik dan disembunyi di dalam sebatang besi. Lanjutan daripada itu polis berjaya menahan dua lagi lelaki warga Iran di kawasan kediaman di Subang Jaya yang merupakan setor menyimpan dadah dan menahan

dua lelaki serta menemui 33 bungkusan Syabu seberat 63.19 kilogram (Hasan, 2011).

Satu lagi taktik yang menarik yang digunakan oleh sindiket warga asing ialah menggunakan sebatang kayu panjang berpelampung dan berlampu yang lazim digunakan sebagai penanda pukat di laut, tetapi sesiapa pun tidak tahu dibawahnya tersembunyi bungkusan plastik lutsinar berisi Ganja. Itu antara taktik pengedaran Ganja yang dikesan agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritime Malaysia) Wilayah Utara yang merampas 2 kilogram dadah berkenan dalam satu operasi di perairan Kuala Perlis awal pagi ini. Menurut Ketua Penguatkuasaan Maritim, Ganja tersebut dikesan semasa pihaknya membuat rondaan di perairan tersebut. Pihak Maritim terserempak sebuah perahu yang berada dalam keadaan gelap dan mencurigakan dikesan membuang sesuatu objek ke dalam laut sebelum meninggalkan kawasan tersebut kerana menyedari kehadiran pasukan peronda itu. Sebaik sahaja dihampiri kawasan itu yang terletak kira-kira 3 batu nautika (5.5.km) dari pantai Kuala Perlis, pihak kami ternampak kayu panjang berpelampung serta berlampu di kawasan itu dan selepas diangkat, terdapat satu objek berbungkus plastik lutsinar dibalut dengan jaring. Setelah diperiksa, bungkusan itu mengandungi dua ketulan tumbuh-tumbuhan kering mampat yang disyaki Ganja seberat 2 kilogram (Ibrahim, 2010).

Kes berlainan polis menumpaskan satu lagi sindiket penyeludupan dadah membabitkan warga Iran dengan penangkapan enam rakyat negara itu yang cuba menyeludup dadah jenis Syabu dan Ketamin bernilai RM8.5 juta masuk ke negara ini dalam tiga serbuan. Dalam serbuan pertama, empat warga Iran yang cuba

menyeludup dadah jenis Syabu dan Ketamin dan disorok dalam kain bengkung dicekup oleh polis di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), Sepang. Suspek terdiri daripada seorang lelaki dan tiga wanita berusia antara 23 hingga 49 tahun ditahan bersama 28.34 kilogram Syabu dianggarkan bernilai lebih RM7 juta. Keempat-empat suspek dipercayai baru tiba dari Teheran, Iran. Dua daripada mereka pertama kali memasuki negara ini. Suspek mengikat bengkung di perut masing-masing berisi dadah disyaki jenis Syabu. Satu lagi kes seorang lagi lelaki warga Iran berusia 34 tahun ditahan bersama 3.5 kilogram dadah Syabu bernilai RM850,000. Suspek ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Polis menemui dadah yang disorok dalam sebuah beg pakaian dibawanya. Dalam satu lagi rampasan, polis menumpaskan sindiket penyeludupan dadah jenis Ketamin setelah menahan seorang lelaki warga Iran di KLIA. Suspek menyorok 25 kilogram dadah yang dianggarkan bernilai RM750,000 di dalam lipatan kain ela. Setiap satu lipatan kain ela itu mengandungi satu kilogram dadah yang bungkusannya dijahit pada kain berkenaan (Abdullah, 2011).

Polis turut mengesan dua taktik terbaru yang digunakan untuk menyeludup masuk Syabu iaitu menyembunyikan bahan itu dalam ruang kosong roda keluli eskalator serta dalam silinder penapis minyak mesin jengkaut. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri, taktik pertama dikesan apabila pihaknya memberkas seorang warga Nigeria yang baru selesai menjalani pemeriksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Lelaki itu ditahan setelah pihak polis mengesyaki suspek membawa barang yang meragukan di dalam beg plastik yang dipercayai dibawa sejak dari dalam kapal terbang (hand luggage). Setelah beg plastik itu

diperiksa, polis menemui satu roda keluli eskalator dan satu gegelung besi di dalamnya. Selepas pemeriksaan lanjut, polis menemui bungkusan plastik lutsinar yang di dalamnya terdapat serbuk putih dipercayai Syabu seberat 1.5 kilogram. Ini merupakan kali pertama pihak polis mengesan taktik membawa dadah seperti ini dan suspek begitu berani membawanya bersama dalam penerbangan dari Dubai ke KLIA (Idris, 2009).

Sementara itu satu lagi taktik dikesan apabila seorang suspek wanita warga Zimbabwe ditahan bersama Syabu yang disorokkan di dalam tiga silinder penapis minyak mesin jengkaut. Dalam serbuan tersebut sebanyak 3.85 kilogram Syabu ditemui di dalam ketiga-tiga silinder yang dimasukkan dalam beg pakaian wanita tersebut. Pada hari yang sama, seorang suspek juga seorang warga Zimbabwe telah ditahan kerana membawa syabu seberat 3.25 kilogram di dalam beg pakaiannya, tiga warga Iran telah ditahan, Serbuan pertama seorang suspek warga Iran tersebut ditahan membawa dadah dipercayai Syabu di dalam beg sandang. Dadah tersebut telah disembunyikan di celah lapisan span beg tersebut dan beratnya dianggarkan 1 kilogram bersama AS\$812 (Idris, 2009).

Dalam serbuan lain yang dilakukan seorang warga Iran ditahan selepas pihak polis menemui Syabu seberat 1.1 kilogram dikesan di celah lapisan span yang diletakkan dalam beg komputer riba dan dalam serbuan seterusnya yang dibuat ,seorang warga Iran ditahan bersama Syabu seberat 0.82 kilogram yang disembunyikan di celah-celah lubang di bahagian dalam bagasi yang dibawanya (Idris, 2009).

Satu lagi operasi yang dilancarkan oleh polis mereka berjaya merampas dadah jenis Kokain dan Syabu bernilai kira-kira RM800,500 yang dilakukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Dalam kejadian pertama, seorang wanita Thailand berusia 26 tahun ditahan sebaik sahaja tiba dari Buenos Aires, Argentina. Hasil pemeriksaan pada bagasi itu tidak menemui apa-apa barang yang mencurigakan. Namun, setelah menjalani pemeriksaan lanjut di Hospital Serdang, wanita itu dikesan menelan 82 biji kokain seberat 1.1 kilogram bernilai RM240,000. Suspek dipercayai digunakan oleh sindiket antarabangsa untuk menyeludup dadah masuk ke negara ini. Buat masa ini, polis masih menyiasat sama ada barangan tersebut untuk pasaran tempatan atau sindiket itu hanya menggunakan negara sebagai transit. Sementara itu, dalam kejadian yang lain, seorang wanita warga Togo berusia 32 tahun ditahan setelah memiliki 2.2 kilogram syabu bernilai syabu bernilai RM562,000. Suspek dipercayai menyorokkan dadah tersebut di bahagian kiri dan kanan sebuah kotak ais yang diisi dengan pelbagai makanan kering seperti ikan masin bagi mengelirukan pihak berkuasa (Nazri, 2010).

Satu lagi sindiket penyeludupan dadah warga asing dapat digagalkan oleh polis dengan tertangkapnya seorang wanita warga asing bersama heroin bernilai lebih RM100,000. Susulan penahanan wanita warga Indonesia berusia 25 tahun itu, polis menahan dua lagi wanita rakan senegarannya dan seorang lelaki tempatan berusia 24 hingga 30 tahun dipercayai ahli rangkaian sindiket berkenaan dalam satu operasi di Kuala Lumpur. Menurut Timbalan Ketua Polis negeri, suspek pertama ditahan di hadapan pejabat Kastam Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Bukit

Kayu Hitam. Hasil pemeriksaan ke atas beg jenis troli berwarna hitam yang dibawa oleh suspek menemui dua plastik lutsinar dan satu sampul mengandungi bahan disyaki dadah jenis Heroin seberat 3.7 kilogram. Hasil siasatan mendapati, wanita itu mempunyai dokumen perjalanan lengkap dalam perjalanan menaiki bas dari Kemboja menerusi Thailand ke negara ini. Wanita itu dipercayai dijadikan sebagai '*kedai dadah*' oleh sindiket pengedaran dadah yang mungkin didalangi warga Afrika dengan menggunakan modus operandi yang sama ketika memperdayakan wanita-wanita Malaysia cuma kali ini mereka menggunakan rakyat asing sebagai kurier (Nazri, 2010).

Seorang lelaki Nigeria yang baru tiba di Negara ini gembira selepas melepasi pemeriksaan pihak berkuasa di Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tanpa dikesan melakukan kesalahan. Tanpa menimbulkan sebarang rasa syak, dia menaiki pula sebuah pesawat untuk ke Sabah dan turun di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Bagaimanapun, helah lelaki berusia 37 tahun itu terbongkar apabila dia akhirnya dikesan membawa sejumlah 2.7 kilogram dadah Syabu bernilai RM688,000 dalam bagasinya. Lelaki itu akhirnya ditangkap oleh anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah setelah mengesyaki tingkah lakunya yang mencurigakan sebaik sahaja tiba di KKIA. Suspek menyorok dadah Syabu tersebut di bahagian dalam bagasinya yang telah diubahsuai. Pihak Kastam meragui barangan yang dibawa lelaki berkenaan selepas melakukan imbasan komputer. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas bagasi lelaki berkenaan, kami menemui sejumlah dadah jenis Syabu disembunyikan di satu sudut rahsia dalam bagasi tersebut. Keseluruhan dadah syabu yang ditemui itu

dianggarkan seberat 2.7 kilogram dengan nilai pasaran mencecah RM688,000 (Hussin, 2010).

Meskipun banyak tangkapan dilakukan melibatkan penyeludupan dadah oleh warga Iran, namun sindiket itu tidak pernah kering idea membawa masuk bahan larangan itu ke negara ini. Pelbagai taktik digunakan dan yang terbaru seorang lelaki warga Iran ditahan setelah cuba menyeludup 4.15 kg dadah jenis syabu bernilai RM1.04 juta di dalam ketuhar gelombang mikro. Seurus tiba dari Dubai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. Penahanan lelaki yang juga pemilik bengkel di negara asalnya itu adalah warga Iran ke-45 ditahan polis KLIA kerana cuba membawa masuk pelbagai jenis dadah ke negara ini. Suspek ditahan selepas didapati berada dalam keadaan mencurigakan ketika sedang menyorong keluar sebuah kotak besar dan beg menggunakan troli. Berikutan itu, pihaknya menahan suspek sebelum membawanya ke bahagian X-ray untuk pemeriksaan. Bagaimanapun hasil pemeriksaan, polis tidak menemui barangan mencurigakan di dalam kotak itu. Polis membuka kotak itu dan menemui sebuah ketuhar gelombang mikro di dalamnya. Apabila kerangka alat elektrik berkenaan dibuka mendapati terdapat 10 bungkus syabu disorokkan di bahagian atas dan tepi badan ketuhar taktik menyeludup dadah di dalam ketuhar gelombang mikro adalah kali pertama dikesan di KLIA (Aziz, 2010).

Satu lagi helah untuk menyeludup dadah jenis ketamin ke Malaysia dengan menyembunyikan bahan itu dalam beg pakaian terbongkar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berikutan penahanan dua lelaki warga India. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor, hasil pemeriksaan

polis menemui sebanyak 10.1 kilogram dadah jenis ketamin bernilai kira-kira RM260,000 dalam beg-beg itu. Menurut beliau, pemeriksaan awal mendapati, kesemua beg yang dibawa oleh kedua-dua suspek berusia 30 dan 41 tahun hanya mengandungi pakaian dan makanan ringan yang sudah luput tarikh. Tetapi setelah diperiksa lebih lanjut, polis mendapati peketerpeketer yang dipercayai Ketamin disorokkan di bahagian bawah beg berkenaan (Hussin, 2010).

Seorang lelaki warga India menyeludup dadah dengan menggunakan modus operandi yang pelik tetapi benar. Suspek menggunakan televisyen model lama berukuran 35 sentimeter (14 inci) yang kononnya rosak di New Delhi, India ‘diterbangkan’ ke Malaysia dengan alasan untuk diperbaiki di Kuala Lumpur. Kastam yang mencurigai perbuatan tersebut telah menjalankan imbasan dan terkejut mendapati televisyen tersebut sebenarnya berisi dadah. Modus operandi terbaru ini di kesian di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT), Sepang.

Penolong Ketua pengarah (Penguatkuasaan) Kastam Diraja Malaysia (KDRM).
Datuk Md Hassim Pardi berkata;

“Ia antara modus operandi terbaru digunakan penjenayah untuk menyeludup dadah ke negara ini melalui udara dan dadah yang dikesan diseludup menggunakan cara tersebut adalah Ketamin, Eramin 5 dan Ekstasi Pelbagai modus operandi digunakan untuk menyeludup dadah. Salah satu daripadanya ialah dengan mengisi dadah dalam televisyen lama yang dibawa ke sini. Kononnya, TV itu rosak dan mahu dibaiki. Alasan itu tidak logik dan kami melakukan pemeriksaan dan imbasan ke atas TV tersebut dan menemui dadah di dalamnya. Selain dadah dibawa masuk dari India, taktik serupa turut digunakan penyeludup dari Pakistan, Iran, Jepun dan Malaysia sendiri”

Selain menggunakan TV lama mengisi dadah, suspek memuatkan bahan tersebut di dalam bingkai gambar. Dadah juga turut diisikan dalam pemanas air satu lagi taktik ialah memuatkan dadah dalam makanan, termasuk diisi dalam bungkus serbuk kunyit (Johar, 2010).

Berikut adalah kes di mana seorang wanita Filipina yang sarat mengandung tujuh bulan menjadi mangsa terbaru sindiket pengedaran dadah antarabangsa. Dia diberkas bersama dua kilogram Kokain cecair bernilai RM460,000 sejurus tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ketika ditahan suspek berusia 24 tahun itu yang dipercayai menjadi penghantar kepada rangkaian sindiket terbabit baru tiba dari Buenos Aires, Argentina dalam perjalanan ke Ho Chi Minh City, Vietnam, tetapi transit di KLIA. Modus operandi digunakan sindiket tersebut adalah menyerapkan kokain cecair itu dalam lapisan kapas jaket musim sejuk yang disimpan dalam beg gelas suspek. Jaket dibawanya menimbulkan curiga kerana berada dalam keadaan basah dan hasil analisis ia disahkan mengandungi cecair Kokain (Ismail, 2009).

Satu lagi sindiket pengedaran dadah sintetik yang berjaya dilumpuhkan polis di Jalan Dang Wangi, dikesan menyeludup masuk dadah-dadah itu ke negara ini melalui penerbangan. Bagi mengelakkan dikesan pihak berkuasa di lapangan terbang, mereka membungkus dadah itu dalam peket-peket kecil sebelum disorokkan di dalam bingkai gambar, periuk tanah dan beg pakaian. Namun kegiatan itu terbongkar selepas polis berjaya menahan 10 lelaki terdiri daripada dua warga Myanmar, India (tiga) dan lima warga tempatan dalam serbuan di sebuah premis di Jalan Dang Wangi, pusat beli belah Kompleks Pertama dan

sebuah restoran di Selayang. Dalam serbuan polis berjaya merampas sebanyak 59.7 gram syabu serta 13 gram ganja yang bernilai kira-kira RM1.3 juta. Sindiket ini menggunakan cara berbeza-beza untuk mengelak daripada dadah itu dikesan semasa diseludup masuk ke negara ini (Idris, 2011).

Dalam pada itu satu lagi cubaan menyeludup dadah ke Malaysia ditumpaskan apabila pihak berkuasa India berjaya memintas cubaan penghantaran konsainan 440 kg Ketamin ke Malaysia di Pelabuhan Tuticorin di selatan India dan menahan tiga suspek berkaitan dengan penyeludupan. Pihak Direktorat Risikan Hasil (DRI) di pelabuhan di Chennai merampas dadah itu, dianggarkan bernilai RM32 juta di pasaran antarabangsa, yang telah dibungkus dan diikrarkan sebagai produk makanan. Konsainan itu dicatatkan dalam dua bil perkapalan bagi dihantar ke Malaysia dan diikrarkan mengandungi garam iodin, kacang, kuih, beras dan barangan lain. Suspek berkenaan disyaki telah memalsukan dua bil perkapalan itu bagi 519 kg garam iodin, seberat kira-kira 13 tan. Namun pemeriksaan oleh DRI mendapati 22 daripada 510 beg dibungkus sebagai garam iodin, mengandungi Ketamine Kidroklorida seberat 20 kilogram setiap beg (Kamsan, 2009).

2.10 Kajian Lepas

Menurut Asplund. (2004) yang menjalankan kajian bertajuk *A Two Level Approach to Securitization: An Analysis of Drug Trafficking in China and Russia*, mendapati kegiatan pengedaran dadah mempunyai hubungkait dengan peningkatan aktiviti jenayah di negara tersebut, peningkatan penularan penyakit AIDS, aktiviti rasuah di kalangan penguatkuasa dan kegiatan keganasan oleh puak pelampau.

Stoutharnerloubert (2002) menyatakan memang wujud kolerasi antara penyalahgunaan dadah dan kelakuan jenayah. Hasil kajian Australian Institute Of Criminology menunjukkan bahawa 53% daripada pesalah jenayah harta benda mengambil dadah jenis heroin semasa melakukan kesalahan jenayah (Wodak & Moore 2002). Sejak kewujudan dadah baru iaitu dadah jenis sintetik seperti Amphetamine Type Stimulan (ATS) persepsi yang menyatakan yang berkaitan penagihan dadah dengan kelakuan jenayah mula berubah. Penagih yang dipengaruhi oleh dadah jenis sintetik akan berkelakuan lebih agresif dan merbahaya.

Kajian yang dijalankan oleh Jonathan P. Caulkins, Mark A.R Kleimen dan Jonathan D. Kulick, (2010) bertajuk *Drug Production and Trafficking, counterdrug Policing and Security and Governance in Afghanistan* merumuskan bahawa pengeluaran dan penyeludupan dadah menjadi sumber pendapatan kumpulan berhaluan kiri dalam pembiayaan aktiviti mereka, aktiviti penyeludupan dadah merentasi sempadan juga menggalakkan peningkatan masalah rasuah dikalangan penguatkuasa yang terlibat.

Sergio Ferragut, (2007) dalam *The Bottom Line and The Challenge of Illicit Drugs* memberi pendapat bahawa pengedaran dadah yang meluas akan menyebabkan penambahan dari segi pengeluarannya kerana permintaan yang tinggi maka kuantiti yang banyak diperlukan untuk menampungnya.

2.11 Kesimpulan

Walaupun begitu, kita tabik terhadap keupayaan penguatkuasa dalam membanteras dan mengekang penyeludupan dadah terutama melibatkan warganegara asing. Ia terbukti berkesan. Jika ada andaian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mudah bolos untuk kegiatan transit dadah, pihak terbabit perlu diberi mesej jelas dan berfikir beribu kali. KLIA mesti dibersihkan daripada imej pintu masuk penyeludupan dadah. Apa pun kita mesti sentiasa berwaspada dengan kemasukan warga asing di pintu masuk negara ini. Banyak kes salah laku warga asing. Dalam senyuman kita menyambut kedatangan warga asing, kita juga perlu bertegas terhadap mereka yang berusaha membawa musibah. Oleh itu kita wajar memohon kerjasama semua pihak agar membersihkan imej Malaysia daripada label pusat pengedaran dadah antarabangsa. Hal ini bagaikan benar apabila kita membaca laporan media, hampir setiap minggu ada sahaja tangkapan ke atas penyeludup dadah Warga asing. Merenung dengan mendalam perkembangan ini, kita juga bimbang adakah pengguna dadah di negara kita semakin meningkat? Hari ini, pelbagai pelakuan dahsyat timbul akibat daripada penyalahgunaan dadah. Seseorang penagih sanggup mati, mencuri, merompak, meragut, mencedera

bahkan membunuh orang lain. Jadi ada baiknya kerajaan segera membuat kempen membersihkan imej Malaysia daripada aktiviti pengedaran dadah terutamanya oleh warga asing.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan bagaimana kajian ini dijalankan, kaedah yang digunakan untuk mendapat maklumat dan data-data, subjek yang terlibat, tempat kajian dan penganalisan data.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif di mana ia dibuat secara temu bual dengan pegawai Agensi penguatkuasaan Malaysia yang terlibat secara langsung dalam kes-kes siasatan, risikan maklumat, tangkapan dan pencegahan penyeludupan dadah di Malaysia. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman dipilih sebagai tempat untuk mendapat data-data sekunder dan maklumat daripada individu-individu yang terlibat.

3.1.1 Kaedah Temubual

Dalam sesebuah kajian kes yang bersifat kualitatif, cara yang lazim digunakan untuk mengutip data deskriptif adalah melalui temu bual (Yusof, 2008). Penggunaan teknik ini lebih ketara dalam kajian yang melibatkan pemerhatian peserta (Yusof, 2008). Dalam kajian ini teknik temubual digunakan bersama-sama

dengan pemerhatian. Penggunaan teknik ini boleh dikatakan sama pentingnya dengan teknik pemerhatian. Tanpa penggunaan temu bual, data yang diperolehi daripada pemerhatian tidak dapat memberi gambaran yang lengkap tentang apa yang diperhatikan.

Melalui temu bual, data yang diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkukuhkan dan diperlengkapkan. Daripada temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian, maklumat yang kurang jelas dan sukar diperolehi daripada teknik pemerhatian semata, didapati. Dengan menemubual peserta kajian, penyelidik berupaya mendapat penjelasan dan maklumat lanjut tentang sesuatu yang dituturkan. Keadaan ini bertepatan sekali dengan tujuan membuat temu bual seperti yang dinyatakan oleh Yusof (2008)

“We interview people to find out from them things we cannot directly observe...We cannot observe feelings, thought, and intentions...We cannot observe how people organized the world and meaning they attach to what goes on in the world, we have to ask question about those things. The purpose of interviewing, then is to allow us to enter into the other persons perspectives”

Daripada apa yang dinyatakan oleh Yusof (1980), temubual boleh disifatkan sebagai sebuah saluran kepada penyelidik untuk mendekati dunia peserta kajian dan juga memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka.

Kajian ini memfokuskan kepada cara penyeludupan dadah ini dilakukan, siapakah yang terlibat dalam kegiatan ini, jenis dadah yang diseludup ke Malaysia dan langkah-langkah pencegahan yang telah dibuat untuk membendung masalah ini

dari terus berlaku. Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan penyelidik mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam pernyataan langsung dari peserta kajian sendiri. Mengikut Yusof (2008), pernyataan langsung seperti ini akan dapat membantu penyelidik membentuk “*insights on how subjects interpret some piece of the world*”. Sebagai contoh, dalam sesi temu bual yang diadakan dengan peserta kajian, penyelidik merakamkan apa yang dinyatakan oleh mereka secara langsung dengan menggunakan perakam suara. Dengan cara ini, penyelidik berupaya untuk merakamkan pernyataan peserta kajian tentang pendapat dan pengalaman mereka yang berkaitan.

Teknik temu bual juga digunakan kerana ia merupakan satu cara yang cepat untuk mendapat maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Yusof, 2008). Dalam kajian yang dijalankan di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, peserta kajian yang terdiri daripada pegawai dan anggota untuk dijalankan proses temu bual ini.

3.2 Tempat Kajian

Kajian ini tertumpu di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Kuala Lumpur. JSJN Bukit Aman dipilih kerana ia merupakan pusat pentadbiran Jabatan dan pusat pengumpulan maklumat berkaitan kegiatan penyeludupan dadah seluruh Malaysia. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman menerusi Bahagian Risikan dan Operasinya sering mengadakan operasi dan tangkapan serta rampasan yang banyak dalam setiap operasi yang dijalankan. Sehubungan dengan

itu data-data sekunder yang diperolehi adalah mencukupi untuk dibuat kajian ini. Di samping itu individu-individu penting yang bertanggungjawab atas setiap kejayaan tersebut juga berada di sini dan mudah bagi pengkaji membuat temuduga.

3.3 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada apakah jenis dadah yang sering menjadi tumpuan sindikit menyeludup ke Malaysia, siapakah yang terlibat, bagaimanakah kaedah penyeludupan yang sering digunakan oleh sindikit dan apakah langkah pencegahan yang telah diambil untuk membendung masalah penyeludupan dadah ini oleh agensi penguatkuasa yang terlibat. Responden yang terlibat untuk ditemuduga dalam kajian ini di antaranya ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ketua Pengarah Bahagian Risikan dan Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ketua Pengarah Bahagian Perhubungan Antarabangsa Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman serta pegawai dan anggota yang terlibat secara langsung dalam usaha membenteras aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia.

3.4 Analisa data

Data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder yang diperolehi dari bahagian perangkaan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman dan juga menerusi temubual ke atas responden-responden yang terlibat. Data-data tersebut

adalah berkaitan jumlah tangkapan mengikut tahun, jumlah rampasan dadah mengikut jenis dan tahun, jumlah kes-kes pengedar dadah yang ditangkap mengikut bangsa, umur dan jantina mengikut tahun kajian. Disamping itu maklumat berkaitan modus operandi yang sering digunakan oleh warga asing menyeludup dadah ke Malaysia. Pendapat-pendapat responden berkaitan impak daripada aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ini juga diajukan kepada responden supaya responden dapat memberikan pendapat masing-masing.

3.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini terdapat batasan tertentu yang tidak boleh dielakkan. Batasan yang pertama sekali ialah dari masa untuk dijalankan temu bual dengan responden. Ini adalah kerana responden dalam kajian saya ini kebanyakannya adalah terdiri daripada pegawai dan anggota yang bertugas Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman yang sentiasa sibuk dengan tugas risikan operasi mereka. Beberapa siri temujanji terpaksa ditunda kerana tugas-tugas mereka yang tidak dapat dielakkan.

Batasan lain yang dihadapi ialah berkenaan dengan sesetengah maklumat adalah RAHSIA di mana maklumat tersebut tidak boleh disebar. Dalam temu bual yang dijalankan maklumat yang dikategorikan sebagai RAHSIA tersebut terpaksa di edit dari pita rakaman menyebabkan proses menebual responden mengambil masa yang agak panjang.

3.6 Kesimpulan

Bab ini menerangkan metodologi kajian yang dijalankan bagi menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan kajian ini. Pemilihan metodologi ini adalah difikirkan sesuai kerana setiap data yang diperolehi adalah dianggap tepat dan maklumat hasil daripada proses temubual ke atas responden yang terlibat dianggap sah dan boleh dipercayai serta mewakili populasi lain. Seterusnya Bab Empat akan menerangkan tentang hasil kajian dan ulasan kajian.

BAB EMPAT

PENEMUAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini adalah untuk mengenalpasti modus operandi canggih yang sering digunakan oleh penyeludup dadah warga asing. Bab ini juga cuba menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyeludup di mana kaedah tersebut amat mengelirukan atau menimbulkan masalah kepada pihak penguatkuasa Malaysia untuk mengesan ketika mereka memasuki pintu masuk ke Malaysia sama ada melalui jalan darat mahupun udara. Disamping itu, bab ini juga cuba menerang serta mengenalpasti jenis-jenis dadah yang sering diseludup ke Malaysia oleh warga asing. Akhir sekali, bab ini menjelaskan bagaimanakah penyeludup dadah secara berterusan boleh membawa kepada kesan negatif kepada rakyat Malaysia khususnya.

Penganalisan akan dilakukan berdasarkan kepada maklumat yang perolehi dari responden hasil daripada temubual yang telah dijalankan. Dapatan daripada kajian ini, pengkaji akan menghuraikan bagaimanakah kegiatan seumpama ini boleh memberi impak terhadap Malaysia hasil daripada kegiatan pengedaran dadah oleh warga asing. Akhirnya, pengkaji cuba mengariskan beberapa cadangan penambahbaikan untuk tindakan lanjut oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik

(JSJN), PDRM untuk melumpuhkan sindikit pengedaran dadah oleh warga asing di negara ini.

4.1 Responden Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah memilih Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman (Ibu Pejabat PDRM untuk semua jabatan) sebagai responden utama kerana mereka yang terlibat secara langsung dalam menangani masalah pengedaran dadah di Malaysia. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) diketuai oleh seorang pengarah yang berpangkat Commissioner of Police (CP) dengan dibantu oleh tiga orang Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Pegawai Turus Zon (Zon Utara dan Zon Selatan).

4.2 Temu bual

Seramai 50 orang responden telah terpilih secara rawak untuk ditemu bual dengan mengemukakan sebanyak 14 soalan yang dijalankan secara berperingkat mengikut kesesuaian masa responden yang sentiasa sibuk dengan penugasan harian mereka. Soal selidik diedarkan kepada responden dengan secara peribadi dan mengambil masa kurang satu jam setengah (1 jam 30 minit) untuk melengkapkan semua soalan dalam borang selidik tersebut dalam bentuk temu bual. Tempoh kutipan data/soal selidik ini mengambil masa kurang 2 bulan untuk dapat diselesaikan kesemuanya. Dalam temu bual yang dijalankan ini pengkaji telah mengemukakan

empat belas soalan yang berkaitan dengan kajian (Lampiran A) kepada semua responden. Pengkaji menggunakan alat perakam suara untuk merakamkan setiap perbualan tersebut. Selepas selesai sesi temu bual dari semua responden pengkaji akan memainkan semula alat perakam untuk dibuat analisa percakapan dan membuat catatan semula dalam bentuk nota.

4.3 Analisis latar belakang responden

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab Empat iaitu metodologi kajian ialah dengan menggunakan satu borang soal selidik telah diedarkan untuk diisi oleh setiap responden berkaitan latar belakang mereka secara ringkas.

Sejumlah 50 orang responden yang telah ditemubual iaitu seramai 30 orang (60%) adalah pegawai lelaki dan selebihnya seramai 20 orang (40 %) orang adalah pegawai wanita .

Sejumlah seramai 8 responden (16%) adalah berpangkat konstabel polis, 12 orang (24%) berpangkat Koperal, 10 orang (20%) berpangkat Sarjan, 3 orang (6%) berpangkat Sarjan Major, 2 orang (4%) berpangkat Sub-Inspektor dan 15 orang (30%) adalah pegawai kanan Polis (Berpangkat Inspektor hingga Commissioner of Police).

Latar belakang akademik responden pula 2 responden (4%) berkelulusan Ijazah Sarjana, 3 responden (6%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, 15 responden(30%) berkelulusan Diploma, 5 responden (10%) berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia (STPM) dan selebihnya 25 responden (50%) adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Hanya 8% (4) responden yang berkerja dengan JSJN kurang daripada lima tahun, 20% (10) responden bertugas antara 5 hingga 10 tahun dan 30% (15) responden telah berada diJSJN melebihi 10 tahun.

4.4 Respon dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Sebanyak 14 soalan yang relevan dengan tajuk kertas projek ini telah dikemukakan kepada responden semasa proses temu bual. Responden telah memberi maklumbalas yang baik dan pelbagai pandangan dan pendapat terhadap setiap soalan. Sesetengah jawapan yang diberikan oleh responden adalah sama kerana ia berbentuk fakta yang benar berdasarkan hasil tangkapan dan juga maklumat yang diperolehi dari warga asing yang telah ditangkap kerana menyeludup dadah ke Malaysia. Statistik yang diperolehi dari responden juga merupakan data-data yang benar tanpa sebarang pengubahsuaian. Semua soalan yang dikemukakan telah melalui proses penapisan dan ia tidak menjejaskan sebarang proses penyiasatan dan risikan yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman.

Berikut adalah jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden yang akan dihuraikan mengikut soalan dan diakhir jawapan responden pengkaji akan membuat ulasan ke atas setiap jawapan yang diberi

4.5 Jenis dadah yang dirampas dari tahun 2006 hingga 2010.

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan jumlah candu mentah yang telah dirampas pada tahun 2007 ialah sebanyak 4.04 Kilogram (Kg) dan tahun 2008 sebanyak 0.05 Kg. Sementara itu bagi rampasan candu masak pula ialah sebanyak 10.91 Kg (2008) dan hanya sebanyak 0.002 Kg (2009) Rampasan Heroin Base telah menunjukkan peningkatan yang agak ketara dimana pada tahun 2008 sebanyak 0.42 Kg, 0.71 Kg (2009) dan 2.77 Kg (2010). Bagi rampasan Heroin No. 3 pula menunjukkan peningkatan yang juga ketara kecuali tahun 2007 di mana sebanyak 25.55 Kg (2006), 5.46 Kg (2007), 47.48 Kg (2008), 46.16 Kg (2009) dan 65.11 Kg (2010). Dari tahun 2006-2010 telah menunjukkan jumlah rampasan yang dibuat oleh JSJN telah meningkat sebanyak hampir 160% (25.55 Kg kepada 65.11 Kg). JSJN Bukit Aman telah membuat rampasan terhadap Heroin no 4 yang mana Heroin jenis ini tidak didapati dalam pasaran tempatan. Pada tahun 2006 tiada rampasan dibuat, sebanyak 2.5 Kg (2007), 3.11 Kg (2008), 0.55 Kg (2009) dan 6.15 Kg (2010).

Sementara dadah jenis ganja atau Cannabis pula pada tahun 2006 sebanyak 329.34 Kg. berjaya dirampas dan pada tahun 2007 menurun kepada 299.06 kg. Cannabis yang dirampas. Pada tahun 2008 rampasan Cannabis hanya sebanyak 47.86 kg. sahaja yang berjaya dirampas, pada tahun 2009 sebanyak 39.89 Kg.

dirampas dan meningkat sedikit pada tahun 2010 iaitu sebanyak 57.05 Kg. Cannabis yang dirampas.

Jadual 4.1: Jenis-jenis dadah yang dirampas dari tahun 2006-2010

		2010	2009	2008	2007	2006
CANDU MENTAH	KG			0.05	4.04	
CANDU MASAK	KG		0.002	10.91		
HEROIN BASE	KG	2.77	0.71	0.47		
HEROIN NO. 3	KG	65.11	46.16	47.48	5.46	25.55
HEROIN NO. 4	KG	6.15	0.55	3.11	2.5	
GANJA	KG	57.05	39.89	47.86	299.06	329.34
POKOK GANJA	POKOK			1		2
KOKAIN	KG	3.06	1.89	19.86	2.3	2.17
SYABU	KG	400.80	40.03	60.13	16.19	9.51
SYABU CECAIR	LITER	0.32				
KETAMIN	KG	59.10	2.25	44.48	59	2.75
SERBUK ECSTASY	KG	0.41	347.20	0.96		
PIL ECSTASY	BIJI	2,011	9	13,266		10,998
YABA	BIJI	1,852	388	183	21,203	5
PIL NOSPAN	BIJI			0		
ERIMIN 5	BIJI	1,647,223	1,081,688	992,174	217	2,728
	KG	0.66	0.52		1.2	
PIL PSIKOTR OPIK	BIJI	2,286		5402	86	41
	KG	0.003				
KODEIN	LITER		60.36	8139.61	5.72	3.012
	BIJI		16			
AIR MITRAG YNINE	LITER	6.21	334.40		4.0	
DAUN MITRAG YNINE	KG	169.10	101.30	21.00		
NILAI RAMPASAN		RM137,348,581.50	RM 68,344,901.50	RM 42,849,534.50	RM 6,690,960.50	RM 5,003,735.55

Sumber: JSJN Bukit Aman 2011

Bagi rampasan Kokain pula pada tahun 2006 sebanyak 2.17 Kg. sahaja yang dirampas berbanding tahun 2007 sebanyak 2.3 Kg., dan tahun 2008 sebanyak 19.86 Kg. dan menurun kepada 1.89 Kg. pada tahun 2009 dan sebanyak 3.06 kg. sahaja yang dirampas pada tahun 2010.

Bagi dadah jenis Syabu pula merupakan dadah yang paling banyak dirampas iaitu pada tahun 2006 sebanyak 9.51 Kg. dirampas meningkat kepada 16.19 kg. pada tahun 2007 dan terus meningkat kepada 60.13 Kg. pada tahun 2008 dan menurun sedikit pada tahun 2009 iaitu sebanyak 40.03 Kg. dan meningkat secara mendadak pada tahun 2010 iaitu sebanyak 400.80 Kg. dadah jenis ini dirampas.

Dadah jenis Ketamin pula juga mencatatkan peningkatan sejak tahun 2006 iaitu sebanyak 2.75 Kg. yang dirampas dan meningkat kepada 59 Kg pada tahun 2007 dan menurun sedikit pada tahun 2008 iaitu sebanyak 44.48 Kg. dan turun mendadak pada tahun 2009 hanya sebanyak 2.25 Kg. Ketamin sahaja yang dirampas sepanjang tahun dan meningkat kepada 59.10 Kg. pada tahun 2010.

Rampasan pil Estacy pula pada tahun 2006 sebanyak 10,998 biji berjaya dirampas dan tahun 2007 tiada sebarang rampasan pil Estacy dibuat dan pada tahun 2008 sebanyak 13,266 biji dirampas menurun kepada 9 biji pada tahun 2009 dan meningkat sedikit pada tahun 2010 iaitu sebanyak 2011 biji yang dirampas.

Yaba atau Pil WY pula mencatatkan angka yang tidak konsisten dalam rampasan iaitu pada tahun 2006 sebanyak 5 biji sahaja berjaya dirampas, dan pada tahun 2007 sebanyak 21,203 biji berjaya dirampas dari warga asing, dan pada tahun 2008 sebanyak 183 biji sahaja yang dirampas meningkat sedikit dalam tahun 2009 iaitu sebanyak 388 biji dan pada tahun 2010 sebanyak 1852 biji berjaya dirampas.

Pil Eramin 5 adalah merupakan pil yang paling banyak dirampas dari penyeludup warga asing yang cuba menyeludup masuk ke Malaysia iaitu pada tahun 2006 sebanyak 2778 biji pil dirampas menurun kepada 217 biji pada tahun 2007 dan

meningkat kepada 992,174 biji pil yang dirampas pada tahun 2008 dan meningkat kepada 1,086,688 biji pil dirampas pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada 1,647,223 biji pada tahun 2010.

Rampasan pil Psikotropik pula mencatatkan angka yang juga tidak konsisten iaitu pada tahun 2006 sebanyak 41 biji pil dirampas meningkat sedikit ke 86 biji pada tahun 2007 dan meningkat mendadak pada tahun 2008 iaitu sebanyak 5402 biji pil dirampas dan tiada sebarang rampasan pada tahun 2009 dan pada tahun 2010 sebanyak 2286 biji pil dirampas. Bagi Rampasan daun Mitragynine atau lebih dikenali sebagai daun Ketum pula pada tahun 2008 sebanyak 21 Kg. dirampas meningkat kepada 101.30 Kg. pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada 169.10 Kg. pada tahun 2010.

4.6 Peringkat umur warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia.

Jadual 4.2 Peringkat umur warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia

TAHUN		<13 th	14th - 18th	19th - 24th	25th - 29th	30th - 34th	35th - 40th	41th >	JUMLAH
2006	39B		6	30	32	42	27	15	152
	39A(2)			7	12	17	10	1	47
	39A(1)		1	4	6	3	10	5	29
	SEK- SEK LAIN		14	19	24	57	277	171	562
	JUM	0	21	60	74	119	324	192	790
2007	39B		2	26	38	71	31	35	203
	39A(2)		3	6	10	5	15	4	43
	39A(1)		4	5	10	27	18	15	79
	SEK- SEK LAIN		2	6	31	189	247	215	690
	JUM	0	11	43	89	292	311	269	1,015
2008	39B		13	39	61	42	40	32	227
	39A(2)		2	5	10	11	13	12	53
	39A(1)		2	4	12	13	10	10	51
	SEK- SEK LAIN		13	15	23	28	295	234	608
	JUM	0	30	63	106	94	358	288	939
2009	39B		7	18	25	78	54	43	225
	39A(2)		2	2	7	11	8	2	32
	39A(1)		4	5	5	10	11	19	54
	SEK- SEK LAIN		11	13	24	189	112	309	658
	JUM	0	24	38	61	288	185	373	969
2010	39B		13	19	159	135	101	72	499
	39A(2)		2	7	10	11	13	14	57
	39A(1)		1	5	2	8	5	15	36
	SEK- SEK LAIN		4	18	19	45	390	364	840
	JUM	0	20	49	190	199	509	465	1,432

Sumber : JSJN Bukit Aman 2011

Bagi menjawab soalan ini jadual 4.2 dirujuk, semua responden (100%) menyatakan bahawa jawapan yang mereka berikan ini adalah berdasarkan kepada fakta yang benar iaitu daripada hasil tangkapan ke atas warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia. Statistik yang dimaksudkan diambil dari tahun 2006 hingga tahun 2010. Peringkat umur yang dibuat ialah mengikut peringkat umur iaitu peringkat 1 : di bawah 13 tahun, Peringkat 2 : 14 tahun hingga 18 tahun, Peringkat 3 : 19 hingga 24 tahun, Peringkat 4 : 25 hingga 29 tahun, Peringkat 5 : 30 hingga 34 tahun, Peringkat 6 : 35 hingga 40 tahun dan Peringkat 7 berumur 41 tahun ke atas. Semua responden menyatakan pada tahun 2006 tiada tangkapan ke atas warga asing yang berumur di bawah 13 tahun yang terlibat dalam penyeludupan dadah ke Malaysia, dan seramai 21 orang ditangkap yang berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun, bagi yang berumur antara 19 tahun hingga 24 tahun seramai 60 orang telah ditangkap dan 74 orang ditangkap bagi yang berumur antara 25 tahun hingga 29 tahun. Pada tahun yang sama juga seramai 119 orang ditangkap adalah berumur antara 30 tahun hingga 34 tahun dan angka ini meningkat kepada 324 orang berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun. Manakala warga asing yang berumur 40 tahun ke atas seramai 192 orang telah ditangkap pada tahun 2006.

Pada tahun 2007 tangkapan warga asing adalah seperti berikut iaitu tiada tangkapan bagi yang berumur di bawah 13 tahun, 11 tangkapan bagi yang berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun, 43 tangkapan bagi yang berumur 19 tahun hingga 24 tahun, 89 tangkapan bagi yang berumur 25 tahun hingga 29 tahun, 292 tangkapan bagi yang berumur antara 30 tahun hingga 34 tahun, 311

tangkapan bagi yang berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun dan seramai 269 tangkapan bagi yang berumur 40 tahun ke atas.

Tahun 2008 tangkapan warga asing yang berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun seramai 30 orang, meningkat kepada 63 orang bagi yang berumur antara 19 tahun hingga 24 tahun. Angka tersebut terus meningkat kepada 106 orang bagi yang berumur antara 25 tahun hingga 29 tahun. Sedikit penurunan bagi tangkapan yang berumur antara 30 tahun hingga 34 tahun iaitu sebanyak 92 orang, tetapi angka tangkapan meningkat secara mendadak bagi yang berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun iaitu sebanyak 358 orang. Sementara bagi penyeludup dadah yang berumur 40 tahun ke atas sebanyak 288 orang ditangkap pada tahun tersebut.

Bagi tahun 2009 pula tangkapan ke atas warga asing yang berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun adalah sebanyak 24 orang, dan bagi yang berumur 19 tahun hingga 24 tahun adalah seramai 38 orang, 61 tangkapan bagi yang berumur antara 25 tahun hingga 29 tahun. Bagi mereka yang berumur 30 tahun hingga 35 tahun adalah seramai 288 orang telah ditangkap, dan 185 tangkapan adalah berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun, sementara itu pada tahun 2009 bagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas menunjukkan peningkatan iaitu seramai 373 orang ditangkap.

Responden juga menyatakan pada tahun 2010 seramai 20 orang penyeludup dadah warga asing ke Malaysia ditangkap berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun, seramai 49 tangkapan berumur antara 19 tahun hingga 24 tahun, 190 tangkapan berumur antara 25 tahun hingga 29 tahun, 199 tangkapan berumur

antara 30 tahun hingga 34 tahun dan angka tangkapan meningkat secara mendadak bagi yang berumur antara 35 tahun hingga 40 tahun iaitu seramai 509 orang pada tahun tersebut. Sementara itu bagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas seramai 465 orang ditangkap pada tahun itu juga.

4.7 Jenis pekerjaan penyeludup dadah warga asing di negara asalnya

Dari segi latarbelakang suspek warga asing yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan dadah ke negara ini, daripada 50 responden yang dijalankan temubual seramai 60% (30) responden menyatakan kebanyakan saspek warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia ini bekerja sebagai buruh ,pemandu teksi dan penganggur, manakala 10% (5) responden berkata kebanyakan saspek ini bekerja sebagai buruh dan penganggur 10% (5) responden menyatakan saspek berkerja sebagai pemandu teksi, buruh dan peniaga kecil-kecilan. Sementara 14% (7) responden menyatakan kebanyakan saspek berkerja sebagai buruh, peniaga, pemandu teksi dan tiada pekerjaan 6% (3) responden menyatakan kebanyakan saspek ini berkerja sebagai petani, pemandu lori dan pelacur.

4.8 Laluan yang digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia.

Apabila diajukan soalan mengenai laluan yang sering digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia kesemua responden (100%) memberi

jawapan yang sama. Semua responden menyatakan kategori laluan yang digunakan dibahagi kepada tiga iaitu laluan udara, laluan darat dan laluan laut. Laluan udara suspek sering menggunakan laluan dari **Dubai-Kuala Lumpur, Chennai-Kuala Lumpur, Karachi- Kuala Lumpur , Lagos-Dubai-KLIA, Lagos- Dubai- Bangkok- KL, Tehran – Dubai – Doha – Kuala Lumpur, Dubai – Changi – Kuala Lumpur dan Tehran – Dubai – Kuala Lumpur – Johor Bahru.** Namun begitu menurut responden ke 50 menyatakan laluan yang dinyatakan ini adalah laluan yang sering digunakan sahaja, terdapat laluan lain lagi yang digunakan oleh suspek warga asing ini ke Malaysia tetapi dalam jumlah yang sedikit. Sementara laluan darat pula kebanyakan suspek akan menggunakan laluan di pintu-pintu sempadan Malaysia-Thailand di utara dan Kelantan iaitu di **Padang Besar Perlis, Bukit Kayu Hitam Kedah, Betong/Pengkalan Hulu Perak, Bukit Bunga Tanah Merah Kelantan, Tumpat dan Rantau Panjang, Pasir Mas Kelantan.**

Laluan laut pula adalah **sepanjang pantai dari Kuala Perlis ke Pulau Pinang, Satun Thailand ke Langkawi , Jeti Setulang Laut Johor Bahru, Jeti Kukup,Pontian dan perairan Kota Tinggi, Johor.**

4.9 Modus operandi yang digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia.

Hampir 40% (20) responden memberi jawapan yang sama iaitu kebanyakan warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia menggunakan MO seperti

menyorokkan dadah dalam ruang khas bagasi yang dibawa dan menutupi dengan kertas karbon supaya dapat melepasi mesin pengimbas di lapangan terbang atau pintu sempadan negara, menyembunyikan dadah dalam “spare-part” enjin atau generator, melilit dadah pada tubuh badan sendiri, menelan dengan cara mengisi dadah dalam kondom, membuat ruang khas dalam kenderaan, menyembunyikan dalam kontena bersama barangan dagangan lain, melalui kapal karga, menyembunyikan dalam bungkusan hadiah dan melalui pos.

Dalam soalan ini terdapat ramai responden memberi jawapan yang berlainan. Sebanyak 10% (5) responden menyatakan Modus Operandi penyeludup dadah warga asing yang sering beliau membuat tangkapan ialah menelan dadah, mengubahsuai bagasi yang mereka bawa, mengubahsuai kompenan dalam kenderaan yang mereka naiki, dimasukkan dalam ubi kayu, disembunyikan dalam bingkai gambar, memasukkan dalam mesin fax dan dihantar melalui pos, menyembunyikan dalam lukisan dan menebuk buku untuk menyembunyikan dadah.

Sebanyak 10% (5) responden menyatakan modus operandi penyeludup dadah warga asing ialah dengan cara menyorok dalam bahagian tapak kasut sukan yang dipakainya, menyorok dalam bagasi, menelan dan menyembunyikan dalam ruang khas kenderaan yang diubahsuai.

Seramai 8% (4) responden memberi jawapan seperti berikut iaitu menerusi bagasi yang diubahsuai dan memasukkan dadah dalam kondom dan menelannya, memasukkan dalam kerangka basikal yang dibawa masuk, membalutkan di badan

sendiri, poket khas pakaian yang dipakai dan dalam ruang khas kenderaan yang diubahsuai.

Baki 8% (4) responden memberi respon bahawa modus operandi warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia kerap menggunakan taktik menyembunyikan dadah dalam ruang khas bagasi mereka yang telah diubahsuai dan dadah tersebut dilitupi dengan kertas karbon supaya tidak dapat dikesan oleh mesin imbasan, menghantar dadah dari negara asal mereka melalui kurier dan menyorok dadah dalam kaki seluar panjang yang diubahsuai.

Manakala 8% (4) lagi responden menyatakan modus operandi yang dijalankan oleh warga asing akan berubah mengikut keadaan semasa dan cara yang paling popular ialah menyembunyikan dalam bagasi yang diubahsuai, memasukkan dalam perut ikan masin, replika binatang, replika pinggan mangkuk, pakaian kanak-kanak berbentuk bulu, mengisi dalam tin pewangi dan memasukkan dalam bungkusan makanan.

Sementara itu 6 % (3) responden menyatakan warga asing yang telah ditangkap sering menggunakan modus operandi warga asing sering menggunakan modus operandi menelan dadah yang diisi dalam kondom dan mengubahsuai bagasi yang dibawanya.

Bagi 6% (3) lagi responden memberitahu warga asing akan menyeludup dadah dengan cara menelan dadah yang diisikan dalam kondom, menyembunyikan dalam bagasi bersama pakaian, memasukkan dalam kompenan kenderaan yang dibawa masuk, memasukkan dadah dalam peralatan elektrik, menghantar melalui

kurrier servis, menghantar melalui kontena bersama barang dagangan, melilit pada tubuh badan masing-masing, menyembunyikan dalam bungkusan cenderahati dan menyembunyikan dalam ruang khas kenderaan yang diubahsuai.

Manakala 4% (2) lagi responden menyatakan warga asing sering menyeludup dadah dengan menggunakan bas bagi penyeludup warga Myanmar, Thailand dan Indonesia dan menelan dadah yang diisikan dalam kondom serta ruang khas bagasi.

Sementara 4% (2) responden berkata modus operandi penyeludup dadah warga asing ini sering berubah-ubah mengikut masa dan tahap penguatkuasaan pihak berkuasa kita. Modus operandi yang sering digunakan oleh mereka ialah menyorok dadah dalam ruang khas atau dalam lipatan pakaian dalam bagasi, memasukkan dadah dalam kondom dan melannya dan dalam tuala atau pakaian yang diserapkan dengan cecair dadah terutamanya Syabu.

4.10. Pengoperasian sindiket Penyeludupan dadah Warga Asing di Malaysia.

Bagi menjawab persoalan ini yang memerlukan pengalaman dan maklumat yang diperolehi semua responden memberi jawapan yang sama iaitu kebanyakan penyeludup dadah warga asing ke Malaysia menjalankan kegiatan mereka secara berkumpulan. Mereka mempunyai ketua sindiket yang tinggal di Malaysia dan akan menguruskan segala hal berkaitan proses kemasukan dadah, melantik kurrier atau keldai dadah, menguruskan stor untuk penyimpanan dadah, membina

rangkaian pemasaran dadah di Malaysia atau menguruskan penghantaran dadah ke negara ke tiga dan menguruskan hal kewangan sindiket. Dalam hal ini sindiket penyeludupan dadah warga asing akan melantik ramai keldai dadah dari kalangan penduduk tempatan atau dari negara asalnya untuk membawa bekalan dadah ke Malaysia, apabila bekalan dadah telah selamat tiba ke destinasi, keldai dadah ini akan berehat beberapa hari di Malaysia dan akan pulang semula ke negara asal untuk menunggu konsainan yang seterusnya. Bagi keldai dadah tempatan kebanyakan digunakan untuk meneruskan perjalanan dadah ke negara ketiga, misalnya bekalan dadah yang diseludup masuk itu akan dihantar ke China, maka sindiket ini akan mengupah keldai dadah yang dilantik dari kalangan rakyat Malaysia terutamanya wanita-wanita tempatan. Di samping itu sindiket dadah warga asing ini juga dikesan membawa pakar-pakar dadah warga asing ke Malaysia untuk memproses dadah di negara kita dengan kerjasama sindiket dadah tempatan. Perkara ini telah beberapa kali dibongkarkan oleh pihak berkuasa Malaysia di mana beberapa makmal memproses dadah Syabu haram dibongkarkan iaitu di Semenyih, Selangor, Senai ,Johor dan Bukit Jambul, Pulau Pinang.

4.11 Faktor penyebab Malaysia dijadikan Transit Dadah oleh Sindiket dadah warga asing.

Didapati 40% (20) responden menyatakan faktor utama yang menyebabkan Malaysia dijadikan pusat transit dadah dunia ialah disebabkan faktor geografi

Malaysia itu sendiri. Kedudukan Malaysia yang berada ditengah-tengah di kawasan Asia Tenggara menjadikan sindiket penyeludupan dadah warga asing memilihnya menjadikan pusat transit untuk diseludup ke negara ke tiga.

Namun 20% (10) Responden pula menyatakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang merupakan di antara lapangan terbang yang tersibuk di dunia dan kebanyakan KLIA menyediakan penerbangan terus dari destinasi tertentu dunia tanpa memerlukan mereka transit di negara-negara lain juga merupakan faktor penyumbang sindiket penyeludupan dadah warga asing memilih Malaysia sebagai pusat transit dadah mereka. Disamping itu faktor kelonggaran penguatkuasaan di pintu-pintu masuk terutamanya di KLIA merancakkan lagi aktiviti penyeludupan dadah ini ke negara kita.

Seramai 20% (10) responden menyatakan dasar kerajaan Malaysia yang menggalakkan kemasukan warga asing atas pakej ransangan pelancongan dan juga dasar untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub pengajian untuk pelajar dari luar negara merupakan salah satu punca yang menyebabkan peningkatan kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia.

Didapati 10% (5) responden menyalahkan GREEN LANE yang diamalkan dilapangan terbang di Malaysia merupakan punca penyeludupan dadah masuk ke Malaysia. Warga asing akan meyalahgunakan GREEN LANE ini untuk menyeludup dadah dengan mudah.

4.12 Faktor harga dadah penyebab warga asing memilih Malaysia sebagai pusat transit dadah.

Hampir 100% responden (50) bersetuju bahawa faktor peningkatan harga dadah di Malaysia menjadi salah satu faktor penyumbang kepada aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ini. Perkara ini agak ketara pada tahun 2009 di mana pihak berkuasa Malaysia membentasi aktiviti pengedaran dan pemrosesan dadah secara besar-besaran di mana beberapa makmal haram dadah Syabu di Malaysia dibongkarkan. Keadaan ini telah menyebabkan *Vacum* atau *ruang* yang menyebabkan bekalan Syabu tempatan terputus sehingga menyebabkan harga Syabu meningkat. Kesempatan ini telah diambil oleh sindiket penyeludupan dadah warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia. Sebagai contoh pada berlakunya *vacum* ini harga pasaran Syabu di Malaysia adalah RM 250,000 sekilogram.

4.13 Modus Operandi penyeludupan dadah oleh warga asing mengikut kategori dadah yang diseludup.

Dalam soalan ini 90% (40) responden bersependapat bahawa taktik dan teknik yang digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia adalah tidak berbeza mengikut jenis dadah kerana kebanyakan dadah yang diseludup oleh mereka adalah dalam bentuk yang sama, maka mereka akan menggunakan modus operandi yang sama.

Cuma 10% (10) responden menyatakan bahawa jenis dadah yang berlainan jenis seperti Ganja dan Kodein menggunakan modus operandi yang berlainan kerana bentuknya agak berlainan. Responden menyatakan bahawa kebanyakan Ganja diseludup dari Thailand dan Indonesia dan Kodein diseludup dari Singapura. Modus operandi yang digunakan oleh penyeludup Ganja dari Thailand ialah dengan cara menyembunyikan dalam ruang yang dibina khas dalam kenderaan masing-masing. Sementara bagi Ganja yang diseludup dari Indonesia terutamanya wilayah Aceh, mereka menggunakan bot pancung atau melalui kapal tongkang yang membawa balak atau kayu bakau ke Malaysia. Bagi penyeludup Kodein dari Singapura pula mereka menggunakan modus operandi menyembunyikan dalam kenderaan persendirian terutamanya di ruang enjin kenderaan dan mengambil kesempatan semasa waktu sibuk di Tambak Johor atau Link Kedua.

4.14 Jenis dadah yang sering diseludup oleh warga asing ke Malaysia..

Soalan mengenai jenis dadah yang popular di kalangan warga asing untuk diseludup masuk ke Malaysia pula 48% (24) responden menyatakan dadah yang paling banyak diseludup ialah jenis Syabu.

Hampir 12% (6) responden menyatakan dadah yang sering diseludupkan oleh warga asing ke Malaysia ialah Syabu, Heroin nombor 4, Pil Estacy, Pil WY, Cannabis, Ketamin, Eramin 5, Kokain dan bahan Precursor seperti Ephiderin yang digunakan untuk memproses Syabu.

Bagi 12% (6) lagi responden menyatakan dadah yang sering diseludup masuk ke Malaysia ialah Syabu, Kokain dan Heroin nombor 4.

Dalam perkara ini didapati sebanyak 8% (4) responden menyatakan dadah yang sering diseludup masuk ialah Syabu, Heroin nombor 4, Pil Estacy, Pil WY, Cannabis, Ketamin, Eramin 5 dan Kokain.

Sementara 14% (7) responden memberi jawapan bahawa jenis yang paling popular untuk diseludup oleh warga asing ke Malaysia ialah Syabu, Heroin, Ketamin, Kokain dan Ganja.

Bakinya sebanyak 6% (3) responden terakhir memberi jawapan bahawa dadah yang sering diseludup masuk oleh warga asing ialah Syabu, Kokain, Heroin Base dan Ketamin.

4.15 Warga asing yang disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah di Malaysia.

Jadual 4.3: Jumlah pengedar dadah warga asing yang telah dijatuhkan hukuman gantung dari tahun 2006 hingga 2010

W/NEGARA	2010	2009	2008	2007	2006
SINGAPURA	3	2		1	
INDONESIA	21	20	6	1	1
THAILAND	4	2	2	2	1
FILIPINA	3	2		2	
PAKISTAN	1				
INDIA					
NAMIBIA	1				
IRAN					
ZAMBIA	2				
NIGERIA	1				
JUMLAH	36	26	8	2	2

Sumber: JSJN Bukit Aman.

Daripada Jadual di atas menunjukkan jumlah warga asing yang terlibat dalam menyeludup dadah ke Malaysia dikenakan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Malaysia. Semua responden memberi jawapan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Statistik dan Perangkaan, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman dari tahun 2006 hingga 2010. Pada tahun 2006

hanya dua orang warga asing yang dijatuhi hukuman gantung oleh Mahkamah iaitu satu (1) dari Indonesia dan satu (1) dari Thailand. Pada tahun 2007 dua orang juga didapati bersalah kerana mengedar dadah ke Malaysia iaitu satu (1) dari Singapura dan satu (1) dari Indonesia. Sementara pada tahun 2008 jumlah warga asing yang didapati bersalah kerana menyeludup dadah ke Malaysia meningkat kepada lapan (8) orang atau 300% iaitu enam (6) orang dari Indonesia dan dua (2) orang dari Thailand. Pada tahun 2009 angka terus meningkat kepada 26 orang (225%) iaitu 20 orang dari Indonesia, 2 orang dari Singapura, 2 orang dari Thailand dan 2 orang dari Filipina. Dalam tahun 2010 juga mencatatkan angka yang meningkat iaitu kepada 36 orang (38.46%) yang terdiri daripada 21 orang dari Indonesia, 4 orang dari Thailand, 3 orang dari Singapura, 3 orang dari Filipina, 2 orang dari Zambia, 1 orang dari Namibia, 1 orang dari Pakistan dan 1 orang dari Nigeria.

4.16 Pendapat responden berkaitan masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia dan ancaman tahap keselamatan negara

Soalan ini adalah berbentuk pendapat masing-masing berdasarkan pengalaman mereka bertugas dan pengamatan mereka terhadap masalah dadah yang melanda negara kita, kebanyakan responden memberi pendapat yang tidak banyak berbeza dan saya akan merangkumkan pendapat-pendapat mereka mengikut maksud dalam beberapa kumpulan iaitu sebanyak 40% (20) responden menyatakan masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia boleh mengancam

keselamatan negara dari segi sosial, ekonomi serta masa depan negara. Sekiranya negara kita membiarkan masalah penyeludupan dadah memasuki negara tanpa sebarang langkah yang proaktif untuk membendungnya responden berpendapat nama baik negara akan tercemar dan akan dikenali sebagai syurga dadah di mata dunia. Lama kelamaan negara kita akan ditakluki oleh raja dadah warga asing dari luar ini. Rakyat negara ini akan menjadi mangsa kepada najis dadah yang semakin hari semakin bertambah dari segi kuantiti dadah dan juga semakin banyak jenis dadah baru yang memasuki pasaran Malaysia. Dadah baru ini terutamanya dadah sentitik ini amat merbahaya kepada kesihatan dan boleh merosakkan masa depan generasi muda kita dalam sekelip mata sahaja.

Mereka juga menyatakan hasil dari aktiviti penyeludupan dadah ini dikaitkan dengan kegiatan keganasan. Tidak dapat dinafikan bahawa hasil daripada aktiviti dadah haram ini digunakan oleh beberapa negara untuk membiayai aktiviti puak-puak pemberontak. Pada pendapat mereka keadaan seperti ini juga kemungkinan akan berlaku di Malaysia jika kerajaan tidak mengambil langkah-langkah mengatasi masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ini secara serius dan dengan kadar segera. Aktiviti pengubalan wang secara haram (Money Laundering) yang menggunakan Malaysia sebagai Hub mereka juga didapati semakin meningkat, maka sudah pasti aktiviti penyeludupann dadah oleh warga asing ke Malaysia adalah mengancam tahap keselamatan negara.

Manakala 20% (10) lagi responden berpendapat bahawa penyeludupan dadah oleh warga asing boleh mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara kerana apabila terdapat kegiatan penyeludupan dadah memasuki negara oleh warga asing

maka akan timbul pula rangkaian sindiket pengedaran dadah tempatan yang akan menjadi pengedar kepada dadah yang telah di bawa masuk oleh warga asing itu tadi. Rangkaian pengedar tempatan ini akan berusaha bersaing antara satu sama lain dalam menguasai kawasan pasaran masing-masing maka mereka akan menyeludup senjata dari negara jiran untuk digunakan untuk melindungi rangkaian masing-masing. Apabila penggunaan senjata ini semakin meningkat maka masalah baru akan timbul iaitu tahap penggunaannya akan menjadi sukar dikawal. Kejadian pembunuhan akan meningkat dan kemungkinan ada penjenayah yang akan mengambil kesempatan atas lambakan senjata ini untuk melakukan rompakan bersenjata. Oleh yang demikian semua responden menyatakan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia boleh menjadi punca kepada masalah keselamatan negara di masa akan datang.

Bagi 20% (10) lagi responden berpendapat bahawa memang ada hubungan signifikan antara penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia dengan ancaman terhadap tahap keselamatan negara kerana dadah merupakan bahan psikoaktif yang mengawal otak. Oleh itu apabila semakin banyak dadah memasuki negara kita maka semakin ramai generasi muda kita akan terjebak sebagai penagih dadah. Apabila ramai generasi muda yang merupakan bakal pemimpin negara di masa akan datang telah dirosakkan oleh najis dadah ini maka siapakah lagi yang akan menerajui tanahair kita di dekad yang akan datang. Inilah bentuk ancaman yang dimaksud oleh responden ini.

Sementara itu 20% (10) responden lagi memberi pendapat mereka bahawa kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia sememangnya

mendatangkan ancaman terhadap tahap keselamatan negara kerana kemasukan dadah dalam kuantiti yang banyak yang melibatkan nilai jutaan ringgit akan menyebabkan pengaliran keluar nilai nilai ringgit Malaysia menjadi tidak terkawal dari segi aktiviti pengubalan wang haram. Ini adalah bentuk ancaman dari segi ekonomi negara. Selain itu kemasukan dadah yang berlaku tanpa kawalan boleh menyebabkan lambakan dadah tempatan meningkat dan menyebabkan ramai generasi muda kita terjebak kerana senang untuk mendapatkan bekalan dadah. Apabila fenomena ini berlaku maka peningkatan kadar penagihan di kalangan anak muda meningkat, dan dadah ini bukan hanya merosakkan golongan remaja sahaja malah golongan dewasa juga tidak terkecuali maka ia jua akan merosakkan institusi kekeluargaan rakyat negara ini.

Bentuk ancaman lain ialah golongan penyeludup dadah warga Iran terutamanya merupakan penyeludup yang berkemampuan dari segi kewangan. Mereka mampu hidup mewah di negara kita. Mereka menjalankan perniagaan yang sah disisi perundangan negara sebagai topeng untuk melindungi kegiatan haram mereka. Golongan ini cuba untuk menjalinkan hubungan dengan ahli-ahli politik dan individu-individu dari badan kehakiman negara. Di sini mereka akan cuba mempengaruhi ahli politik dan badan kehakiman dengan cara merasuah. Mereka mudah melakukan aktiviti tersebut kerana ahli politik tempatan dan individu dari badan kehakiman tidak tahu perniagaan haram yang dijalankan disebalik aktiviti haram yang mereka jalankan. Sekiranya kita membiarkan mereka menjayakan misi mereka maka negara kita akan menuju ke arah kehancuran disebabkan

keruntuhan institusi kerajaan dan pemerintahan negara di tangan penyeludup dadah warga asing ini.

Satu lagi bentuk ancaman yang disebabkan oleh penyeludup dadah warga asing ialah warga Afrika. Golongan ini dilihat semakin bertambah populasinya di Malaysia, sehinggakan sesetengah kawasan perumahan di negara kita telah dikuasai oleh golongan ini. Golongan kulit hitam ini berwatakan ganas dan tidak menghormati rakyat dan undang-undang negara kita. Mereka akan bertindak sesuka hati tanpa memperdulikan perasaan penduduk tempatan. Daripada maklumat yang diperolehi semakin ramai rakyat dari benua Afrika ini terutamanya dari Nigeria menjadikan Malaysia sebagai Hub mereka dalam menjalankan kegiatan pengedaran dadah dan pengubalan wang haram. Sikap ganas dan biadap dan tidak menghormati undang-undang negara kita ini dikhuatiri akan sukar dibendung sekiranya masalah ini masih lagi kita biarkan dan suatu hari nanti Malaysia akan menjadi seperti Mexico di mana polis yang enggan berkerjasama dengan sindiket pengedaran dadah di sana akan di bunuh oleh kumpulan tersebut.

4.17 Kelonggaran pengawalan pintu sempadan punca kebanjiran dadah yang diseludup ke Malaysia.

Dalam isu ini 16% (8) responden menyatakan kelonggaran dari segi penguatkuasaan di pintu masuk sempadan merupakan penyumbang utama kebanjiran kemasukan dadah dari luar negara ke Malaysia. Mereka bermaksud

berkemungkinan berlakunya aktiviti rasuah atau ketidaktegasan dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan untuk mencegah penyeludupan dadah di sempadan. Di samping itu responden juga menyatakan kemungkinan berlakunya kekangan dari segi sukar menguatkuasakan undang-undang kerana terdapatnya tekanan dari pihak atasan seperti ahli politik tempatan, terutamanya berkaitan aktiviti pelancongan negara kerana tindakan pencegahan penyeludupan akan memberi impak terhadap pakej ransangan pelancong ke Malaysia.

Sementara itu 14% (7) dari responden setuju bahawa kelonggaran pengawalan pintu sempadan negara adalah penyumbang utama kepada aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke negara kita. Kelonggaran yang mereka maksudkan ialah dari segi negara kita masih lagi kekurangan dari segi kelengkapan yang canggih untuk menyekat/memeriksa semua dadah dan modus operandi yang pelbagai yang digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia. Mesin untuk mengimbas khas untuk bahan-bahan seperti dadah sentetik ini masih tiada di Malaysia menyukarkan pihak berkuasa untuk menjalankan tugas masing-masing.

Manakala 30% (15) dari responden menyalahkan faktor geografi negara yang menyumbang kepada peningkatan aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke negara kita. Malaysia yang dikelilingi oleh laut dan bersempadan pula dengan negara jiran terutamanya Thailand hanya dipisahkan oleh kawasan hutan dan sungai sahaja memudahkan para penyeludup menyeludup dadah masuk. Sebagai contoh responden menyatakan sempadan Malaysia Thailand di negeri Kelantan yang hanya dipisahkan oleh Sungai Golok di daerah Pasir Mas, Tanah

Merah dengan Wilayah Narathiwat, Thailand. Sungai Golok ini yang berkeluasan lebih kurang 30 meter lebar dan panjang lebih kurang 145 kilometer sepanjang sempadan merupakan penyumbang utama aktiviti penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia. Aktiviti penyeludupan sepanjang sungai Golok ini berlaku 24 jam sehari, menyukarkan pihak berkuasa untuk membentersanya. Ini ditambah pula apabila tibanya musim kemarau di mana Sungai Golok akan kering memudahkan lagi proses penyeludupan dilakukan. Di sini responden mencadangkan agar kerajaan Malaysia dan Thailand mengadakan perbincangan yang serius bagaimana untuk mengatasi masalah penyeludupan ini yang berlaku sejak berdekad yang lalu, responden juga mencadangkan agar satu tembok yang tinggi di bina di sepanjang sungai Golok supaya aktiviti penyeludupan tanpa kawalan dapat dihentikan.

Selain daripada itu 16% (8) responden berkata kelonggaran pintu sempadan dari segi pertindihan tugas penguatkuasa merupakan penyumbang kepada aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia. Pertindihan tugas yang dimaksudkan ialah di mana terdapat banyak pihak yang menguatkuasakan kawalan pintu masuk sempadan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja (KDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imegresen Malaysia (JIM), Jabatan Veterina dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Pihak berkuasa yang pelbagai dengan tujuan yang sama iaitu mencegah penyeludupan menyebabkan kekeliruan atau berlakunya pertindihan tugas antara mereka. Ia juga boleh menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan pegawai

penguatkuasa terhadap pegawai agensi lain yang yang berkepentingan. Mereka mencadangkan agar agensi penguatkuasaan khas ditubuhkan untuk mencegah penyeludupan dadah ditempatkan di semua pintu sempadan negara.

Baki 26% (13) responden lagi menyatakan sikap tidak komited, pemalas dan rasuah di kalangan penguatkuasa di sempadan yang menjadi punca kepada peningkatan aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia. Penguatkuasa ini juga berkemungkinan kurang berpengalaman dalam tugas-tugas pencegahan penyeludupan ataupun telah dirosakkan oleh habuan yang ditaburkan oleh para penyeludup. Para peyeludup terutamanya dadah dari sempadan Malaysia Thailand sanggup memberi habuan yang lumayan kepada mana-mana pegawai penguatkuasa yang bersedia memberi “kemudahan” kepada mereka untuk menyeludup dadah ke Malaysia. Mereka mencadangkan agar pihak kerajaan memandang serius perkara tersebut dan membuat pertukaran secara rutin pegawai penguatkuasa di pintu masuk negara secara berkala iaitu 3 tahun sekali serta menempatkan hanya pegawai yang mempunyai reputasi yang baik dan tiada sebarang rekod salahlaku sahaja di pintu-pintu masuk negara.

4.18 Cadangan mengatasi masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia.

Sebahagian responden, 20% (10) responden mencadangkan agar Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik mempereratkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa di negara-negara yang berpotensi menjadi negara “*pengekspot dadah*” ke Malaysia.

Dengan kerjasama yang erat ini membolehkan agensi penguatkuasaan kedua negara bertukar maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dadah antara kedua-dua negara dapat diambil tindakan awal. Disamping itu, dicadangkan agar ada pertukaran pegawai antara pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dengan JSJN negara asing seperti Iran, Pakistan, Afghanistan, India, Thailand, China dan negara-negara Afrika dapat disegerakan. Ini dapat menambahkan pengetahuan pegawai JSJN Malaysia dalam pemantauan setiap aktiviti sindiket yang akan menyeludup dadah ke Malaysia. Tambahan pula dapat bertukar maklumat risikan serta menyalurkan terus maklumat tersebut kepada pihak berkuasa Malaysia supaya tindakan dapat diambil lebih awal dan lebih berkesan.

Hampir 10% (5) responden mencadangkan agar pihak berkuasa terutamanya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Malaysia menagani kemasukan kurrier di pintu masuk sempadan diperiksa dengan lebih teliti dan ketat. Mereka mencadangkan supaya diwujudkan laluan khas dengan dilengkapi peralatan canggih dan termoden yang mampu mengesan kemasukan sebarang jenis dadah terlarang khususnya untuk warga asing dari negara-negara Iran, Nigeria, Pakistan, India dan beberapa lagi yang berpotensi menjadi "*pelancong dadah*" semasa mereka memasuki negara kita. Laluan khas ini hendaklah dilengkapi dengan alat pengimbas yang canggih supaya dapat membuat pengimbasan ke atas setiap barangan yang di bawa oleh mereka dengan lebih berkesan.

Disamping itu, sebanyak 10% lagi (5) responden mencadangkan agar OPS NYAH yang dijalankan secara sepadu antara Jabatan-Jabatan Imegresen, JSJN, AADK, KDRM dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dibuat secara berterusan. Ini

adalah kerana sekiranya pemeriksaan dan pembenterasan secara berterusan ke atas pendatang asing ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebanjiran warga asing di negara kita yang mana ia lebih mendatangkan masalah daripada keuntungan kepada negara. Pemeriksaan-pemeriksaan ini hendaklah merangkumi kediaman-kediaman mewah yang diduduki oleh warga Iran dan Nigeria. Kebanyakan mereka ini mempunyai pas lawatan yang sah tetapi tinggal melebihi masa di Malaysia (Over Stay).

Sementara 10% (5) responden menyarankan agar Visa On Arrival (VOA) untuk warga Iran yang diberikan oleh kerajaan Malaysia khas untuk warga Iran dikaji semula. Kerajaan Malaysia hendaklah mengenalpasti warga Iran yang mana menjadikan Malaysia sebagai pusat transit dadah atau aktiviti haram lain hendaklah membatalkan atau tidak mengeluarkan VOA untuk mereka, sementara warga Iran yang lain yang menjadikan *pelancong tulin* atau tiada sebarang aktiviti haram sebaliknya lawatan mereka, maka VOA mereka bolehlah diteruskan.

Manakala 5 % (5) responden mencadangkan agar visa pelajar untuk pelajar warga asing dari negara Nigeria dan Iran yang mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini disemak semula, bagi mana-mana pelajar dari dua negara ini yang mempunyai rekod kehadiran kuliah yang baik serta diperakui oleh IPTS berkenaan tentang kehadiran mereka ke kuliah/program diikuti serta Kementerian Pelajaran di negaranya sahaja diberikan visa pelajar. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia yang menerima pelajar warga asing dari Nigeria dan Iran ini juga dikehendaki melaporkan setiap pergerakan pelajar mereka terutamanya apabila pelajar mereka menghilangkan diri selepas mendapat

visa pelajar daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia khususnya. Ini adalah untuk membolehkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Jabatan Imegresen Malaysia membatalkan visa pelajar tersebut jika berlaku perkara yang tidak diingini.

Sejumlah 20% (10) responden lagi mencadangkan agar pegawai penguatkuasa dipintu-pintu masuk negara ditukar setiap 3 tahun sekali. Ini adalah supaya mereka tidak berada disesuatu tempat terlalu lama yang mana boleh mewujudkan perasaan “*Intim*” antara mereka dengan penyeludup-penyeludup terutamanya penyeludup dadah.

Bagi 6% (3) responden menyesyorkan agar kerajaan Malaysia menetapkan warga dari negara sasaran menyeludup dadah ke Malaysia memerlukan visa untuk melancong ke Malaysia. Rasionalnya ialah apabila warga asing ini ingin memohon untuk melancong ke Malaysia mereka perlu melalui proses tapisan yang ketat oleh pejabat kedutaan Malaysia di luar negara, sekiranya pejabat kedutaan merasakan sesuatu yang tidak kena kepada bakal pelancong tersebut, maka mereka boleh tidak mengeluarkan visa untuk bakal pelancong tersebut. Di samping itu responden juga mencadangkan agar Jabatan Imegresen Malaysia (JIM) memperketatkan proses penapisan pelancong dibalai ketibaan dari segi memeriksa jumlah wang tunai (RM atau matawang asing bersamaan tidak lebih USD10,000.00) yang dibawa untuk tujuan melancong di Malaysia. Sekiranya wang yang dibawa oleh pelancong ini didapati tidak mencukupi untuk tempoh yang dinyatakan oleh pelancong ini maka, JIM seharusnya tidak membenarkan pelancong ini meneruskan perjalanan masuk ke Malaysia.

Selain itu 6% (3) responden mencadangkan agar perbincangan yang serius diadakan oleh pihak berkuasa Malaysia dengan pihak berkuasa Thailand khususny berkaitan aktiviti penyeludupan di sempadan antara dua negara. Mereka juga mencadangkan kerajaan Malaysia dan Thailand bersepakat untuk membina tembok di sepanjang Sungai Golok supaya aktiviti penyeludupan terutamanya penyeludupan senjata, dadah dan barangan kawalan dapat dibentaras sepenuhnya. Di samping itu meningkatkan penguatkuasaan di pintu sempadan negara Indonesia (Kalimantan dan Sabah, Sarawak), Singapura dan Thailand yang sering menjadi laluan utama kemasukan dadah ke Malaysia juga harus dilakukan.

Sebanyak 10% (5) responden mencadangkan agar kerajaan memperuntukan sejumlah wang untuk membeli peralatan canggih supaya dapat menapis setiap pelancong yang memasuki Malaysia dengan lebih berkesan tanpa melambatkan proses kemasukan mereka. Mesin pengimbas yang besar hanya memerlukan pelancong melaluinya bersama bagasi yang dibawa. Sekiranya ada mesin sebegini, maka ia tidak akan menjejaskan proses kemasukan pelancong asing ke Malaysia disamping akan dapat mencegah aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia.

Baki 4% (2) responden meyarankan agar Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) menggunakan peralatan canggih seperti alat *audio visual*, agar dapat mengesan setiap aktiviti haram oleh penyeludup ini lebih awal sebelum sempat mereka melepasi pintu masuk ke Malaysia. Setiap pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik juga dikehendaki mempertingkatkan kemahiran dalam proses

pengumpulan maklumat terhadap warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia.

4.19 Ulasan/ Perbincangan

Secara keseluruhannya analisa yang telah dijalankan ke atas maklumat temu bual menunjukkan kebanyakan responden telah lama berkhidmat di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam bidang masing-masing.

Soalan pertama yang diajukan kepada responden iaitu berapakah jumlah rampasan dan jenis - jenis dadah yang dirampas, didapati semua responden (100%) dapat memberi jawapan yang agak sama iaitu berdasarkan statistik rampasan dadah bermula dari tahun 2006 hingga 2010 sebenar. Statistik (Jadual 4.1) yang diberikan oleh responden mendapati dadah jenis Syabu dan Pil Eramin 5 merupakan jenis dadah yang paling banyak dirampas, dimana dadah jenis Syabu yang dirampas ialah sebanyak 400.80 kilogram (bagi tahun 2010) berjaya dirampas oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman. Harga pasaran bagi Syabu ini adalah sebanyak RM 200.00 sekilogram dan sekiranya 400.80 kilogram harganya mencecah RM 80 juta. Rampasa dadah jenis lain dari warga asing menunjukkan pergerakan yang tidak konsisten iaitu turun naik.

Mengenai peringkat umur warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia, rata-rata responden menyatakan peringkat umur mereka yang menyeludup dadah juga tidak konsisten, bergantung kepada keadaan, jika kita lihat dari jawapan yang

diberi oleh responden kebanyakan warga asing yang aktif menyeludup dadah ke Malaysia adalah berumur antara 30 tahun hingga 40 tahun.

Daripada maklumat diperolehi daripada responden rata-rata penyeludup dadah warga asing yang menjalankan kegiatan menyeludup dadah masuk negara kita adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka terdiri daripada pemandu teksi, buruh, peniaga kecilan dan penganggur. Kebanyakan mereka adalah keldai dadah (Drug Mule) yang diambil kesempatan oleh sindikit penyeludupan dadah di negara asal di atas kesempitan hidup mereka.

Laluan utama yang digunakan oleh penyeludup dadah warga asing ke Malaysia adalah melalui 3 laluan utama iaitu Udara, Darat dan laut. Laluan udara adalah menggunakan laluan lapangan terbang antarabangsa khususnya untuk perjalanan udara antara **Dubai-Kuala Lumpur, Chennai-Kuala Lumpur, Karachi-Kuala Lumpur, Lagos-Dubai-KLIA, Lagos- Dubai- Bangkok- KL, Tehran – Dubai – Doha – Kuala Lumpur, Dubai – Changi – Kuala Lumpur dan Tehran – Dubai – Kuala Lumpur – Johor Bahru.** Manakala laluan darat pula penyeludup menggunakan laluan pintu sempadan seperti dipintu sempadan **Padang Besar, Perlis; Bukit Kayu Hitam, Kedah; Betong/Pengkalan Hulu, Perak; Bukit Bunga, Pengkalan Kubur dan Rantau Panjang, Kelantan,** Tambahan pulalaluan laut mereka menggunakan pantai dari **Kuala Perlis ke Pulau Pinang; Satun Thailand ke Langkawi, Kedah; Jeti Setulang Laut Johor Bahru, Jeti Kukup, Pontian dan perairan Kota Tinggi, Johor.**

Modus operandi yang sering memilih untuk menyeludup dadah dengan cara menyorokkan dadah dalam ruang khas bagasi yang telah diubahsuai dan ditutupi oleh dengan kertas karbon serta plastik lutsinar supaya tidak dapat dikesan oleh mesin pengimbas di Lapangan Terbang atau pintu sempadan negara. Modus operandi lain seperti menyembunyikan dadah dalam *spare-part* enjin atau generator, melilit dadah pada tubuh badan sendiri, menelan dengan cara mengisi dadah dalam kondom, membuat ruang khas dalam kenderaan, menyembunyikan dalam kontena bersama barangan dagangan lain, melalui kapal kargo, menyembunyikan dalam bungkusan hadiah dan melalui pos/kurier juga menjadi pilihan warga asing dalam usaha mereka menyeludup dadah ke Malaysia. Keterangan ini adalah sama sepertimana tercatat dalam sorotan karya (Bab 2) yang mana banyak menerangkan modus operandi yang digunakan oleh warga asing dalam kegiatan penyeludupan dadah ke Malaysia.

Apabila ditanya berkenaan dengan bagaimana sindiket penyeludupan dadah warga asing ini beroperasi di Malaysia, rata-rata responden yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pencegahan dadah ini menyatakan bahawa sindiket pengedaran dadah warga asing di negara kita mempunyai rangkaian pengedaran yang besar yang mana ketua sindiket warga asing ini mempunyai ramai keldai dadah yang terdiri daripada penduduk negara asal atau penduduk tempatan. Mereka juga mempunyai stor penyimpanan dan hubungan rapat dengan pengedar dadah tempatan. Sindiket ini juga membawa masuk pakar-pakar pemprosesan dadah dari luar negara untuk memproses dadah di negara ini.

Makmal-makmal haram yang pernah dibongkarkan oleh pihak berkuasa Malaysia ialah seperti di Semenyih, Selangor; Senai, Johor dan Bukit Jambul, Pulau Pinang.

Persoalannya sekarang ialah kenapa Malaysia dipilih sebagai pusat transit dadah oleh warga asing? Ini adalah disebabkan oleh faktor geografi kerana Malaysia yang terletak ditengah-tengah rantau Asia Tenggara yang memudahkan penyeludup dadah warga asing ini menjalankan kegiatan mereka serta menggunakan Malaysia sebagai transit antara timur dan barat. Kedudukan ini memudahkan mereka untuk mengedar dadah ke negara jiran Malaysia seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Indocina dan Filipina

Ada dikalangan responden menyatakan Malaysia dipilih oleh sindiket warga asing sebagai pusat transit dadah kerana kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sendiri yang merupakan lapangan terbang yang sibuk dan mempunyai jadual penerbangan yang padat dari serata dunia. Kebanyakan laluan yang menyambungkan KLIA (sebagai transit) dengan destinasi-destinasi “*panas*” bagi aktiviti pengedaran dadah adalah laluan terus dan tidak memerlukan mereka transit di mana-mana negara lain sebelum sampai ke Malaysia. Maka peluang ini diambil kesempatan oleh penyeludup-penyeludup terutamanya dari Tehran, Doha, Dubai, UAE dan Karachi. Selain daripada dua faktor yang dinyatakan di atas, faktor dasar yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia dalam menggalakkan kemasukan pelancong asing terutamanya dari negara Asia Barat. Kerajaan Malaysia memberi keistimewaan kepada warga Iran untuk berkunjung ke Malaysia dengan hanya menggunakan Visa On Arrival (VOA) telah diambil

kesempatan oleh segelintir warga Iran untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat transit dan pengedaran dadah yang diseludup oleh mereka dari Iran.

Selain daripada itu, faktor penggunaan *GREEN LANE* yang diperkenalkan di lapangan terbang kita memudahkan lagi penyeludup dadah warga asing melakukan kegiatan penyeludupan mereka.

Faktor harga dadah yang begitu tinggi di pasaran Malaysia juga dibincangkan. Semua responden bersetuju bahawa harga dadah memainkan peranan penting kenapa aktiviti penyeludupan dadah ke Malaysia semakin berleluasa. Sebagai contoh, pada tahun 2008 telah wujud satu keadaan *Vacum* atau ruang kosong kerana pada masa itu pihak berkuasa Malaysia telah melakukan operasi pembenterasan dadah secara habis-habisan dan banyak pengedar dadah serta makmal haram berjaya dibongkar. Keadaan *Vacum* ini telah menyebabkan harga dadah dipasaran tempatan meningkat secara mendadak sehinggakan harga bagi dadah jenis Syabu pada suatu ketika telah mencecah RM 250,000 sekilogram. Kesempatan ini telah diambil sepenuhnya oleh penyeludup warga asing terutamanya dari Iran menambahkan hasil penyeludupan dadah mereka ke Malaysia.

Apabila ditanya adakah modus operandi berubah mengikut jenis dadah yang diseludup responden menyatakan bahawa pada kebiasaannya modus operandi penyeludup dadah warga asing tidak berubah bagi jenis dadah yang mana bentuknya adalah sama seperti Syabu, Ketamin dan Heroin. Mereka berkata hanya dadah yang berbentuk agak berlainan seperti Cannabis dan Kodein

menggunakan modus operandi yang agak berbeza kerana Cannabis diseludup dalam bentuk kilogram sementara Kodien diseludup dalam bentuk cecair. Kebanyakan Cannabis diseludup dengan menggunakan kenderaan persendirian yang diubahsuai ruang khas untuk menyembunyikan Cannabis sementara Kodien yang kebanyakannya diseludup dari Singapura disembunyikan di ruang enjin kenderaan mereka. Penyeludup mengambil kesempatan semasa waktu sibuk di Tambak Johor atau Link Kedua di Tanjung Pelepas, Johor untuk menyeludup masuk dadah ke Malaysia.

Manakala jenis dadah yang sering diseludup iaitu dadah jenis Syabu. Di samping itu, dadah lain seperti Ketamin, Heroin, Kokain, Cannabis dan Pil Eramin 5 tidak dipinggirkan. Namun begitu, jenis dadah yang diseludup tidaklah banyak berbeza cuma terdapat pertambahan atau pengurangan jenis dadah yang dinyatakan oleh mereka.

Mengenai warga asing yang telah didapati bersalah kerana menyeludup dadah ke Malaysia dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Malaysia, menunjukkan bahawa seramai 74 orang warga asing (bagi tahun 2006-2010) dari pelbagai negara telah didapati bersalah kerana menyeludup dadah ke Malaysia. Rekod mendapati pada tahun 2006 seorang warga Indonesia dan seorang warga Thailand dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di Malaysia. Pada tahun 2007, seorang warga Singapura dan seorang warga Indonesia dikenakan tindakan yang sama, sementara pada tahun 2008 angka ini telah meningkat kepada 8 orang (6 orang warga Indonesia dan 2 orang warga Thailand). Dalam tahun 2009 peratusan warga asing yang dijatuhkan

hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di Malaysia meningkat sebanyak 225% iaitu dari 8 orang dalam tahun 2008 meningkat kepada 26 orang. Mereka terdiri daripada 20 orang warga Indonesia, 2 orang warga Singapura, 2 orang warga Thailand dan 2 orang warga Filipina. Pada tahun 2010 seramai 36 orang lagi warga asing didapati bersalah kerana menyeludup dadah ke Malaysia iaitu peningkatan sebanyak 38.42%. Mereka adalah terdiri daripada 21 orang warga Indonesia, 4 orang warga Thailand, 3 orang warga Filipina, 3 orang warga Singapura, 1 orang warga Pakistan, 1 orang warga Namibia, 2 orang warga Zambia dan 1 orang warga Nigeria.

Apabila berbicara mengenai faktor kelonggaran sistem kawalan di pintu masuk negara yang menjadi punca peningkatan aktiviti penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia, pelbagai reaksi telah diberikan. Antaranya dengan menyalahkan anggota penguatkuasa itu sendiri yang kurang prihatin atau terlibat dengan rasuah sehingga lalai dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, kemungkinan juga terdapat kekangan tertentu dari pihak atasan atau tekanan dari ahli politik yang berpengaruh menyebabkan penguatkuasaan sukar menjalankan tanggungjawab mereka sepenuhnya.

Ada juga berpendapat bahawa faktor kekurangan penggunaan peralatan pengimbasan yang canggih serta terkini di pintu masuk negara antara penyumbang peningkatan aktiviti penyeludupan di Malaysia. Kekurangan peralatan yang canggih ini menyukarkan pihak berkuasa di pintu masuk negara menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan.

Sebahagian lagi menyatakan faktor geografi adalah merupakan faktor utama kerana Malaysia yang bersempadan dengan negara jiran terutamanya Thailand hanya dipisahkan oleh hutan dan Sungai sahaja. Faktor geografi yang mudah untuk dibolosi oleh para penyeludup dadah amat menyukarkan pihak berkuasa terutamanya di sempadan negara untuk mengawalinya. Sempadan Kelantan dengan Thailand yang hanya dipisahkan oleh sungai Golok yang berkeluasan 30 meter lebar yang panjang lebih kurang 145 kilometer juga memberi peluang kepada penyeludup menjalankan kegiatan mereka dengan lebih aktif. Keadaan sungai yang cetek serta semakin sempit ketika musim kemarau memudahkan lagi penyeludup dadah warga asing terutamanya warga Thailand menjalankan kegiatan mereka.

Disamping itu faktor pertindihan tugas dalam mengawal aktiviti penyeludupan dikalangan anggota atau agensi penguatkuasaan Malaysia atau negara asing juga menyebabkan pintu masuk negara kita mudah dibolosi. Terdapat pelbagai pihak berkuasa yang diberi tanggungjawab yang sama di pintu masuk negara telah mewujudkan satu keadaan di mana penguatkuasa ini akan merasakan merekalah yang paling berkuasa untuk mencegah penyeludupan atau sebaliknya dipertanggungjawabkan lebih kepada agensi penguatkuasa tertentu. Apabila keadaan sebegini berlaku, maka wujudlah perasaan tidak puas hati di kalangan anggota penguatkuasa itu sendiri sehingga menyebabkan mereka cuba untuk mensabotaj antara satu sama lain.

Sementara persoalan mengenai ancaman terhadap tahap keselamatan negara pula pengkaji merumuskan kepada empat kumpulan pendapat aktiviti penyeludupan

dadah oleh warga asing ini mendatangkan ancaman terhadap tahap keselamatan negara dari segi sosial, ekonomi dan keganasan. Mereka khawatir sekiranya dibiarkan masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ini semakin berleluasa, maka, nama baik negara akan tercemar dan terjejas di mata dunia. Sementara dari segi sosial pula berpendapat apabila penyeludup dadah dari luar negara giat membawa bekalan dadah masuk negara tanpa kawalan maka lambakan dadah di negara kita akan bertambah dan mengakibatkan peningkatan golongan beliau remaja Malaysia akan mudah mendapat bekalan dadah dan akhirnya menjadi penagih dadah, maka generasi yang menjadi bakal pemimpin negara kita telah dirosakkan oleh dadah, ke arah manakah hala tuju negara kita? Satu lagi bentuk ancaman yang muncul ekoran daripada kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ini ialah akan bertambah aktiviti keganasan dan jenayah. Aktiviti keganasan yang dimaksudkan ialah aktiviti seperti kegiatan subversif dan pemberontakan kerana sepertimana yang ketahui ramai negara luar kumpulan pemberontak menggunakan wang daripada kegiatan dadah haram untuk membiayai aktiviti mereka. Ia juga tidak mustahil akan berlaku di Malaysia sekiranya kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ini tidak dibendung dari sekarang.

Sebahagian lain pula berpendapat penyeludup dadah warga asing mendatangkan ancaman dari segi pengaliran keluar wang negara ke luar negara tanpa kawalan. Selain daripada itu, generasi muda kita akan binasa disebabkan najis dadah. Satu lagi ancaman yang dibangkitkan ialah ancaman dari segi kerosakan institusi kerajaan seperti badan kehakiman akibat daripada sikap suka merasuah oleh penyeludup dadah mewah khususnya warga Iran. Kemungkinan suatu hari nanti

pegawai-pegawai kerajaan Malaysia akan terpengaruh dengan wang ringgit serta habuan yang mengiurkan penjawat awam yang dapat mengoda kewibawaan pegawai kerajaan yang menjalankan tugas dengan baik. Satu lagi ancaman yang mungkin boleh berlaku ialah penyeludup dadah dari benua Afrika terutamanya dari negara Nigeria yang perwatakan ganas. Golongan ini tidak menghormati penduduk tempatan dan undang-undang negara. Sekiranya golongan ini dibiarkan bermaharajalela di negara kita kemungkinan besar mereka akan menguasai kawasan-kawasan tertentu di negara kita dengan cara keganananasan.

Disamping itu, diakui bahawa penyeludup dadah oleh warga asing ini mempunyai hubungan signifikan dengan tahap keselamatan negara kerana penyeludup dadah warga asing ini mempunyai hubungan dengan rangkaian sindiket pengedaran dadah tempatan. Apabila wujud rangkaian seperti ini, maka, untuk bersaing antara satu sama lain dalam menjalankan kegiatan pengedaran dadah, maka akan ada sindiket ini akan menyeludup senjata dari negara jiran untuk digunakan sebagai pelindung kepada ahli kumpulan masing-masing. Apabila aktiviti yang melibatkan senjata berleluasa maka aktiviti sampingan lain juga akan wujud seperti rompak bersenjata. Keadaan ini boleh menimbulkan negara kita menjadi kucar-kacir dan tidak aman. Sebagai contoh apa yang terjadi di Pekan Sungai Golok, Thailand pada 17/9/2011 di mana Ketua polis Sungai Golok Polis Kolonel Chakaporn Thenthong mengeluarkan kenyataan bahawa kejadian letupan bom yang mengorbankan 6 mangsa termasuk 5 orang dari Malaysia serta mencederakan hampir 60 lagi yang lain adalah berkemungkinan dari tindakan pembalasan dendam oleh para penyeludup dan pengedar dadah ekoran daripada

tindakan pemberantasan kumpulan sindiket ini secara meluas oleh pihak polis di sana (Mohamed, 2011).

Ada juga berpendapat kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia mendatangkan ancaman dari segi sosial ke atas generasi muda. Lambakan dadah dan pelbagai dadah sintetik yang diseludup memasuki pintu sempadan negara telah menjadikan bakal pemimpin negara kita di masa akan datang merana akibat ketagihan bahan terlarang itu. Ini adalah hukum alam di mana apabila dadah tersebut terlalu banyak serta mudah diperolehi, maka manusia akan lebih senang untuk mencubanya dan sekaligus membawa kepada peningkatan kadar penagihannya.

Dalam temu bual yang saya jalankan, ada berpandangan bahawa kerajaan Malaysia terutamanya pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas permasalahan penyeludupan dadah oleh warga asing ini. Ada mencadangkan agar pihak berkuasa seperti Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman khususnya menjalinkan hubungan yang lebih erat lagi dengan Agensi penguatkuasaan dadah antarabangsa negara lain terutamanya di negara-negara sasaran seperti Iran, Pakistan, Thailand, India, Myanmar, negara-negara di benua Afrika dan lain-lain negara yang difikirkan sesuai. Dengan adanya hubungan yang erat ini akan memudahkan dalam usaha Malaysia membentaras aktiviti penyeludupan dadah. Maklumat berkaitan dadah dari negara berkenaan akan dapat disampaikan dengan lebih cepat dan tepat supaya Malaysia dapat merangka langkah pencegahan dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu ada juga meyarankan agar pihak berkuasa Malaysia mempertingkatkan pemeriksaan kemasukan kurier-kurier atau keldai dadah (Drug Mule) ini di pintu-pintu masuk negara. Mereka hendaklah memfokuskan kepada warga asing dari negara-negara sasaran. Sebagai contoh warga dari Iran hendaklah melalui proses pemeriksaan yang lebih ketat berbanding dengan warga asing dari negara lain kerana setakat ini warga Iran menduduki tempat teratas dalam senarai warga asing yang menyeludup dadah ke Malaysia.

Ops Nyah yang dijalankan oleh Jabatan Imegresen Malaysia (JIM) dan Angkatan Relawan Rakyat (RELA) hendaklah dijalankan secara berterusan. Ops.Nyah yang dijalankan ini sebenarnya mendatangkan kesan yang positif tetapi apabila ia dijalankan secara bermusim maka hasilnya kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian responden mencadangkan Ops.Nyah ini dijalankan secara berterusan tanpa mengira tempat seperti yang dibuat sekarang yang mana hanya tertumpu hanya di kawasan tapak pembinaan sahaja. Ia hendaklah merangkumi di kediaman-kediaman mewah yang banyak didiami oleh warga Iran dan Nigeria yang kebanyakan mereka tinggal melebihi masa yang ditetapkan (Over Stay).

Visa On Arrival (VOA) bagi warga Iran yang diberikan oleh kerajaan Malaysia perlulah dikaji semula. Itulah pandangan yang diberikan oleh responden yang ditemu bual. Mereka menyatakan bahawa sejak kebelakangan ini ramai warga Iran telah menyalahgunakan VOA ini. Mereka mengambil kesempatan atas keistimewaan yang diberikan kepada mereka. Responden mencadangkan agar pihak kerajaan meneliti rekod setiap warga Iran yang hendak memasuki Malaysia, bagi mereka yang mempunyai rekod yang tidak baik atau pihak berkuasa

Malaysia mempunyai maklumat penglibatan mereka dalam aktiviti penyeludupan dadah maka VOA mereka hendaklah dibatalkan.

Sejak kebelakangan ini ramai pelajar asing memilih Malaysia sebagai destinasi mereka untuk melanjutkan pelajaran. Namun segelintir mereka telah menyalahgunakan visa pelajar yang diberi kepada mereka. Pelajar-pelajar dari Nigeria dan Iran merupakan kumpulan yang paling ramai menyalahgunakan visa ini. Oleh yang demikian responden mencadangkan visa pelajar untuk pelajar Iran dan Nigeria perlu dikaji semula. Pusat pengajian swasta juga dikehendaki memaklumkan segera kepada Kementerian Pengajian Tinggi sekiranya terdapat pelajar mereka yang menghilangkan diri selepas mendapat visa pelajar. Ini adalah supaya Kementerian Pengajian Tinggi menerusi Jabatan Imegresen Malaysia membatalkan visa pelajar tersebut.

Responden juga mencadangkan agar pegawai penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara ditukarkan secara berkala untuk mengelakkan mereka berada disesuatu tempat terlalu lama. Jika mereka bertugas terlalu lama di situ berkemungkinan akan berlaku gejala rasuah akibat daripada mereka telah mengenali antara satu sama lain dengan para penyeludup.

Ada juga responden mencadangkan supaya kerajaan Malaysia meletakkan syarat visa kepada semua pelancong bagi negara sasaran yang ingin melancong ke negara ini. Proses permohonan visa di kedutaan Malaysia akan mebolehkan tapisan ke atas pelancong-pelancong tersebut agar mereka yang disyaki ingin memasuki Malaysia untuk melakukan kegiatan yang menyalahi undang-undang

boleh dielakkan. Di samping itu Jabatan Imegresen disaran supaya memperketatkan proses kemasukan pelancong di balai ketibaan, terutamanya berkaitan jumlah wang yang dibawa oleh mereka. Sekiranya jumlah yang dibawa tidak munasabah untuk mereka digelar pelancong maka Jabatan Imegresen bolehlah membatalkan lawatan tersebut.

Selain daripada itu pembinaan tembok di sepanjang Sungai Golok sempadan Kelantan-Thailand juga dicadangkan untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah ke Malaysia. Pembinaan tembok tersebut walaupun memerlukan peruntukan yang tinggi tetapi pulangnya adalah untuk jangka masa panjang. Masalah penyeludupan yang menghantui negara sedekad yang lalu dapat di selesaikan dengan pembinaan tembok itu nanti.

Sebahagian responden mencadangkan supaya kerajaan Malaysia memperuntukan sejumlah peruntukan khusus untuk membeli peralatan yang canggih untuk digunakan di pintu-pintu masuk sempadan negara agar tiada sebarang kegiatan penyeludupan dapat terlepas dari pintu-pintu masuk negara. Peralatan yang canggih yang dicadangkan seperti peralatan pengimbas yang boleh digunakan untuk mengimbas secara keseluruhan bagasi dan manusia secara serentak atau yang berkaitan. Mereka berpendapat sekiranya di pintu masuk negara diletakkan peralatan seperti ini ia akan menjimatkan tenaga kerja dan hasilnya juga adalah lebih baik dan tepat sekaligus akan dapat mengurangkan atau mencegah sepenuhnya aktiviti penyeludupan khasnya dadah masuk ke Malaysia.

BAB LIMA

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini menerangkan cadangan dan strategi yang perlu diambil serta rumusan dan kesimpulan mengenai keseluruhan kajian yang dilaksanakan. Bab ini akan memberikan jawapan untuk objektif tiga kajian ini tercapai. Cadangan penambahbaikan akan digunapakai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ,Polis DiRaja Malaysia.

5.1 Cadangan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan dan berdasarkan penganalisan data sekunder dan maklumat yang perolehi daripada responden yang telah ditemu bual, maka beberapa cadangan dikemukakan untuk digunapakai dalam memerangi kegiatan penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia. Antaranya cadangan tersebut seperti berikut:

5.1.1 Menangani kemasukan kurier di pintu masuk

Kurier atau keldai dadah ini merupakan masalah utama yang menyebabkan berlakunya kemasukan dadah ke negara kita. Oleh yang demikian menagani mereka semasa hendak masuk ke Malaysia adalah satu langkah yang proaktif. Semua pihak berkuasa yang bertugas di pintu-pintu masuk negara hendaklah mengambil berat masalah dadah ini. Latihan dan kemahiran mengenai selok belok dadah juga harus diberi kepada setiap individu penguatkuasa di pintu masuk. Tumpuan harus diberi kepada pelawat-pelawat yang datang dari negara yang berpotensi seperti Iran, Nigeria, Pakistan dan India.

5.1.2 Mempereratkan hubungan antarabangsa dengan pihak berkuasa Narkotik luar negara terutamanya negara yang aktif dalam aktiviti dadah.

Langkah ini telah lama dijalankan oleh PDRM dalam menagani isu-isu seperti ini, tetapi disini dicadangkan agar Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik mempereratkan lagi hubungan mereka dengan Agensi Penguatkuasa di negara tersebut terutamanya negara yang mana rakyatnya sering menjadikan Malaysia sebagai pusat transit dadah. Sebagai langkah yang lebih proaktif dicadangkan PDRM mempercepatkan proses penghantaran pegawai-pegawainya untuk ditempatkan di negara yang berpotensi itu supaya tugas-tugas penyaluran maklumat dapat dilaksanakan dengan lebih lancar. Melalui hubungan erat dua hala ini juga setiap maklumat yang kita perolehi daripada saspek yang telah ditangkap di negara ini

akan kita salurkan kepada Agensi Penguatkuasa di negaranya supaya mengesan ketua sindiket di sana dan seterusnya membuat tangkapan diperingkat akar umbi.

5.1.3 Membatalkan Visa On Arrival (VOA) ke atas rakyat negara yang aktif dalam aktiviti dadah.

Sehingga sekarang negara timur tengah terutamanya Iran diberi VOA oleh pihak kerajaan Malaysia. Mereka boleh tinggal di Malaysia untuk tempoh 90 hari dengan VOA ini dan selepas tamat tempoh 90 hari tersebut rakyat Iran dibolehkan untuk memohon melanjutkan lagi tempoh selama 90 hari lagi. Ini bermakna sekali masuk rakyat Iran boleh tinggal di Malaysia selama 6 bulan. Peluang ini telah diambil kesempatan oleh sindiket pengedaran dadah negara tersebut untuk menjadikan Malaysia sebagai negara transit dadah dan melebarkan jaringan sindiket pengedaran dadah mereka. Adalah dicadangkan kerajaan mempertimbangkan semula pemberian VOA tersebut kepada rakyat negara-negara yang sering mendatangkan masalah terutamanya penyeludupan dadah memasuki negara kita.

5.1.4 Membina tembok atau pagar berduri di sepanjang Sungai Golok, Sempadan Kelantan-Thailand

Salah satu punca kebanjiran dadah yang diseludup oleh warg asing terutamanya Thailand ke Malaysia adalah melalui sempadan Kelantan-Thailand. Sempadan ini hanya dipisahkan oleh Sungai Golok yang lebarnya lebih kurang 30 meter serta agak cetek. Cadangan untuk membina tembok juga harus dipertimbangkan oleh kerajaan walaupun terpaksa mengeluarkan peruntukan yang banyak tetapi ia membawa kebaikan dalam jangka masa panjang kepada negara terutamanya dalam mencegah penyeludupan yang berlaku dikawasan tersebut sejak sekian lama khasnya penyeludupan dadah ke Malaysia.

5.1.5 Mengkaji semula Kebenaran Visa pelajar kepada pelajar asing di Malaysia.

Kebanyakan pelajar asing yang menyalahgunakan visa pelajar adalah dari kalangan rakyat Nigeria dan Iran. Mereka memilih kolej swasta sebagai tempat mereka mendaftar sebagai pelajar. Selepas mendaftar dan pihak kolej akan menguruskan visa pelajar kepada mereka untuk tempoh 2 tahun. Apabila mendapat visa pelajar, pelajar ini terus ghaib dan tidak lagi hadir ke kolej. Taktik ini digunakan oleh pelajar yang mempunyai agenda lain untuk datang ke Malaysia terutamanya melibatkan diri dalam aktiviti dadah. Dicadangkan agar pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sentiasa memantau kolej-kolej swasta ini agar tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata dan mewajibkan pihak

kolej melaporkan dengan segera lepas pelajar asing yang telah mendapat visa pelajar tetapi menghilangkan diri. Ini supaya pihak yang bertanggungjawab dapat membatalkan visa pelajar mereka.

5.16 Menukarkan pegawai penguatkuasa di pintu-pintu sempadan negara secara berkala.

Mereka hendaklah ditukarkan setiap 3 tahun sekali, ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya gejala rasuah di kalangan pegawai ini yang mana apabila mereka terlalu lama disesuatu tempat kerja itu khasnya di pintu-pintu masuk negara maka para penyeludup ini akan cuba mengambil kesempatan untuk berkenalan secara rapat dan memberikan habuan untuk pegawai penguatkuasa ini dapat melancarkan aktiviti penyeludupan mereka.

5.17 Melancarkan Ops.Nyah secara berterusan

Ops.Nyah yang dijalankan oleh Jabatan Imegresen Malaysia (JIM) dan Ikatan Sukarelawan Rakyat (RELA) seharusnya dijalankan secara berterusan. Tindakan yang tegas patut diambil ke atas setiap warga asing yang menyalahgunakan pas lawatan atau tiada dokumen perjalanan yang sah. Pemeriksaan terhadap warga asing ini juga tidak seharusnya hanya bertumpu kepada kawasan pembinaan sahaja ia hendaklah merangkumi bandar-bandar besar terutamanya pemeriksaan yang kerap ke atas kediaman warga Iran dan Nigeria yang kebanyakan tinggal

melebihi masa di sini. Sekiranya operasi ini dijalankan secara berterusan ia akan memberi isyarat kepada warga asing yang menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang Malaysia berfikir dua kali untuk terus melakukan kegiatan haram mereka di sini.

5.2 Kajian akan datang.

Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini hanya memfokuskan kepada modus operandi, jenis-jenis dadah dan ancaman kepada keselamatan negara terutamanya dari segi sosial, Oleh yang demikian pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang meluaskan tempat kajian kepada badan-badan penguatkuasa lain seperti Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja (KDRM), Jabatan Imegresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan(AADK) dan persempelan juga hendaklah merangkumi dua pihak iaitu pihak penguatkuasa dan juga pihak saspek yang telah ditangkap.

5.3 Kesimpulan

Kajian ini yang memfokuskan kepada modus operandi yang digunakan oleh penyeludup dadah warga asing ke Malaysia, dan daripada sorotan karya di bahagian dua kajian ini menunjukkan terlalu banyak modus operandi yang digunakan oleh mereka untuk menyeludup dadah memasuki negara kita. Ia adalah selari dengan modus operandi yang diberi oleh responden-responden dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik JSJN Bukit Aman yang rata-ratanya berpengalaman

luas dalam bidang tersebut. Modus operandi yang amat digemari oleh kebanyakan penyeludup dadah warga asing ialah dengan cara memasukkan dadah dalam kondom dan menelannya dan juga mengubahsuai bagasi untuk disorokkan dadah. Selain daripada itu modus operandi lain juga masih digunakan. Mengenai jenis dadah yang popular didapati Syabu menduduki tempat pertama, ini kerana Syabu mudah diproses di negara mereka dan Syabu mempunyai pasaran yang luas di Malaysia dengan harga yang agak tinggi iaitu sekitar RM 200.000 untuk sekilogram. Di samping dadah-dadah lain masih juga lagi menjadi pilihan seperti Ketamin, Kokain, Heroin, Cannabis, Pil Estacy dan sebagainya. Daripada kajian ini beberapa cadangan untuk penambahbaikan telah dihasilkan dan kemungkinan cadangan-cadangan tersebut dapat digunapakai oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengawalan dadah di Malaysia.

RUJUKAN

- Anglin, D. M., & Mough, T. H. (1992). Ensuring success. *Analysis of Academy of Political Sciences*, 521, 128-137.
- Anglin, D.M & Mough, T.H. (1992). Ensuring success in interventions with drug using offenders. *Annalysis of American Academy of Political Science*. 521:128-137
- Albini, J. (1986). Organised crime in Great Britian and the Caribbean. In R. Kelly (Ed.), *Organised crime: A global perspective*. New Jersey: Rowan and Littlefield.
- Ang, N.H. (1990) *Kajian mengenai faktor-faktor dadah: Satu kajian di Pusat Serenti Rawang dan Tampin*, INTAN, Kuala Lumpur.
- Bennet, T. (2000). *Drug and Crime: The result of research on drug testing and interviewing arrestees*. London, Home Office Study.
- Becker, H. S. (1963). *Outsiders: Studies in the sociology of deviance*. New York: Free Press.
- Cave, J. & Reuter, P. (1988). *The Interdictor's Lot: A Dynamic Model of the Market for DrugSmuggling Services*, Note N-2632-USDP. Santa Monica: RAND.
- Castrol, L. F. (1998). Patterns and trend in drug abuse in the Philipines. In V. Navaratnam, & A. B. Abu (Eds.), *International monograph* (pp. 23-32). Penang: Center for Drug Research, Universiti Sains Malaysia.
- Chakrid. S. (2009). *Drug Trafficking in Thailand*, Se-ed Book, Bangkok.
- Don, Y. (1999). *Hubungan penagihan dadah dengan perlakuan jenayah: Pengaruh factor-faktor psikososial dan institusi terpilih*, Tesis di Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Edwards, A. and Gill, P. (editors), (1990) *Transnational organised crime: perspectives on global security*, London: Routledge/Taylor and Francis Group

- Edwards, A., & Gill, P. (Eds.). (1990). *Transnational organised crime: Perspectives on global security*. London: Routledge.
- Hadi, A. A & Herman, I (1997). *Penagihan Dadah mengikut kaum, diri, keluarga dan persekitaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Inciardi, A.J. (1996). *Criminal Justice* 5th Ed. Harcourt Brace College Publishers, U.S.A.
- Low, Y.L. (1986) *An analysis of the dadah problem in Peninsular Malaysia with particular refrence to the dadah rehabilitation*, Universiti Malaya Press.
- Piak Jukkawan, (2005) *Khun Sa, King of drug from Golden Triangle*, Phaileen Book, Bangkok.
- Muhamed, A. A. H (1992). *Faktor-faktor sikososial Terpilih Berhubung dengan Penyalahgunaan Dadah: Analisis Korelasi dan Perbandingan antara Penyalahgunaan Dadah dengan Bukan Penyalahguna Dadah*. Tesis di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamed, A. A. H. (1992). *Faktor-faktor psikososial dadah: Analisis korelasi*. Unpublished doctoral thesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miranda, Joseph. (2000) “*War On Drugs: Military Perspectives and Problems.*” The Drug Reform Coordination Network: Washington, D.C.
- Rogers, R.A. (2008). *Segi Tiga Emas: Perniagaan Narkotik di Asia Tenggara*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Richard,S.Mc.Gowen. (2003). *Central Asian Drug Trafficking Dolemma*, Monterey, California.

Stephen, P. Howard (2001). *The military war on drug: Too many assets too few result*. Monterey, California.

Taib, A. G. (1992). *Dadah pembunuh*. Kuala Lumpur: Delmu.

Wilawan.P. (2005). *Smuggling activities between Malaysia/Thailand*, Phailin Book, Bangkok.

Yasoh, M.S & Che Mat, C.C. (1996). *Penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah di Malaysia: Undang-undang dan keberkesanannya*, DEB, Kuala Lumpur.

Yusoff, M. (2001). *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman, Kerja Lapangan, Kajian*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

RUJUKAN ELEKTRONIK

Agensi Dadah Kebangsaan (2005). *Buletin dadah*. Retrieved August 23, 2011, from <http://www.adk.gov.my>

Agensi Dadah Kebangsaan (2006). *Buletin dadah*. Retrieved August 23, 2011, from <http://www.adk.gov.my>.

Agensi Dadah Kebangsaan (2011). *Buletin dadah*, Retrieved 23 August,2011, from <http://www.adk.gov.my>

Ahmedullah, S.S. (2011). *2.8 kilogram Ketamin diikat dibadan terbongkar*, Retrieved June 17, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Abdullah, S. (2010). *8 warga Iran miliki dadah di tandas hospital dan KLIA*, retrieved July 22, 2011, from <http://www.bernama.com.my>

Ali, A. (2011). *Wanita Veatnam ditahan bersama 2.7 kilogram Syabu*, Retrieved June 29, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Ali. A. (2011). *Wanita Indonesia seludup Syabu bernilai 1.4 juta*, Retrieved August 23, 2011 from <http://www.utusan.com.my>

Abdullah, S. (2011). *Tiga pelajar Nigeria anggota sindiket dadah ditahan*, Retrieved June 13, 2011, from <http://www.bernama.com.my>

Abdullah, R. (2011). *Warga asing seludup 3.5 kilogram Syabu ditahan*, Retrieved January 18, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Abdullah, R. (2011). *Hilang dan jumpa, taktik baru seludup dadah*, Retrieved March 10, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Aziz, A. (2011). *Dadah 16 Juta disorok dalam kontena karpet*, Retrived March 25, 2011 from [http:// utusan.com.my](http://utusan.com.my)

Aziz, A. (2011). *Taktik baru seludup dadah guna kotak bijirin*, Retrieved March 9, 2011, from [http:// www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

Abraham, J. (2011). *Gangster negara India dalang seludup dadah*, retrieved January 31, 2011, from [http:// www.bernama.com.my](http://www.bernama.com.my)

Abd. Rahman, A.R. (2011). *Kastam rampas 5.8 kilogram dadah*, Retrieved August 2, 2011, from [http:// www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

Aziz, A. (2011). *Taktik baru seludup dadah*, Azian Aziz, Retrieved August 3, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Ali, H. (2011). *Taktik hilang dan jumpa*, Retrieved March 10, 2011 from <http://www.hmetro.com.my>

Aziz, S. (2011). *Warga cina ditahan, RM 3.4 juta pil Eramin 5 dirampas*, Retrieved April 22, 2011, from <http://www.sinarharian.com>

Aziz, S. (2011). *Sorok dadah dalam kotak bijirin*, Retrieved May 19, 2011, from <http://www.sinarharian.com>

Ahmad, R.N. (2011). *Wanita Iran di gantung sampai mati*, Retrieved may 20, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Basri, H. (2011). *Taktik baru seludup dadah*, Retrieved Julay 27, 2011 from [http:// www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)

- Foad, H.M. (2011). *Pelajar asing edar dadah meningkat*, Retrieved January 4, 2011 from <http://www.utusan.com.my>
- Farhan, S. (2011). *Kastam rampas dadah 3.4 juta*, Retrived July 25, 2011, from <http://www.bernama.com>
- Fahmi, I. (2010). *Syabu RM 2.5 juta diserap dalam pakaian*, Retrieved July 22, 2011, from [http:// www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)
- Hasan, A. (2011). *Batang besi isi dadah*, Asim Hassan, Retrieved January 26, 2011, from <http://www.utusan.com.my>
- Hussien, H. (2010). *Dua warga India seludup Ketamin tumpas*, Retrived February 22, 2011, from <http://www.utusan.com.my>
- Idris, A.R. (2011). *Sembunyi dadah dalam bingkai gambar*, Retrieved September 2, 2011, from [http:// www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)
- Idris, A.R. (2009). *Sorok dadah dalam computer riba*, Retrieved January 20, 2011 from <http://www.utusan.com.my>
- Ibrahim, N.A. (2010). *Uztaz Mynmar miliki ganja*, Retrieved July 12, 2011 from [http:// www.utusan.com .my](http://www.utusan.com.my)
- Idris, A.R. (2010). *Syabu 2.8 juta dirampas di KLIA*, Retrieved July 22, 2011 from <http://www.bharian.com.my>
- Ibrahim, N.A. (2010). *Lelaki Iran dihukum gantung*, Retrieved July 22, 2011, from <http://www.utusan.com.my>
- Ibrahim, N. A. (2010). *Ganja terapung*. Retrieved February 23, 2010, from <http://www.utusan.com.my>.

Johar, M.A. (2010). *Seludup dadah dari India guna TV rosak*, Retrieved July 22, 2011, from <http://www.hmetro.com.my>

Kadir, A.S. (2011). *Kastam KLIA rampas dadah bernilai 1 juta*, Retrieved July 19, 2011 from <http://www.bernama.com.my>

Kamsan, S. (2009). *Pihak berkuasa India rampas konsaimen dadah ke Malaysia*, Retrieved July 28, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Karim, B. (2005). *Penagihan dadah di Malaysia semakin meningkat*, Retrieved July 20, 2011, from <http://bernama.com.my>

Kasim, K. (2009). *Gadis hamil seludup RM 1.7 juta Kokain*, Retrieved July 14, 2011, from <http://www.bernama.com.my>

Kasim, K. (2009). *Seludup dadah guna perkakas elektrik*, Retrieved January 5, 2011, from <http://www.bernama.com.my>

Kasim, K. (2010). *Sindiket dadah warga Myanmar terperangkap*, Retrieved February 10, 2011, from <http://www.bernama.com.my>

Mohamed, I.S. (2011). *3 rakyat Malaysia maut dalam letupan bom di Golok*, Retrieved September 18, 2011, from <http://www.hmetro.com.my>

Nazri, M. (2010). *Harga dadah di Asia lebih tinggi*, Retrieved July 24, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Reduan, A. (2006). *Edar dadah guna Kurrier*, Retrieved July 12, 2011 from <http://www.utusan.com.my>

Rizman, R. (2011). *9 lelaki Iran, 1 gadis Thai ditahan*, Retrieved March 24, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

Rizam, Z. (2011). *Lelaki Iran dicekup*, Retrieved February 18, 2011, from <http://www.hmetro.com.my>

Sin, Y.S. (2011). *3 lelaki Iran telan 40 ketul Syabu*, Retrieved March 9, 2011, from <http://www.utusan.com.my>

RUJUKAN LAPORAN TAHUNAN

- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2004).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2005).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2006).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2007).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2008).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2009).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2010).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.
- Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (2011).* Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur: Polis DiRaja Malaysia.

Lampiran A.

Gambar-Gambar Modus Operandi Penyeludupan dan Jenis-Jenis dadah yang diseludup oleh warga asing ke Malaysia

Ruang Khas Bagasi



Ubi Kayu




Kompenan enjin




Buku



Ikan Masin



Replika Kepala Harimau





Sandal



LAMPIRAN B

Bahagian I : Soal Selidik/ Questionnaire

PENYELUDUPAN DADAH OLEH WARGA ASING: KAJIAN TERHADAP MODUS OPERANDI, JENIS-JENIS DADAH DAN IMPAK KE ATAS KESELAMATAN MALAYSIA.

1. Berapakah peringkat umur warga asing yang terlibat dalam penyeludupan dadah ke Malaysia?

Jawapan:

2. Apakah pekerjaan utama di negara asal penyeludup dadah ini sebelum ditangkap?

Jawapan:

3. Laluan manakah yang sering digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia?

Jawapan:

4. Apakah modus operandi yang sering digunakan oleh warga asing untuk menyeludup dadah ke Malaysia?

Jawapan:

5. Apakah jenis dadah yang diseludup oleh warga asing ke Malaysia? Sila nyatakan:

Jawapan:

6. Adakah jenis dadah yang berlainan menggunakan taktik/teknik penyeludupan yang berbeza?
Huraikan,

Jawapan:

7. Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia dijadikan transit penyeludupan dadah oleh warga asing?(sekiranya lebih dari satu,sila senaraikan)

Jawapan

8. Adakah penyeludup dadah warga asing menjalankan kegiatan mereka secara bersendirian atau berkumpul?

Jawapan:

Sendirian,jelaskan MO:

Berkumpulan,jelaskan MO

9. Adakah berlakunya kelonggaran kawalan di sempadan negara atau di pintu masuk negara yang merupakan penyumbang kepada berlakunya penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia? Jika ya,sila jelaskan:

Jawapan

10. Adakah penyeludupan dadah ke Malaysia oleh warga asing dipengaruhi oleh peningkatan harga dadah tersebut? Huraikan;

Jawapan:

11. Pada pendapat anda adakah masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia boleh mengancam keselamatan negara?Jika ya,bagaimana bentuk ancamannya;

Jawapan:

12. Pada pendapat Tuan, adakah penyeludupan dadah oleh warga asing mendatangkan masalah sosial ke atas rakyat Malaysia? Sila nyatakan masalah sosial tersebut:

Jawapan:

13. Setakat ini berapa ramaiakah penyeludup dadah warga asing yang dikenakan hukuman mati di Malaysia?

Jawapan:

14. Apakah langkah – langkah pencegahan yang di ambil oleh JSJN dalam menagani masalah penyeludupan dadah oleh warga asing ke Malaysia? Sila nyataka,

Jawapan:

Bahagian II : Demografi

Sila tandakan [] dalam kotak berkenaan

1. Jantina

[] Lelaki

[] Perempuan

2. Umur: tahun

3. Bangsa

[] Melayu

[] Cina

[] India

[] Lain-lain

4. Tahap Pendidikan

[] PHD

[] Ijazah Sarjana

[] Ijazah Sarjana Muda

[] Diploma

[] STPM

[] SPM

[] PMR

5. Status Perkahwinan

[] Kahwin

[] Bujang

[] Duda/Janda

6. Jawatan :

7. Pendapatan bulanan

[] 10,000 ke atas

- [] 9,000 ke 9,999
- [] 8,000 ke 8,999
- [] 7,000 ke 7,999
- [] 6,000 ke 6,999
- [] 5,000 ke 5,999
- [] 4,000 ke 4,999
- [] 3,000 ke 3,999
- [] 2,000 ke 2,999
- [] 1,000 ke 1,999

8. Tahun mula berkhidmat dalam PDRM:tahun

9. Tempoh berkhidmat di JSJN PDRM:.....tahun